



**DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 02 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

**Encik Izal Izlan bin Yusof**  
Encik Ahmad Hafizan bin Yusof

### **Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada 2 November 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan Doa.

**II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT:**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas Mesyuarat :

- 1) Kertas Mesyuarat Bilangan 65 Tahun 2015
  - Anggaran Perbelanjaan Perbekalan 2016 Dan Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan 2016 Kerajaan Negeri Selangor
- 2) Kertas Mesyuarat Bilangan 66 Tahun 2015
  - Laporan Tahunan 2014 Tabung Amanah Bencana Alam
- 3) Kertas Mesyuarat Bilangan 67 Tahun 2015
  - Laporan Tahunan 2014 Tabung Warisan Negeri Selangor
- 4) Kertas Mesyuarat Bilangan 68 Tahun 2015
  - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Tabung Kumpulan Wang Basiswa Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014
- 5) Kertas Mesyuarat Bilangan 69 Tahun 2015
  - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014
- 6) Kertas Mesyuarat Bilangan 70 Tahun 2015
  - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

- 7) Kertas Mesyuarat Bilangan 71 Tahun 2015
  - Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2014
  
- 8) Kertas Mesyuarat Bilangan 72 Tahun 2015
  - Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014
  
- 9) Kertas Mesyuarat Bilangan 73 Tahun 2015
  - Penyata Kewangan Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014
  
- 10) Kertas Mesyuarat Bilangan 74 Tahun 2015
  - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014
  
- 11) Kertas Mesyuarat Bilangan 75 Tahun 2015
  - Laporan Tahunan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Bagi Tahun 2012
  
- 12) Kertas Mesyuarat Bilangan 76 Tahun 2015
  - Laporan Tahunan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Bagi Tahun 2013
  
- 13) Kertas Mesyuarat Bilangan 77 Tahun 2015
  - Laporan Tahunan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Bagi Tahun 2014
  
- 14) Kertas Mesyuarat Bilangan 78 Tahun 2015
  - Laporan Tahunan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Bagi Tahun 2014
  
- 15) Kertas Mesyuarat Bilangan 79 Tahun 2015
  - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014
  
- 16) Kertas Mesyuarat Bilangan 80 Tahun 2015
  - Anggaran Perbelanjaan 2016 & Senarai Perjawatan Negeri Selangor 2016



- 17) Kertas Mesyuarat Bilangan 81 Tahun 2015
- Sijil Ketua Audit Negara Dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Dua Belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor
    - 1) Majlis Bandar Raya Shah Alam
    - 2) Majlis Bandar Raya Petaling Jaya
    - 3) Majlis Perbandaran Klang
    - 4) Majlis Perbandaran Ampang Jaya
    - 5) Majlis Perbandaran Subang Jaya
    - 6) Majlis Perbandaran Selayang
    - 7) Majlis Perbandaran Kajang
    - 8) Majlis Perbandaran Sepang
    - 9) Majlis Daerah Kuala Selangor
    - 10) Majlis Daerah Hulu Selangor
    - 11) Majlis Daerah Kuala Langat
    - 12) Majlis Daerah Sabak Bernam
- 18) Kertas Mesyuarat Bilangan 82 Tahun 2015
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee On Water Resource Management Of The State Of Selangor* (JPK-SAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Pengurusan Air Terawat Negeri Selangor (Kuantiti): Pengurangan *Non-Revenue Water* (NRW), Laporan Status Kemajuan Projek Mitigasi 2 Dan Langat 2
- 19) Kertas Mesyuarat Bilangan 83 Tahun 2015
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah Dan Daerah (JP-PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Masalah Kecurian Pasir Di Kawasan Pentadbiran Pejabat Daerah Dan Tanah Di Selangor
- 20) Kertas Mesyuarat Bilangan 84 Tahun 2015
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Masalah Pemberian Perakuan Siap Dan Pematuhan (*Certificate Of Completion And Compliance* "CCC")
- 21) Kertas Mesyuarat Bilangan 85 Tahun 2015
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu Pengambilalihan Pengurusan Sisa Pepejal Oleh Kerajaan Negeri

- 22) Kertas Mesyuarat Bilangan 86 Tahun 2015
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan P.J. Sentral Development Sdn. Bhd. (PJ Sentral)
- 23) Kertas Mesyuarat Bilangan 87 Tahun 2015
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Saranan Penambahbaikan Struktur Tadbir Urus Korporat Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) Dan Anak-Anak Syarikat
- 24) Kertas Mesyuarat Bilangan 88 Tahun 2015
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Hebat Abadi Sdn Bhd (HASB)
- 25) Kertas Mesyuarat Bilangan 89 Tahun 2015
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Program Bantuan Blueprint Dari Perspektif Pembasmian Kemiskinan
- 26) Kertas Mesyuarat Bilangan 90 Tahun 2015
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Program Di Bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa Dan Kampung Tradisi
- 27) Kertas Mesyuarat Bilangan 91 Tahun 2015
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah Dan Daerah (JP-PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu Lesen Pendudukan Sementara (LPS) Bagi Tujuan Papan Iklan
- 28) Kertas Mesyuarat Bilangan 92 Tahun 2015
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Darul Ehsan *Investment Group* (DEIG)

- 29) Kertas Mesyuarat Bilangan 93 Tahun 2015
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor (*Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor*– JPK-SAM) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Pengurusan Air Negeri Selangor (Kuantiti): Persediaan Bekalan Air Untuk Musim Kering Dan Masa Depan.
- 30) Kertas Mesyuarat Bilangan 94 Tahun 2015
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu Penyelenggaraan Jalan Raya Di Negeri Selangor
- 31) Kertas Mesyuarat Bilangan 95 Tahun 2015
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Pengurusan Bangunan Yayasan Selangor Di Bukit Bintang
- 32) Kertas Mesyuarat Bilangan 96 Tahun 2015
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor (*Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor*– JPK-SAM) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung "Pengurusan Air Negeri Selangor (Kualiti): Kaedah Menangani Pencemaran Air."
- 33) Kertas Mesyuarat Bilangan 97 Tahun 2015
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (*Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency-SELCAT*) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Penyelenggaraan Dan Pemantauan Perumahan PPR Negeri Selangor
- 34) Kertas Mesyuarat Bilangan 98 Tahun 2015
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu Perumahan Awam Kos Rendah Dan *Commissioners Of Building* (COB) Susulan Daripada Lawatan Ke Housing Development Board (HDB), Dan Majlis Perbandaran Ang Mo Kio, Singapura.

- 35) Kertas Mesyuarat Bilangan 99 Tahun 2015  
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (*Public Account Committee-PAC*) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu-isu Pada Tahun 2015
- 36) Kertas Mesyuarat Bilangan 100 Tahun 2015  
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (*Public Account Committee-PAC*) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu-isu Pada Tahun 2014
- 37) Kertas Mesyuarat Bilangan 101 Tahun 2015  
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Dasar Pelaksanaan Perumahan Mampu Milik Dalam Membasmi Kemiskinan Di Negara Singapura
- 38) Kertas Mesyuarat Bilangan 102 Tahun 2015  
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu Pelupusan Sampah Dan Pembersihan Awam

### III. PERTANYAAN-PERTANYAAN

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi kepada semua Ahli Yang Berhormat. Sebelum saya memanggil Sekinchan untuk mengemukakan soalan beliau ingin saya ingatkan bahawa setiap soalan hanya diberikan tiga (3) minit untuk dijawab dan kepada ADUN yang bertanyakan soalan tambahan saya hanya benarkan satu soalan tambahan seorang okey. Jangan bangun dan bertanya soalannya ini dan soalannya ini sampai seorang mengemukakan dua tiga soalan tambahan. Yang Ketiganya, bagi ADUN yang tidak hadir saya tak akan membenarkan secara automatik ADUN yang lain untuk mengambil soalan tersebut. Saya akan melihat sama ada soalan tersebut adalah penting untuk semua penduduk di Selangor sebelum saya benarkan soalan itu diambil. Baiklah Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, soalan nombor 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PEMELIHARAAN HUTAN DI NEGERI SELANGOR**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Sila kemukakan statistik keluasan hutan yang telah dibuka untuk penempatan penduduk?
  - b) Sila huraikan apakah usaha pemeliharaan hutan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri?
  - c) Sila nyatakan apakah perancangan holistik bagi memastikan kelestarian khazanah hutan negeri terus terpelihara demi generasi akan datang?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Sekinchan. Tuan Speaker, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengenal pasti bahawa hanya terdapat 12 perkampungan penempatan Orang Asli yang terletak di dalam Hutan Simpan Kekal. Jumlah keluasan keseluruhannya adalah dianggarkan lebih kurang 735.3 hektar. Buat masa sekarang Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sedang bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi menyediakan maklumat terkini mengenai lokasi perkampungan Orang Asli di dalam Hutan Simpan Kekal berserta dengan beberapa maklumat yang lain. Dalam bidang penguatkuasaan dan juga pemeliharaan Hutan Simpan Kekal pada masa ini Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengambil langkah proaktif dalam menyelesaikan beberapa isu dan masalah seperti pencerobohan rizab Hutan Simpan Kekal. Di antaranya adalah rondaan berkala, respons terhadap aduan awam, tindakan penguatkuasaan, penangkapan dan pendakwaan di mana pada tahun ini sahaja terdapat sejumlah 25 penangkapan yang telah dilakukan dan kesemua kes ini telah dibawa ke Mahkamah dan kesemua kes telah memihak kepada Jabatan Perhutanan.

Terdapat juga kes-kes di mana pesalah telah dihukum penjara. Juga pemantauan udara, pemantauan melalui imej satelit dan program kesedaran. Perancangan holistik yang telah dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor adalah dengan perancangan dan juga pengurusan hutan selaras dengan keperluan dan kehendak standard yang telah ditetapkan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Di antara dasar-dasar yang berkuat kuasa pada masa ini adalah seperti:

1. Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Selangor 2011 sehingga 2020.

2. *Integrated Management Plan For North Selangor Pick Swarm Forest* 2014 sehingga 2023.
3. Rancangan kerja hutan paya laut 2009 sehingga 2019.
4. Rancangan Pengurusan Hutan Taman Warisan Negeri Selangor 2011 sehingga 2020.
5. Rancangan Pengurusan Hutan Tadahan Air Negeri Selangor 2013 sehingga 2022.
6. Rancangan Pengurusan Hutan Simpan Kota Damansara.
7. Rancangan Pengurusan Hutan Mempunyai Nilai Pemuliharaan Yang Tinggi (HCVF) di Negeri Selangor.
8. Pelan Tindakan Perancangan Strategik 2012 sehingga 2015.
9. Pelan pembangunan hutan Lipur Sungai Tua 2015 penghasilan kuantiti dan kos air mentah dari kawasan hutan tadahan air di Negeri Selangor pada tahun 2014.
10. Dan rancangan tahunan hutan di setiap daerah.

**TUAN SPEAKER:** Sabak

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Speaker, soalan no. 2

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK: PROGRAM HIJRAH SELANGOR**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Setakat ini, berapakah jumlah keseluruhan peserta di Selangor?
  - b) Apakah ukuran yang digunakan untuk menilai kejayaan peserta dan berapa ramai yang menepati ukuran tersebut?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Sabak. Tuan Speaker, saya akan menjawab bersekali dengan soalan 193 daripada Balakong dan soalan 236 daripada Kuang.

Hijrah Selangor telah dilancarkan pada 24 Mac 2015 dan sehingga kini Oktober 2015 Hijrah Selangor telah membuka sebanyak 22 cawangan operasi di setiap kawasan Parlimen. Permohonan peserta telah diterima daripada setiap DUN dan sehingga kini Hijrah Selangor telah meluluskan kepada seramai 11,378 orang peserta dengan jumlah sebanyak RM59,363,000.00. Daripada jumlah tersebut, 8,082 ataupun 71% adalah peserta wanita dan 3,296 atau 29% adalah peserta lelaki. Kaum Melayu adalah seramai 10,838 ataupun 95%, kaum Cina seramai 85 orang atau 0.7% dan kaum India seramai 415 orang ataupun 4% serta lain-lain sebanyak 40 orang ataupun 0.3%.

Bagi pencapaian pungutan bayaran balik yang ditanyakan soalan (b) yang ditanyakan oleh Balakong, sehingga September 2015 Hijrah Selangor telah berjaya mengutip semula bayaran balik pinjaman yang telah dijadualkan iaitu sebanyak RM10,273,246.00 ataupun 99% daripada jumlah patut bayar. Dan ada diberikan dalam lampiran yang diberikan.

Dan soalan (b) untuk Kuang. Berdasarkan kepada permohonan-permohonan ini didapati 5 jenis perniagaan utama yang menjadi pilihan peserta Hijrah. Antaranya adalah

1. Perniagaan makanan dan minuman iaitu sebanyak 45% dengan RM26,713,350.00.
2. Perniagaan peruncitan basah atau kering 27% dengan RM16,028,010.00
3. Perniagaan perkhidmatan kecantikan, kesihatan, pakaian sebanyak 20% iaitu RM16,028,010.00
4. Dan juga perniagaan pertanian dan perikanan sebanyak 8% iaitu RM4,749,040.00

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OSMAN:** Terima kasih Puan Speaker. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat EXCO. Mengapakah senarai-senarai peserta Hijrah yang dikemukakan oleh kita yang mana rakyat berdaftar di pejabat kita, kita kemukakan tetapi tidak ditanggap oleh Hijrah, tidak memanggil mereka untuk, untuk berkursus. Sedangkan kita ada peserta daripada Johor, daripada Negeri Perak. Mengapakah ini berlaku?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Paya Jaras. Berkenaan peserta daripada rakyat kita sendiri yang memohon, memang KPI untuk Hijrah adalah dalam masa 10 hari mereka akan mendapatkan, mereka akan diterima

permohonan mereka, proses tersebut adalah dalam 10 hari. Jadi, sekiranya berlaku kelalaian tersebut, saya kira kita perlu memaklumkan kepada Pegawai Hijrah yang bekerja, yang berada di setiap DUN. Ataupun pegawai zon di cawangan Parlimen masing-masing.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin maklumat lanjut daripada Yang Berhormat EXCO mengenai adakah bila diluluskan tentang program ataupun bantuan Hijrah ini kepada peserta hanya kuantiti sahaja yang diutamakan sebagai KPI tanpa ada susulan latihan, latihan yang diberikan ataupun pemantauan ataupun latihan kepada peserta-peserta ini. Jadi adakah, soalnya adakah pihak yang terhormat EXCO bersedia untuk memberi bimbingan, latihan supaya peserta ini daripada segi bantuannya dapat ditingkatkan seterusnya mereka berjaya dalam masa hadapan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Tanjung Sepat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, para peserta Hijrah, mereka apabila telah pun berada bersama dengan program Hijrah sentiasa dipantau melalui bayaran tiap-tiap minggu yang mana pegawai Hijrah akan pergi ke premis para peserta ini dan mendapat maklum balas daripada mereka. Sementara untuk mendapatkan kursus-kursus bagi meningkatkan ilmu ataupun pemberdayaan untuk para peserta Hijrah ataupun usahawan Hijrah ini pelbagai kursus-kursus yang akan dilaksanakan sama ada melalui Hijrah sendiri ataupun melalui EXCO, *Standco* Pembangunan Usahawan. Jadi di masa akan datang *Insyaa-Allah*, ada pelbagai program-program kursus meningkatkan kemahiran kepada para peserta Hijrah ini.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker, soalan no. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK:      PENGURUSAN SAMPAH**

3.      Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a)      Apakah peranan Syarikat Hebat Abadi dalam pengurusan sampah?
- b)      Berapakah kontrak pengurusan sampah yang telah dimeterai oleh Syarikat Hebat Abadi?



- c) Senaraikan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah memeterai kontrak pengurusan sampah dengan Syarikat Hebat Abadi?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Seri Andalas. Hebat Abadi Sdn. Bhd, HASB adalah anak Syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad milik Kerajaan Negeri Selangor bertanggungjawab ke atas pengurusan mengutip sisa pepejal dan pembersihan awam. Pada masa ini Hebat Abadi Sdn. Bhd. menguruskan kerja mengutip sisa pepejal dan pembersihan awam di Kuala Lumpur dan syarikat persendirian serta beberapa kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, PBT di Negeri Selangor. Bermula daripada bulan Jun 2015, HASB telah dilantik untuk menjalankan kerja-kerja *back-up* kutipan sisa pepejal bagi menggantikan kontrak lama yang gagal di 5 kawasan PBT di Negeri Selangor. Sebagai *back-up* di MBSA ada 5 tempat kawasan, di MPKj 1 kawasan, MPAJ 2, MPPJ 1, MPK 4. Sekian Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, soalan no.4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK: ANAK MUDA DALAM POLITIK**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- a) Apakah dasar kerajaan terhadap penglibatan anak muda dalam politik?
  - b) Apakah program yang dijalankan oleh kerajaan untuk menanam kepada mereka kefahaman dan prinsip demokrasi tulen?
  - c) Apakah agensi dan siapakah anggota-anggota pasukan yang melaksanakan program ini?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Hulu Kelang. Tuan Speaker, bagi soalan (a) berdasarkan daripada dasar Pembangunan Belia Negeri Selangor yang telah dilancarkan pada tahun ini dan kita telah menetapkan satu aspek iaitu kepimpinan dan organisasi ini adalah merupakan salah satu daripada 10 bidang keutamaan yang diterapkan dalam dasar pembangunan generasi muda ataupun belia Negeri Selangor. Justeru penglibatan nak muda dalam politik adalah merupakan satu perkara yang digalakkan sebagai salah satu usaha untuk memupuk

sifat kepimpinan dan kebertanggungjawaban bagi persediaan negara menyediakan pimpinan masa hadapan.

Bagi jawapan (b), salah satu program yang dilaksanakan adalah melalui Program ADUN Muda yang merupakan satu program dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menanamkan kefahaman dan prinsip demokrasi. Para peserta program ini dapat mempelajari secara langsung bagaimana pembuatan keputusan dilaksanakan dalam Sidang Dewan Negeri dan bagaimana Sidang Dewan Negeri berfungsi dan kepentingan sistem ini dalam menjamin sifat dan prinsip demokrasi tulen dan juga terlaksana. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda, Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan juga Pejabat Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Puan Speaker, soalan no.5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK: INSENTIF KEPADA PELABUR**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan insentif-insentif yang diberikan untuk menarik minat pelabur masuk ke Selangor?
- b) Apakah kaedah lain untuk menarik pelabur masuk selain memberi insentif tersebut?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri tidak menawarkan sebarang insentif atau galakan berbentuk kewangan kepada pelabur tempatan atau asing. Insentif-insentif berbentuk kewangan yang diberikan kepada pelabur ketika ini adalah insentif yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia iaitu MIDA. Antara insentif utama yang ditawarkan adalah taraf perintis dan elaun cukai pelaburan. Walaupun secara dasarnya tiada insentif atau galakan berbentuk kewangan yang ditawarkan, namun pihak Kerajaan Negeri menyediakan agensi khusus iaitu Invest Selangor untuk membantu para pelabur dari mula proses mengenal pasti tapak, menyelaraskan permohonan-permohonan kelulusan pembangunan serta membantu para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi sama ada melibatkan pihak Kerajaan Negeri mahupun pihak Persekutuan. Dalam membantu menyelesaikan isu pelaburan yang berbangkit, Kerajaan Negeri melalui

Invest Selangor mengadakan mesyuarat penyelarasan projek secara bulanan yang dipengerusikan oleh saya sendiri bagi membincangkan permasalahan yang berbangkit dan membantu pihak pelabur untuk mempercepatkan proses penyelesaian dan proses pembangunan yang dicadangkan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SUN:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya ke-6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: KURSUS TESL UNISEL**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kursus *TESL* Unisel masih diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan?
- b) Terangkan prospek kerjaya graduan *TESL* Unisel, termasuk sama ada graduannya juga diterima di luar negara?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih kepada Kampung Tunku. Kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya memberikan jawapan yang penuh terhadap soalan yang ditanya oleh Kampung Tunku.

a) Program *Teaching of English as a Second Language* (*TESL*) di Unisel di peringkat Diploma dan Sarjana Muda Pendidikan Terpuji masih diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan kerana ia masih mendapat perakuan akreditasi daripada MQA terkini pada 23 Mac 2015 MQA telah mengekalkan perakuan akreditasi tersebut. Kedua-dua program ini merupakan program yang digemari oleh pihak pelajar di dalam Fakulti Pendidikan selain dari Pendidikan Awal Kanak-kanak.

b) Statistik berdasarkan rekod pensyarah program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda *TESL* telah menyebut bahawa prestasi pelajar program ini amatlah tinggi berdasarkan pujian daripada guru-guru termasuk guru-guru besar daripada sekolah-sekolah kerajaan semasa mereka menjalankan praktikal.

Butiran kerjaya graduan *TESL* yang dapat dikesan ialah :

1. Sebagai pensyarah universiti termasuk seorang di Singapura dan yang lain di dalam negara lebih daripada 40 orang. Pensyarah di peringkat Institut Kemahiran, Politeknik, Institut Latihan Industri, Kolej Komuniti dan kolej-kolej swasta lebih daripada 60 orang.

Guru sekolah menengah dan sekolah rendah di bawah Kementerian Pendidikan lebih 300 orang guru Sekolah Swasta Antarabangsa termasuk di TB International School, Fairview, Greenview dan sebagainya adalah lebih ramai berbanding dengan guru di sekolah kerajaan. Guru Bahasa termasuk di ELC dan British Council juga bilangannya ramai. Yang menuntut di United Kingdom selepas tamat pelajaran di UNISEL ada 7 orang juga ada yang tamah Ijazah Sarjana dari UM dan ramai universiti tempatan lain, itu juga bilangannya ramai. Sedang buat PHD di United Kingdom lebih daripada 2 orang, Pegawai PTD 3 orang, Tentera Laut 5 orang, Kastam DiRaja Malaysia lebih 3 orang, bank tempatan lebih daripada 4 orang, membuka pusat tuisyen ataupun tadika 5 orang. Ya... membuka pusat tuisyen ataupun tadika 5 orang.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HJ. HASSAN:** Terima Kasih Tuan Speaker, soalan 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN TANAH**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keluasan tanah rizab Melayu di Selangor yang berjaya dibangunkan untuk tempoh 2013-2015?
- b) Apakah jenis pembangunan tanah yang telah dilaksanakan?
- c) Apakah kerajaan mempunyai cadangan untuk membangunkan kawasan penempatan kampung tradisi yang baharu?

**Y.A.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tuan Speaker, Y.B. Tanjung Sepat ingin mendapat maklum balas tentang jumlah keluasan tanah rizab Melayu di Negeri Selangor yang telah berjaya dibangunkan untuk tempoh 2 tahun iaitu dari tahun 2013 – 2015. Untuk makluman Y.B. Tanjung Sepat, jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu yang telah dibangunkan dalam tempoh 2 tahun yang berkenaan adalah seluas 366.450 ekar. Kalau dilihat daripada segi keluasan tanah Rizab Melayu yang telah dibangunkan kita mendapati jumlahnya agak kecil memandangkan kebiasaannya tanah-tanah rizab Melayu ini dalam keluasan yang kecil dan dimiliki oleh individu. Y.B. juga ingin mengetahui apakah jenis pembangunan yang telah dilaksanakan atas tanah-tanah berkenaan. Memandangkan keluasan tanah-tanah rizab Melayu ini

biasanya dalam keluasan yang kecil dan terbatas maka jenis pembangunan yang dijalankan di atas tanah-tanah yang berkenaan adalah berbentuk pembangunan rumah-rumah kediaman. Manakala pada ketika ini kerajaan belum lagi mempunyai cadangan untuk membangunkan kampung-kampung tradisi yang baru selain daripada menaik taraf kampung-kampung tradisi yang sedia ada seperti yang telah saya umumkan dalam Belanjawan 2016 yang lalu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang....

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker....

**TUAN SPEAKER:** Ya Batu Tiga

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Menurut Peraturan Tetap 242 saya ingin mengambil soalan No.8.

**TUAN SPEAKER:** Ya saya benarkan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK SELANGORKU**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan rumah Selangorku yang telah mula dibina mengikut kategori dan kawasan sehingga Jun 2015.
- b) Apakah kemudahan kewangan lain untuk pemohon yang tidak layak mendapat kemudahan kewangan bank?
- c) Apakah pecahan kaum pemohon dan kelulusan /ditolak untuk RMM Selangorku sehingga Jun 2015?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Saya ingin menjawab soalan No.8 ini juga bersama-sama dengan soalan No.112 daripada Taman Medan.

Yang pertama, rumah Selangorku yang telah mula dibina sejak 2015 adalah ataupun sehingga 2015 adalah sebanyak 4872 unit yang sedang dibina sekarang, iaitu yang pertama adalah di kawasan MBSA oleh PKNS dan DBN Sdn. Bhd. iaitu di Seksyen U12 Shah Alam. Yang ke-2, adalah di kawasan MPAJ oleh Twin Rich Sdn Bhd iaitu di Ulu Kelang sebanyak 42 unit. Yang ke 3 adalah oleh MPK oleh Harum Intisari Sdn Bhd iaitu di Bandar Botanic Daerah Klang sebanyak 306 unit.

Seterusnya di MPKJ oleh TTPT Sdn. Bhd. Sebanyak 57 unit iaitu di Kajang. Yang ke-5 adalah di kawasan MPSP oleh Sterling Prima Sdn Bhd iaitu sebanyak 160 unit jenis C dan 800 unit jenis D di Cyberjaya. Yang seterusnya adalah di kawasan Majlis Daerah Hulu Selangor oleh PKNS juga iaitu di antara GAPI sebanyak 129 unit jenis D. Yang ke-7 adalah MBPJ oleh SEMPONIA Sdn Bhd dan Country Will Sdn Bhd sebanyak 239 unit di Sutera Damansara. Yang seterusnya adalah di kawasan MPKJ iaitu LAKSUM PROPERTY SDN BHD sebanyak 144 unit jenis C di Cheras. Yang seterusnya adalah di kawasan MPSP oleh Wonderfield Property Development Sdn Bhd, sebanyak 198 unit di Dengkil. Yang ke 10 adalah oleh Agenda Istimewa Sdn Bhd di kawasan MPKj di Mukim Beranang sebanyak 377 unit jenis C dan 251 unit jenis D.

Yang seterusnya adalah di kawasan MBSA iaitu di Seksyen U10 536 unit oleh Sin Hiap Lee Sdn Bhd. Dan yang ke-12 oleh Gabungan Efektif Sdn Bhd di kawasan MPK iaitu di Klang sebanyak 321 unit Jenis A, 240 unit Jenis C ,160 unit jenis C dan juga 320 unit jenis D dan seterusnya adalah kawasan MPS oleh Mah Sing Sdn Bhd di bawah syarikatnya Elite Park Sdn Bhd sebanyak 488 unit jenis C di Bandar Kundang Mukim Rawang.

Tentang persoalan yang ditanya tentang jumlah rumah Selangorku yang telah diluluskan ataupun yang belum dibina lagi tetapi kebenaran Merancang telah diluluskan, ianya sejumlah 19,833 unit rumah Selangorku telah diluluskan untuk dibina iaitu 19,833 unit rumah Selangorku telah diluluskan Kebenaran Merancang untuk dibina dan perlu dimulakan dengan segera dan siap dalam masa tiga tahun dan ini merangkumi sebanyak 29 projek, 29 projek untuk 19,833 unit. Persoalan ataupun satu soalan iaitu kewangan untuk pemohon yang tidak layak dapat kemudahan kewangan bank ada beberapa inisiatif yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri.

Yang pertamanya adalah Skim DanaSel iaitu skim sewa milik dan seterusnya adalah satu skim khusus di mana pihak Kerajaan Negeri telah meletakkan cagaran sebanyak 20 juta di sebuah bank yang memungkinkan pemilik-pemilik ataupun pembeli-pembeli untuk mendapatkan rumah untuk pembeli-pembeli membeli rumah melalui pinjaman dengan bank tersebut. Yang terkini yang diumumkan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar adalah tentang program di mana Kerajaan Negeri mendahulukan 10 % deposit untuk pembeli membeli rumah. Skim ini dinamakan Selangor *Smart Home Buyer* yang merupakan satu program yang telah dilaksanakan di negara-negara lain di Barat di mana Kerajaan Negeri membayarkan 10% deposit tetapi pemilikan adalah pemilikan bersama di antara Kerajaan Negeri dan pihak pembeli.

Persoalan tentang pecahan kaum pemohon dan kelulusan untuk RMM rumah Selangorku sehingga Jun 2015 pecahannya adalah untuk kaum Melayu adalah

sebanyak 2,630 yang telah memohon dan telah lulus. Kaum Cina 379, Kaum India 340, dan kaum-kaum lain adalah 15 orang.

Persoalan yang dibangkitkan juga adalah tentang apakah inisiatif kerajaan untuk memastikan bahawa dapat dipercepatkan Projek Rumah Mampu Milik ini dan juga menarik lebih ramai pemaju-pemaju untuk menyertainya. Yang pertama adalah insentif pembinaan rumah Selangorku di mana kita memberikan diskaun premium 10% dari nilai tanah semasa dan pengecualian dari caj pemajuan. Saya ingin menjawab Ahli Parlimen Kuala Selangor yang telah membangkitkan di Parlimen mengatakan bahawa premium terlalu tinggi di Negeri Selangor itu sebab tidak dapat dibina rumah mampu milik di negeri ini. Saya hendak menasihatkan supaya kalau nak buat *statement* dalam kenyataan di dalam Parlimen sila semak fakta. Kita memberi, kita mengurangkan premium dan kita tidak mengena....mengecualikan kita mengecualikan caj pemajuan bagi perumahan mampu milik Negeri Selangor. Jadi saya tidak tahu dari mana YB tersebut telah mendapat fakta tersebut. Dan seterusnya kita telah mewujudkan 2 jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku yang saya telah menjadi pengerusinya untuk mempertimbangkan penukaran daripada rumah kos rendah atau rumah-rumah kos lain kepada rumah mampu milik dan juga kita telah wujudkan jawatankuasa teknikal pemantauan rumah Selangorku yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor di mana kita pantau daripada pelaksanaan projek sehingga mendapat CCC. Kita mahu memastikan bahawa rumah itu dibina mengikut jadual dan tidak ada rumah terbengkalai bermakna bahawa lembaga Perumahan melalui jawatankuasa ini akan memantau dari dekat setiap projek rumah Mampu Milik dan kita telah mewujudkan suatu Jawatankuasa yang bernama yang bernama KUASEL iaitu Kualiti Selangor untuk memantau kualiti rumah-rumah mampu milik yang sedang dibina. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Rentetan daripada penurunan nilai mata wang ringgit Malaysia, adakah Kerajaan akan mengekalkan harga rumah mampu milik ini pada tahun 2018, harga yang sama maknanya.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Sekarang ini belum ada lagi keputusan untuk menaikkan harga rumah mampu milik walau bagaimana pun kita sedang dalam ...kita akan mengadakan kajian tentang kos....peningkatan kos. Oleh sebab peningkatan atau penurunan ringgit Malaysia. Kebanyakan daripada bahan mentah yang digunakan adalah tempatan kecuali contohnya seperti keluli yang perlu dieksport yang digunakan untuk konkrit dan yang paling ketara adalah harga seperti lif. Lif itu semuanya diimport. Jadi bermakna memang ada kesan kepada pemaju

dan Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan dengan pemaju. Terima kasih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang dulu

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya sama ada pihak Kerajaan Negeri mempunyai satu mekanisme meletakkan, mengkelaskan satu rumah itu sebagai rumah mampu milik.....kaedah letakkan tu satu jumlah harga sebab kalau ikut pada pemaju perumahan pada pandangan saya lah kalau diletakkan harga 600 ribu pun rumah terjual juga. Jadi pada kaca mata pemaju itu pun mampu milik juga sebab habis jual. Jadi saya nak mintak apakah Kerajaan Negeri punya, dia punya, dengan izin, '*benchmark*' lah meletakkan itu memang kategori mampu milik berdasarkan mungkin pendapatan rakyat Negeri Selangor diambil kira dan berbagai-bagai faktor.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Mohon maaf banyak-banyak Y.B tapi saya tak tau di mana Y.B. berada dua tahun yang lepas. Sebab kita telah lancarkan pada tahun lepas, 2013 lagi bukan tahun lepas 2013 tentang kriteria rumah-rumah mampu milik. Kita ada jenis A,B, C, D dan jenis A adalah RM42,000 Jenis B adalah RM100,000 C adalah RM150,000 – RM180,000 dan Jenis D adalah RM220,000 dengan RM250,000. Bermakna apabila pemaju berkata rumah mampu milik ataupun rumah Selangorku maka inilah rumah, hanya rumah ini ataupun kategori ini saja yang ada. Dan ini kita telah luluskan dan saya telah bercakap di dalam Dewan tentang perkara ini daripada tahun lepas sahaja .....tahun lepas lagi. Jadi, Cuma mungkin Y.B. agak sibuk ataupun *confuse* dengan prima sumbangan PR1MA sebab PR1MA 300,000 pun mampu milik. Jadi kita tidak menerima kriteria PR1MA bahawa 300,000 400,000 adalah mampu milik tetapi kita meletakkan bawah 250,000 adalah sebagai mampu milik. *Insyah-Allah*, mungkin kalau ada kekeliruan kita ada *blueprint* tentang rumah mampu milik atau rumah Selangorku lepas ni saya akan edarkan kepada setiap ahli Dewan supaya menjadi rujukan, *Insyah-Allah*, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya Y.B. Exco Perumahan berkaitan dengan satu projek yang diuar-uarkan sebelum ini itu berkaitan projek berkaitan Rumah Mampu Milik Sg. Sering, bagaimana status nya. Sudah tak ada khabar, saya nak dengar.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Statusnya adalah sekarang ini adalah perbincangan di antara pihak MBI dan juga dengan pihak kontraktor yang telah dilantik untuk kita melihat bagaimana kita hendak menurunkan kos. Dari segi



*design* dari segi kontraktor semua sudah ada. Tetapi ada sedikit perbincangan yang perlu dilakukan di antara MBI dengan kontraktor yang dilantik.

**TUAN SPEAKER:** Morib

**Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDIN:** Tuan Speaker soalan saya no. 9

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK: PROJEK MENAIKTARAF JALAN BANTNG KE JUGRA B58**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos sebenar keseluruhan projek?
- b) Berapa kalikah lanjutan tempoh yang diberikan kepada kontraktor?
- c) Bilakah projek ini akan disiapkan sepenuhnya?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan speaker, terima kasih kepada Morib yang bertanya. Kos semasa keseluruhan projek menaiktaraf jalan Banting ke Jugra B58 adalah RM34.5 juta. Dan sebanyak 3 tempoh lanjutan masa, "*extension of time*" yang telah pun diberikan kepada kontraktor dan projek ini akan dijangkakan siap pada 2 Disember 2015 berdasarkan kepada kelulusan EOT yang seperti mana dinyatakan tadi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya Morib

**Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN:** Soalan tambahan Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada EXCO kenapakah projek ini sampai tiga kali diberikan lanjutan masa dan saya mendapat maklumat bahawa sepatutnya telah siap pada bulan Sepuluh lebih kurang dan tidak ada masalah yang mendesak untuk diberikan lanjutan masa kecuali disebabkan kelalaian oleh pihak kontraktor. Jadi saya mohon penjelasan kenapakah tidak dikenakan denda untuk kelewatan kali yang ketiga ini, terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Seperti mana yang dinyatakan bahawa projek ini dijangka siap *Insyah-Allah* 2 Disember 2015 dan berkaitan dengan kelewatan atau pun pemberian EOT disebabkan tiga perkara. Yang pertama disebabkan oleh pengambilan tanah dan kedua pengalihan ulitili dan yang ketiga pengalihan rumah ibadat bukan Islam iaitu kuil terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Tuan Speaker, soalan saya nombor 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: KOMPLEKS BELIA DAN KEBUDAYAAN SELANGOR (KBKS)**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini KBKS?
- b) Nyatakan jumlah perolehan pendapatan KBKS kepada Kerajaan Negeri?
- c) Senaraikan penyewa terkini KBKS dan tempoh kontrak?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Sungai Panjang untuk maklumat dewan untuk jawapan (A) berkuat kuasa pada Disember tahun 2011 pengurusan MSN Holdings Sdn. Bhd. atau MSN Holdings yang sekarang namanya Darul Ehsan Fasaliti Management Sdn. Bhd. telah mengambil alih pengurusan Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor bagi tujuan pengambilalihan pengurusan yang sebelum ini di bawah pengurusan KBKS sendiri memandangkan prestasi kewangan KBKS pada ketika itu terpaksa menanggung dan juga berdepan terpaksa berharap kepada geran tahunan yang perlu disampaikan oleh pihak Kerajaan Negeri. Justeru di bawah KBKS, MSN Holdings kita telah menguruskan dan memperbaiki beberapa kelemahan-kelemahan utamanya terutamanya untuk memaksimumkan penggunaan Dewan Raja Muda Musa serta menaik taraf beberapa kemudahan-kemudahan lain seperti surau, CCTV, dewan dan juga ruang pejabat untuk digunakan dengan semaksimum mungkin dilaksanakan pelbagai program yang sekarang Dewan Raja Muda Musa merupakan satu menu pilihan utama di Shah Alam terutamanya bagi majlis-majlis perkahwinan, peperiksaan yang dianjurkan oleh UiTM dan juga program-program lain yang dianjurkan di sekitar Shah Alam.

Untuk jawapan (B) secara asasnya semenjak 2002 sehingga tahun 2011 kerajaan terpaksa membelanjakan di antara RM250,000 sehingga RM1.1 juta mengikut tahun ya. Misalnya tahun 2002 kerajaan membelanja RM1.1. juta, tahun 2008 kerajaan terpaksa membelanja RM600,000.00 , tahun 2011 kerajaan terpaksa memberikan geran RM250,000.00 untuk memastikan pengurusan KBKS dapat berjalan dengan baik. Justeru selepas daripada tahun 2011 bila dikawal selia oleh MNH Holdings salah satu sumbangan kita ialah kita telah menguruskan sendiri KBKS tanpa mendapatkan apa-apa dana atau geran daripada pihak Kerajaan Negeri. Jadi kalau

ditanya sumbangan secara langsung dalam bentuk wang ringgit sehingga tahun 2013 sumbangan kita ialah menanggung bebanan *maintenance* ataupun penyelenggaraan Kelab Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor di Seksyen 7 yang mungkin berjumlah di antara RM250,000.00 sehingga RM1.1 juta berdasarkan rekod yang lain. Namun begitu pada tahun 2013 dan 2014 pihak MSN Holdings berdasarkan daripada keuntungan dan juga hasil yang dipungut daripada pengurusan Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor kita telah berjaya menyumbangkan RM5,616.00 pada tahun 2013 dan, pada tahun 2014 untuk Tabung Warisan Anak Selangor bagi program-program merakyatkan Negeri Selangor.

Bagi soalan (C), saya senaraikan 4 penyewa yang ada di bawah untuk menyewa di Kompleks Belia itu iaitu yang pertamanya Segi Seri Sdn. Bhd. yang akan berakhir pada 31 Disember 2018, De Sore Catering And Cafe Catering yang akan tamat pada hujung tahun ini, Walnest Forerety Sdn. Bhd. yang akan tamat pada hujung bulan satu 2018 dan juga Resort Fitness Sdn. Bhd. yang akan tamat pada akhir bulan Tiga 2017. Terima kasih.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Kalau merujuk kepada penyertaan yang penyewa tadi tidak memperlihatkan yang menyewa itu ada elemen Belia dan juga ada elemen kebudayaan. Sedangkan bangunan ini adalah bangunan yang statusnya sewajarnya diberikan kepada entiti belia dan entiti kebudayaan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Sungai Panjang, dalam masa yang sama sebenarnya kita sedang menyusun kembali penggunaan dewan ini dan juga kompleks ini untuk diselaraskan dengan program-program pembangunan dan keusahawanan. Sedangkan dalam masa yang sama kita tidak senaraikan lagi pada yang sama ketika ini Majlis Sukan Negeri Selangor juga akan berpindah di tempat tersebut dan kita sedang untuk mengalihkan pula Majlis Kebudayaan dan juga beberapa badan yang lain kerana untuk dipindahkan di lokasi yang tertentu seperti di bangunan Teater yang tidak dapat digunakan lagi. Pengaturan ini sedang diaturkan di antara MSN Holdings ataupun Darul Ehsan Fasaliti bersama dengan pihak MSN dan juga bersama dengan pihak SUK yang telah melalui dua tiga kali mesyuarat. Dan *insya-Allah* pelarasan ini akan mengubahsuaikan memaksimumkan penggunaan dari penggunaan semasa. Setakat ini pihak MSN Holdings yang mengurus kita menawarkan kepada Majlis Kebudayaan dan Majlis Belia sebelum itu sewa pada kadar 50 sen satu kaki persegi sehingga RM1.50 sen satu kaki persegi. Satu kadar yang sangat-sangat minimum kalau dibandingkan dengan kadar di Shah Alam ini namun apa yang berlaku mereka tidak mampu membayar justeru ada

baiknya kita agihkan ataupun kita “relog kan” dengan izin atau menempatkan semula mereka di beberapa kawasan yang dipersetujui daripada perbincangan bersama.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Kalau melihat kepada dua elemen kenapa tidak diberikan keutamaan kepada Majlis Beli, saya difahamkan Majlis Belia Selangor juga tidak ada di situ. Kemudian yang kedua Majlis Kebudayaan Negeri Selangor juga tidak ada di situ. Mungkin ada penjelasan yang sewajarnya terhadap isu ini.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Cara mudahnya bila kita tawarkan 50 sen satu kali persegi, itu pun tidak mampu dan tidak dijelaskan sekadar sewa kepada pihak pengurusan. Jadi pihak pengurusan terpaksa menanggung kos yang agak tinggi untuk menguruskan hari ini dan bagi saya dengan kemasukan Majlis Sukan Negeri di sana kita masih lagi pada tahun hadapan atau pun pada pertengahan tahun 2016 atau pun 2017. Kita telah mengaplikasikan dan menggunakan Kompleks itu untuk kegunaan yang lebih ramai. Jadi izinkan pihak Kerajaan Negeri untuk menempatkan semula dan mengaturkan untuk menyelaraskan sebagai contoh kita ada kawasan seperti Teater, bangunan Teater yang banyak kawasan-kawasan yang kosong itu yang boleh digunakan oleh Majlis Kebudayaan dan memaksimumkan penggunaan. Jadi pandangan kita daripada kita meletakkan jarak yang jauh itu dan kita menyusun semula itu saya rasa ia lebih berkesan untuk kegunaan-kegunaan dan lebih baik untuk imej Kerajaan Negeri.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Tuan Speaker soalan saya nombor 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: WIFI SELANGORKU**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pemeriksaan berskala terhadap *Wifi* Selangorku dilakukan? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Nyatakan jumlah lokasi *Wifi* Selangorku yang kelajuannya adalah kurang daripada 1Mbps mengikut Daerah.

- c) Adalah pembekal baru Wifi Selangorku membuka *Facebook*, *Twitter* dan e-mel pegawai bagi orang awam membuat aduan?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker, Y.B. Kuala Kubu Baharu (A) tentang pemeriksaan berkala terhadap Wifi Selangorku. Ya, pemeriksaan berkala terhadap *Wifi* Selangorku akan dilakukan dari semasa ke semasa. Pemantauan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan juga pihak pembekal melalui sistem secara talian ataupun ("*online*") yang boleh mengetahui sama ada *wifi hotspot* bagi sesuatu kawasan tersebut berfungsi atau tidak. (b), tentang kelajuan *Wifi* Selangorku di bawah 1Mbps sebenarnya tiada lokasi *Wifi* Selangorku yang kelajuannya kurang dari 1Mbps kerana di bawah vendor yang baru ini minimum kelajuan *Wifi* Selangorku adalah sebanyak 8Mbps yang menggunakan sistem ADSL dan kebanyakannya 30Mbps dan kita dalam usaha menjelang akhir tahun ini untuk menukar semuanya kepada 30Mbps yang menggunakan teknologi *fiber*. (c), tentang akaun *Facebook*, *Twitter* dan *email* pegawai untuk aduan. Laman sosial *Facebook*, *Twitter* dan *email* termasuk laman web rasmi *Wifi* Selangorku masih dalam proses pelaksanaan untuk orang ramai membuat aduan namun pada waktu ini orang ramai sudah pun boleh membuat aduan menerusi *Hotline Wifi* Selangorku di nombor 1-800-3494 atau *email* [help@tm.com.my](mailto:help@tm.com.my) kerana syarikat TM dan juga syarikat Telekom *Axiata* merupakan vendor bagi projek ini. Jika didapati sebarang masalah ada berkaitan dengan *Wifi* Selangorku, terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Soalan Tambahan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu dahulu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Saya merujuk kepada jawapan (b) itu ialah kelajuan yang kita ada adalah dari 8Mbps hingga ke-30 Mbps, adakah ini terlaju Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat yang menawarkan kepada *free Wifi* kepada di Malaysia? Ini saya nak tahu jawapan, yang kedua ini saya tidak pasti angka yang diberi itu tepat atau tidak sebab Pusat Khidmat saya panggil pakar komputer pergi memantau saya dapati kelajuannya hanya 1.2 *Megabit* dan ada tempat 0.47 sahaja.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Ok, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu kita boleh, saya ingat pihak MBI boleh menghantar pegawai untuk atau berhubung dengan vendor untuk melihat aduan yang dikemukakan oleh pihak Kuala Kubu Baharu tetapi yang dimaklumkan kepada kita itu kelajuan yang kita ada dan ini memang antara yang terlaju tetapi ini antara yang paling laju yang ada di dalam negara kita.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Tuan Speaker, contohnya di Medan Selera Seksyen 8 Petaling Jaya *Wifi* Selangorku menggunakan *Celcom* dan bukannya menggunakan *fiber* jadi dia lebih perlahan daripada *Hotsport* daripada yang menggunakan *fiber*. Adakah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa semua akan di *up grade* kepada *fiber* 30Mbps akan termasuk *Hotsport* yang menggunakan 3G yang sedia ada pada hari ini. Contohnya di Seksyen 8 di Petaling Jaya.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Sekarang memang dalam rancangannya kita nak ganti semua kepada sistem *fiber* 30Mbps, semua yang ada di bawah 2500 *Hotsport Wifi* Selangorku.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y. B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Tuan Speaker, soalan saya nombor 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK: SEMAKAN HARGA RUMAH BANTUAN KERAJAAN PRIHATIN**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kali terakhir Kerajaan Negeri melakukan semakan harga pembinaan rumah tersebut?
- b) Apakah tindakan kerajaan terhadap kontraktor-kontraktor di Daerah Petaling yang enggan menyertai projek pembinaan rumah tersebut?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan peka akan keperluan yang disuarakan oleh rakyat Negeri Selangor dalam memiliki kediaman yang selesa dan selamat. Pada masa ini di bawah Jawatankuasa Tetap Prihatin, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan bantuan rumah kepada rakyat Selangor dengan jumlah RM35,000.00 bagi bina baru sesebuah rumah tiga bilik dan RM22,000.00 bagi bina baru rumah dua bilik dan baik pulih rumah yang tidak melebihi daripada RM20,000.00 bagi sesebuah rumah. Kali terakhir harga siling ini dikaji dan dinaikkan adalah pada tahun 2010 di mana siling sebelum itu adalah RM30,000.00 bagi bina baru tiga bilik dan RM28,000.00 bagi bina baru dua bilik. Berdasarkan kelulusan

MMKN dengan mengambil kira justifikasi-justifikasi yang kukuh daripada pelbagai agensi yang terlibat sebagai cadangan kenaikan. Bagi soalan (b), Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil maklum akan isu ini dan cuba menyelesaikan permasalahan ini dengan merujuk kepada Perbendaharaan Negeri Selangor terhadap dasar penilaian perolehan secara sistem “cut off”. Berdasarkan permasalahan tersebut Perbendaharaan Negeri telah memberi kebenaran khas seperti berikut:-

1. Agensi Pelaksana dibenarkan melaksanakan perolehan kerja bagi membina baru rumah kerajaan prihatin secara sebut harga terhad dengan mempelawa sekurang-kurangnya lima kontraktor tempatan yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai sijil perolehan kerja kerajaan mengikut kategori dan pengkhususan yang berkaitan dengan telah dibuat penilaian daripada segi teknikal dan kewangan serta mempunyai rekod pengalaman kerja yang baik untuk mengemukakan harga masing-masing. Mana-mana kontraktor yang didapati berkelayakan boleh diperaku oleh Jawatankuasa tersebut harga agensi untuk harga tersebut.
2. Pelaksanaan sebut harga tersebut boleh dibuat maksimum 10 buah rumah Kerajaan Prihatin secara gabungan, pelaksanaannya tidak perlu di pelawa atau diurus secara berasingan tertakluk kepada penilaian jabatan terhadap kapasiti pihak kontraktor dan tempoh penyiapan yang disasarkan untuk pembinaan rumah yang tersebut.
3. Senarai nama lima kontraktor yang dipelawa memasuki sebut harga terhad hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri Selangor untuk tujuan rekod pada masa yang sama pelawaan dibuka.

Daripada penjelasan tersebut, jika kontraktor tempatan masih enggan menyertai projek pembinaan rumah maka tender tersebut akan dibuka kepada kontraktor daripada daerah bersebelahan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan cadangan, pandangan dan justifikasi daripada Pejabat Daerah di Negeri Selangor berhubung isu keengganan kontraktor menyertai projek pembinaan rumah kerajaan menyertai Projek Pembinaan Rumah Kerajaan Prihatin supaya langkah-langkah penambahbaikan dan pengkulturan semula dapat dilaksanakan dan dimanfaatkan oleh semua pihak dan agensi terlibat khususnya dalam menjaga kebajikan rakyat di Negeri Selangor. Namun begitu pihak Sektor akan mengeluarkan akan notis penjelasan atas keengganan sekiranya penjelasan tersebut tidak memuaskan maka kontraktor sebut akan disenaraikan hitam.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Saya ingin bertanya ada tak pembaikan dijalankan terhadap tempoh untuk meluluskan satu permohonan rumah prihatin sebab apa saya dapati sekarang permohonan itu mengambil masa beberapa bulan kalau tidak salah saya maksimum 6 bulan untuk diluluskan. Jadi apa pembaikan untuk rumah

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Rawang. Sebenarnya jawapan tersebut telah diberi masa sidang yang lalu tentang jangka masa. Kita telah pun menambahbaikkan dalam masa 2 bulan untuk memproses segala permohonan tersebut. Namun disebabkan cara pihak pelaksana seperti Pejabat Tanah yang membuat siasatan terhadap permohonan mereka dan juga dengan daripada Sektoran mengambil masa yang agak lama untuk menyiapkan kertas kerja mereka. Namun begitu pihak Sektoran sedang menambahbaikkan masa yang singkat untuk meluluskan segala permohonan mereka.

**TUAN SPEAKER :** Ya Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya bagaimanakah negeri boleh memastikan bahawa penerima bantuan Rumah Kerajaan Prihatin ini tidak melanggar syarat seperti menyewakan rumah yang dibina dan mereka masih tinggal di rumah yang lama. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Hulu Bernam. Sebenarnya dari awal lagi sebab ini adalah syarat-syarat yang ketat sebenarnya kita guna pakai bukan sahaja satu pihak yang menyiasat tentang kelayakan pemohon tersebut kepada Pejabat Tanah lepas itu daripada Penghulu dan juga daripada Sektoran. Dan kita juga memantau keadaan daripada masa ke semasa melawat rumah tersebut dan memastikan bahawa orang yang benar-benar layak menerimanya.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih. Saya ingin mengambil perhatian EXCO. Saya ingin bertanya tentang siapakah yang sebenarnya yang memantau kerja-kerja ini sebab satu kes di kawasan saya di Kg. Kebun Bunga rumah telah hampir siap setahun yang lepas tetapi masih tidak dimasukkan utiliti iaitu elektrik dan air dan pemohon tersebut sampai sekarang tidak dapat tinggal. Maknanya masalah pemantauan ok bina tapi siapa yang pantau sehinggalah kerja itu diserahkan rumah itu diserahkan kepada pemilik.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Batu Tiga. Sebenarnya agensi pemantauan sebenarnya pelaksanaan Pejabat Tanah tersebut daripada



Petaling. Kalau kes itu terpencil Pejabat Petaling dan juga untuk memastikan keadaan Ketua Kampung yang sentiasa melaporkan keadaan kepada UPEN.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker soalan No.13

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: PROGRAM PENINGKATAN PENGHAYATAN ISLAM DALAM  
PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program-program yang telah dan akan dijalankan untuk meningkatkan Penghayatan Islam dalam Pentadbiran Negeri Selangor?
- b) Apakah program untuk meningkatkan Penghayatan Islam untuk kakitangan Kerajaan Negeri Selangor?
- c) Berapakah peruntukan yang disediakan?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor adalah agensi yang bertanggungjawab untuk mengaturkan program-program peningkatan Penghayatan Islam dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Program-program yang telah dijalankan untuk Meningkatkan Penghayatan Islam dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor ialah:

1. Program Pengukuhan Perkhidmatan Awam
2. Wacana Minda
3. Wacana Khilafiah
4. Diskusi Wanita
5. Program Membudaya Ilmu

Jabatan Agama Islam Negeri Selangor telah mengambil beberapa pendekatan untuk meningkatkan Penghayatan Islam bagi kakitangan Kerajaan Negeri Selangor. Antara pendekatannya ialah dengan melaksanakan seminar, bengkel, kursus dan latihan kepada program-program yang saya sebutkan tadi. Di samping itu mengedarkan risalah dan *pamphlet* ke agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Jabatan Agama Islam akan memperkasakan program-program ini di seluruh Negeri Selangor bagi meningkatkan Penghayatan Islam dalam

pentadbiran Negeri Selangor. Jumlah peruntukan yang disediakan sebanyak RM 89,200.00. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Adakah menjadi kewajipan bagi setiap kakitangan Kerajaan untuk menghadiri kursus atau program-program ini.

**Y.B. DATO' DR. AHAMAD YUNUS BIN HAIRI :** Buat masa ini program-program ini dibuka kepada agensi-agensi atau Jabatan Kerajaan dan terpulang kepada Jabatan Kerajaan untuk menghantar wakil-wakil mereka untuk program-program yang saya sebutkan tadi. Buat masa ini beberapa Jabatan yang pernah terlibat secara langsung dalam Penghayatan Islam ini ialah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Harta Perumahan Tanah, Jabatan Veterinar dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Terima kasih Tuan Speaker soalan No.14

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PEMBATALAN LEBUH RAYA KIDEX**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri meyakinkan rakyat untuk menyelesaikan kesesakan trafik di Lembah Klang selepas pembatalan KIDEX?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menerima memorandum untuk meneruskan pembinaan KIDEX?
- c) Apakah isi kandungan memorandum tersebut dan penyelesaiannya?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Y.B. Tuan Speaker. Y.B. Permatang ingin mengetahui apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyuraikan sistem trafik di Lembah Klang di Negeri Selangor setelah pembatalan projek Lebuh Raya KIDEX. Kita harus menerima hakikat bahawa tekanan

pembangunan yang begitu pesat di Negeri Selangor telah melebihi daripada kemampuan kapasiti sistem pengangkutan yang sedia ada dan pendirian Kerajaan Negeri ialah pembinaan Lebuh Raya bukannya satu penyelesaian mutlak untuk meleraikan trafik yang semakin sesak di Negeri Selangor. Sebab itu pembentangan Belanjawan Tahun 2016 Kerajaan Negeri telah pun mengemukakan cadangan supaya kita beranjak kepada sistem pengangkutan awam yang sepadu berkapasiti tinggi dan lestari untuk diselaraskan termasuk penggunaan tanah yang optima. Kerana pembinaan Lebuh Raya ini seperti yang saya nyatakan berulang kali ia beralih kepada mengalihkan mesin tidak mengalihkan rakyat. Sebab itu kita juga telah menetapkan dalam membina pelan struktur sistem pengangkutan awam ini kita harus mengambil kira pandangan ramai dan juga keperluan pertumbuhan baru. Hari ini Kerajaan Negeri mahu Kerajaan Persekutuan menerima pakai Seksyen 20A di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Di mana dalam Seksyen 20A ini Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri mengambil tanggungjawab bersama untuk berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor apa-apa aktiviti-aktiviti kemajuan yang ia bercadang untuk dijalankan di dalam negeri ini. Pada ketika ini kita sedang berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk melihat semula sasaran yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) iaitu menggunakan kenderaan persendirian berbanding nisbah pengangkutan awam iaitu mereka menggunakan 40, 60 pengangkutan awam dan 40 pengangkutan persendirian, 60 awam. Kalau unjuran ini dikekalkan apa yang berlaku ialah ia memberi ruang untuk lebih banyak lebuh raya dan itu tidak menyelesaikan masalah. Sekarang Kerajaan Negeri sedang menyiapkan satu kajian pelan induk pengangkutan awam yang akan disiapkan pada hujung tahun ini. Dan saya percaya dengan pelan induk pengangkutan awam yang sedang disiapkan oleh Kerajaan Negeri ini kita dapat membina satu sistem pengangkutan awam yang lebih bersepadu dan berkapasiti tinggi. Di antara perkembangan yang terbaru untuk makluman Yang Berhormat ialah perbincangan yang agak aktif dengan Prasarana Malaysia untuk pembangunan Projek LRT3 yang saya umumkan baru-baru ini di mana sekiranya projek ini siap pada tahun 2020 ini nanti ia dapat menampung kapasiti 70,000 penumpang sehari untuk perjalanan daripada Bandar Utama ke Johan Setia sejauh 36km. Terima kasih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Tuan Speaker soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Saya hendak bertanya sama ada setelah pembatalan Lebuh Raya KIDEX ini apakah ada apa-apa kelulusan yang diberikan untuk pembinaan Lebuh Raya di Negeri Selangor?. Dan sekiranya ada apakah statusnya atau apakah yang membolehkan Lebuh Raya ini diluluskan. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Untuk makluman Y.B. Permatang semenjak saya diberikan amanah selaku Menteri Besar dan setelah pembatalan Lebuh Raya KIDEX tidak ada sebarang kelulusan diberikan untuk membina Lebuh Raya baru di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No.15

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembangunan 3 pusat kebudayaan di Negeri Selangor?
- b) Berapakah peruntukan kewangan disediakan untuk tujuan ini?
- c) Agensi kerajaan manakah yang bertanggungjawab untuk membina dan mentadbir pusat-pusat ini?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima Kasih Bukit Gasing. Tuan Speaker saya memohon untuk menjawab soalan ini bersamaan dengan soalan No.35. Soalan yang ditanyakan oleh Y.B. Seri Andalas. Ahli Yang Berhormat sekalian semenjak sidang Dewan yang lepas, pihak Jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri Selangor telah mengambil insentif untuk mengumpulkan semula dokumen dan memastikan berlakunya penyelarasan terhadap pelaksanaan program pusat Kebudayaan atau 3 pusat kebudayaan di Negeri Selangor ini. Dengan menilai semula beberapa formula untuk memastikan ia mewakili masyarakat *retirasion* dan juga dapat menterjemahkan nilai kebudayaan kepada masyarakat. Antara jabatan-jabatan yang terlibat ialah Majlis Perbandaran Klang, Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS) dan juga Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) di samping menjemput 2 EXCO untuk mewakili masyarakat seperti Y.B. Dato' Teng Chang Khim dan juga Y.B. Tuan Ganabatirau Veraman. Selepas meneliti beberapa dokumen asas kita dapati ada beberapa perkara asas yang masih belum diselesaikan iaitu isu pemilikan tanah atau pun isu di mana akan dibenakan. Sebelum ini kita mendapat maklum kita telah mendapat *design* mendapat bentuk namun perkara asas perkara tersebut masih lagi belum dapat diselesaikan iaitu isu

gazet atau penggazetkan tanah atau isu kualiti atau di kawasan yang dikatakan pusat kebudayaan tersebut. Setakat ini untuk pusat kebudayaan Cina masih lagi berada dengan keluasan 42.93 di Bandar Klang dan Pusat kebudayaan Melayu sudah jelas di Bukit Kuda di Klang. Namun begitu saya dengan perbincangan awal 2 opsyen atau 2 cadangan untuk pusat kebudayaan India dianggap tidak sesuai kerana sangat berdekatan dengan komuniti masyarakat Melayu dan juga masyarakat Cina di kawasan tersebut. Justeru pihak Jawatankuasa yang telah bermesyuarat kali kedua pada 15 Julai 2015 telah mencadangkan supaya kita mengambil kira satu lagi lot itu cadangan di tapak 13, 14 yang ada kaitannya dengan pemilikan Kumpulan Darul Ehsan Berhad dan menunggu satu surat atau satu surat MMKN untuk mengazetkan kawasan-kawasan ini. Untuk selanjutnya namun kita tidak berhenti di situ sahaja saya juga telah meminta supaya ketua bagi setiap pelarasan atau pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India untuk dalam masa yang sama menyediakan kertas kerja dengan konsepnya. Setakat ini bagi Kebudayaan Masyarakat Cina telah jelas telah mempunyai *paper work* nya sendiri yang telah disusun sejak sekian lama. Saya kira kertas ini telah disiapkan sejak Julai 2010 lagi dan kita sedang menunggu untuk Pusat Kebudayaan Melayu yang saya juga telah menghubungi Damansara Arkitek yang merupakan salah satu *consultant* yang kita panggil dahulu dan kita juga sedang menunggu *design* untuk Pusat Kebudayaan India sama ada daripada dahulu atau pun cadangan baru atau ada cadangan dikeluarkan pada dasar komuniti-komuniti kecil untuk seterusnya. Ahli Yang Berhormat sekalian status terkini persoalan seterusnya sejumlah kewangan yang agak besar kalau kita lihat kepada keseluruhannya pernah saya bantangkan nilainya saya kita melebihi daripada RM1,000,000.00 yang saya percaya ia bukan dikeluarkan oleh Kerajaan keseluruhan. Namun perkara asasnya saya lihat paling tidak kita memerlukan sekurang-kurangnya RM300,000.00 dan kalau ia melibatkan kewangan yang besar sudah pasti kita tidak boleh tergesa-gesa untuk melaksanakan hal ini kerana ia memerlukan satu perancangan yang teliti dan kertas kerja yang teliti untuk melaksanakan projek yang sebesar ini. Namun begitu saya menyatakan komitmen saya cuma tahun lepas atau tahun ini kita belum mencapai satu sasaran atau pun paling tidak meletakkan ada *set firm* ataupun asas kewangan dalam Belanjawan akan datang. Namun begitu saya percaya kita masih lagi mempunyai dana yang dipanggil sebagai wang ataupun daripada kepala yang berbeza untuk boleh digunakan bagi program ini selepas kita menyelesaikan dari sudut konsep dan juga pelannya yang secara teratur dan terancang. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Seri Andalas dulu.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Terima kasih Tuan Speaker, saya nak minta EXCO. Tiga-tiga pusat kebudayaan ini telah pun dilancarkan dan juga oleh bekas Menteri Besar Negeri Selangor di dalam satu pameran besar yang diadakan di Klang dan pada waktu itu konsep tiga-tiga pusat

kebudayaan itu dipamerkan dan diberikan kepada UPEN. Saya hairan fasal apa UPEN tidak ada kertas-kertas kerja itu dengan lengkapnya untuk diberikan kepada Jawatankuasa. Kalau tak silap saya kalau masuk *Youtube* masih ada di dalam *YouTube* pelan-pelan pusat kebudayaan yang telah dilancarkan pada waktu itu dan soalnya...

**TUAN SPEAKER :** Soalnya?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Soalnya adakah pelan-pelan ini di dalam UPEN. No. 2....

**TUAN SPEAKER :** Satu saja Sri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** No. 2; adakah, tidakkan ada *seed funding* yang telah diperuntukkan oleh kerajaan yang itu tiap-tiap pusat kebudayaan ada RM20 juta yang diperuntukkan untuk pembinaan pusat kebudayaan ini. Apakah jadi dengan *seed funding* itu yang saya tahu ada?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih. Yang jelas dia daripada data dan daripada maklumat yang kita perolehi memang tidak dan kebetulan Yang Berhormat Sungai Pinang sendiri membawa dan mencari konsultan yang terlibat dan saya juga mencari daripada konsultan yang terlibat. Jadi setakat ni kita cari dari Pejabat UPEN la dan di *Youtube* lagi. Jadi kita akan dapatkan nanti maklumat daripadanya dan sebab itu lah bila saya dapat tanggungjawab ini daripada pejabat ini saya kumpulkan dokumen itu dan Julai baru kita dapat mengadakan pertemuan dengan semua jabatan yang terlibat. Soalan kedua tadi apa?

**TUAN SPEAKER :** Jawab satu sahaja Batu Caves. Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Jawab satu sahaja ya....saya ikut fatwa Speaker la.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Saya amat risau sebab perkara ini dalam manifesto pilihan raya yang lepas jadi ini perlu siap sebelum pilihan raya yang akan datang jadi saya nak tanya Yang Berhormat EXCO, bilakah tempoh kajian dan penyelidikan ini akan siap dan pembinaan akan bermula?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih. Kalau Yang Berhormat risau, saya lebih risau sebab saya jaga portfolio ini. Sebab itu saya memastikan semua dokumen ada dan juga semua pelan telah ada, jadi saya sasarkan awal tahun ini kita sudah mula menyiapkan, saya lupa tadi, kodnya kita ada kod Pelbagai yang masih boleh digunakan kalau kita ada dana awal. Menyentuh tentang dana RM20 juta itu ia belum keluar lagi sebab kita belum kemukakan pelan yang sepenuhnya. Jadi saya percaya dana tu ada dalam *reserve* kita kalau kita keluarkan kita dah ada pelannya

dan ia boleh keluar, sekarang ini ia masih diletakkan RM10.00 dan RM20 juta itu diletakkan dalam pelan jangka panjang Kerajaan Negeri. Untuk bila, saya percaya kalau semua boleh terlibat dalam baik, semua dapat mengetengahkan dan mengemukakan pelan. Saya berharap selepas ini pihak yang berkenaan seperti Pejabat Tanah dan MPK dapat kemukakan kepada MMKM supaya kita boleh gazet kan tanah tersebut sebab ia bukan sahaja pusat kebudayaan. Sebagai contoh pusat kebudayaan cina adalah untuk penempatan semula tokong-tokong dan ada persetujuan di kalangan mereka. Jadi saya rasa kita dalam hal ini juga melibatkan terhadap perancangan bandar saya perlu untuk kemukakan kepada pihak berkuasa tertinggi Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin kemukakan soalan tambahan mengenai dengan pusat kebudayaan ini sebab perkara ini telah lama dan banyak kali saya bangkit dalam Dewan, dia umpama pasukan bola yang dihantar kepada kita, kiri kanan kemudian dihantar balik ke belakang, sekarang pusing di gelanggang tengah...

**TUAN SPEAKER :** Soalannya?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Dia masih berpusing-pusing lagi sebab ini dia dengan soalan dia sama, perkara kebudayaan dia status sampai sekarang dia pusing, pusing, pusing saya nak satu sahaja, EXCO kena tetapkan satu tarikh bila, kapan, jangan samar-samar, macam ya, macam tidak. Itu saya tak mahu dengar la dah. Bagi tau bila, tak dapat tak apa tapi berani menyatakan tarikh itu yang saya nak.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Bahaya, bahaya. Terima kasih Sekinchan. Saya sasarkan untuk paling tidak awal tahun ini atau bulan satu atau bulan dua kita selesaikan isu penggazetan tanah ya dan selepas itu kita akan muktamadkan menjelang pertengahan tahun ini untuk semua pelan itu di *assemble* kan atau dikumpulkan.

**TUAN SPEAKER :** Tahun ini atau tahun depan Batu Caves?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Tahun ini dah berlepas Yang Berhormat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah. Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN :** Tuan Speaker soalan no. 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN**

## (N17 GOMBAK SETIA)

### TAJUK : ANAK YATIM

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Berapakah jumlah rumah anak yatim yang telah berdaftar di bawah Kerajaan Negeri Selangor ?
- (b) Apakah inisiatif yang telah diberikan serta apakah prosedur rumah anak-anak yatim ini didaftarkan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Gombak Setia. Tuan Speaker, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod pendaftaran pusat jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, sehingga Oktober 2015 sebanyak 70 buah pusat jagaan kanak-kanak berkediaman telah berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Statistik pendaftaran pusat jagaan kanak-kanak berkediaman mengikut daerah adalah seperti berikut :- Petaling sebanyak 26, Hulu Langat 15, Gombak 10, Klang 9, Hulu Selangor 4, Kuala Selangor 2, Sepang 2, Kuala Langat 1, Sabak Bernam 1. Jumlah adalah 70.

Bagi pengendali rumah Pusat Jagaan Kanak-kanak Berkediaman adalah terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan. Antara insentif-insentif yang boleh diberikan kepada pengendali ini adalah seperti berikut :-

- (a) Boleh dipertimbangkan untuk menerima Bantuan Geran Tahunan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi rumah anak yatim yang dikendalikan oleh NGO berdaftar dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak jabatan iaitu :-
  - (i) Geran Rangsum (RM8 bagi Pusat Jagaan Berkediaman)
  - (ii) Geran Pentadbiran yang dibayar kepada sukarelawan yang membantu di rumah kebajikan iaitu maksimum RM900 seorang.
  - (iii) Geran Pentadbiran mengikut kadar yang bersesuaian yang meliputi sewaan premis, bil utiliti, program latihan dan program komuniti untuk komuniti
  - (iv) Geran Pembaikan maksimum RM100,000 untuk membaik pulih premis yang menjejaskan keselamatan penghuni.



- (b) Pelepasan Cukai Pendapatan LHDN kepada penderma-penderma yang menyumbang kepada rumah-rumah kebajikan yang dikendalikan oleh pertubuhan sukarela kebajikan bagi Pusat Jagaan yang telah mendapat perakuan pengecualian cukai oleh LHDN.
- (c) Bagi rumah anak-anak yatim beragama Islam, pengendali juga boleh memohon bantuan geran daripada Majlis Agama Islam Negeri Selangor.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, prosedur permohonan pendaftaran Pusat Jagaan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 adalah seperti berikut :-

- (1) Permohonan pendaftaran dibuat melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang berkenaan.
- (2) Borang permohonan pendaftaran pusat jagaan boleh diperolehi secara percuma di mana-mana PKMD yang berhampiran.
- (3) Permohonan pendaftaran pusat jagaan yang lengkap akan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja.
- (4) Sijil Perakuan Pendaftaran pusat jagaan dikeluarkan oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri berkenaan.
- (5) Bayaran pendaftaran dikenakan sebanyak RM 50.00 untuk 5 tahun.

Setiap permohonan mestilah mematuhi syarat-syarat penubuhan pusat jagaan seperti berikut :-

- (1) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS).
- (2) Mendapat sokongan atau kelulusan daripada agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Kesihatan.

- (3) Memenuhi standard minimum JKM iaitu:-

(a) Nisbah penjaga dengan penghuni:

Kanak-kanak/Remaja

Di bawah 4 tahun = 1:5

4 hingga 10 tahun = 1:18

10 tahun ke atas = 1:18

Orang Kurang Upaya (OKU)

OKU = 1:10

OKU teruk/terlantar = 1:4

Warga Emas

Warga Emas = 1:18

Warga Emas berpenyakit/terlantar = 1:4

- (b) Penjaga warganegara atau bukan mestilah berumur 18 tahun ke atas.
- (c) Mematuhi nisbah penghuni dengan ruang lantai iaitu :-
  - (i) Kanak-kanak berumur di bawah 10 tahun dan OKU ialah 3.5 meter persegi
  - (ii) Remaja dan warga emas adalah 3.0 meter persegi.
- (d) Menyediakan dan mempamerkan jadual menu makanan yang seimbang dan jadual aktiviti mengikut peringkat umur dan keperluan penghuni.
- (e) Pusat jagaan hendaklah mempunyai kemudahan, peralatan dan perabot yang sesuai, selamat dan mencukupi bagi keperluan penghuni.
- (f) Menyedia dan menyelenggara rekod-rekod di pusat jagaan dan
- (g) Menjaga kebersihan dan keselamatan di dalam dan luar premis Pusat Jagaan.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker, Ijok soalnya nombor 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : FRUIT VALLEY DI KUALA SELANGOR**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Kawasan ini terbiar. Apakah rancangan yang diambil untuk memulih dan membangunkan kawasan *Fruit Valley*?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Tuan Speaker dan terima kasih kepada Ijok yang bertanya berkenaan *Selangor Fruit Valley* dan ia sebenarnya tidak lah

terbiar seperti mana yang dirisaukan oleh Ijok malah JP ABBAS sendiri dalam mesyuarat pertama penggal ketiga dalam penyatannya telah pun memberikan kredit dan meminta *Selangor Fruit Valley* dari sudut prestasi memuaskannya itu dikekalkan. Untuk pengetahuan Ijok, Kerajaan Negeri melalui PKPS telah pun mengambil langkah '*Rehabilitation*' di Ladang *Selangor Fruit Valley* dan mengambil masa 1 tahun setengah untuk meningkatkan hasil pengeluarannya. Memandangkan langkah tersebut telah dimulakan pada penghujung tahun 2014, hasilnya boleh dilihat pada tahun ini dan sepenuhnya dalam pertengahan tahun 2016.

Pengurusan *Selangor Fruit Valley* telah pun membuat beberapa rancangan pemulihan dan pembangunan. Antaranya adalah :-

- i) Membaik pulih kesuburan tanah
- ii) Penggunaan baja dan kimia perosak tumbuhan yang bersesuaian
- iii) Memperkemaskan lagi sistem pengairan di kawasan berteres
- iv) Menaik taraf jalan pertanian
- v) Tanaman sulam
- vi) Tanaman baru di atas tanah kosong
- vii) Program latihan
- viii) Mengadakan tanaman rempah ratus dan herba
- ix) Agrotourism pertengahan kedua tahun 2016.

Itulah antara perkara-perkara yang telah diambil oleh PKPS untuk membaik pulih keadaan yang berlaku di *Selangor Fruit Valley*.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih. Saya nak tanya sama ada Negeri Selangor berkenaan dengan pertanian, ada satu dasar pertanian yang menyeluruh atau adakah satu *business plan* apa yang kita belanja akan mendatangkan hasil untuk negeri, jadi negeri tak bertanggungjawab atau tak bergantung hasil-hasil tani dari luar. Saya nak tanya EXCO, satu *business plan*, ada tak?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Ijok, walaupun soalan tu telah pun lari daripada tajuk asal iaitu *Selangor Fruit Valley*, untuk pengetahuan Kerajaan Negeri dalam rangka awal dalam menyiapkan Pelan Induk Pertanian Negeri Selangor yang telah pun siap dan akan dibentangkan dalam Majlis Kerajaan Negeri.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Ya, terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin minta EXCO nyatakan apakah jenis-jenis tanaman yang masih ada di *Fruit Valley* dan apakah yang telah dihentikan dan apakah faktor pemberhentian. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Hulu Bernam yang bertanya. Untuk pengetahuan Hulu Bernam terdapat beberapa tanaman buah-buahan yang telah mengeluarkan hasil di ladang *Fruit Valley* setelah bermulanya proses '*rehabilitation*' pada tahun 2014. Di antara tanaman buah-buahan yang telah mengeluarkan hasil seperti jambu batu, belimbing, kelapa pandan, rambutan, pulasan, nangka, tembikai, limau kasturi dan banyak lagi dan untuk pengetahuan Sidang Dewan juga Program Pembangunan Usahawan Tani telah pun kita mulakan dan mengambil lebih kurang 382 hektar dan juga telah menampakkan hasil di samping kawasan yang diusahakan sendiri oleh PKPS itu sejumlah 156 hektar yang dinyatakan tadi hasil buah-buahannya pun telah jelas kelihatan keberhasilan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi, dengan itu saya tangguhkan Sesi Pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### **III. RANG UNDANG-UNDANG**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya ialah sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 Semua Peringkat.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selalunya keistimewaan khas berbahas Belanjawan Negeri diberikan kepada Ketua Pembangkang, tetapi dalam Dewan Negeri Selangor kita tidak mempunyai Ketua Pembangkang, jadi saya bukakan untuk Sesi Perbahasan, saya benarkan dulu ada tak Ahli Dewan Negeri dari pihak Pembangkang yang hendak berbahas dahulu. Batang Kali, silakan Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Ini penyelaras sebab dalam Peraturan Dewan kita tak adapun Ketua Pembangkang, tak ada.

**TUAN SPEAKER :** Dalam Peraturan Dewan kita juga tidak mempunyai jawatan Ketua Penyelaras. Silakan Batang Kali nak berbahas. Silakan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** *Bismillahi rahmani rahim* pertama sekali saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah kerana saya pada hari ini berpeluang mengambil bahagian untuk membahas Belanjawan Selangor 2016. Saya juga nak mengucapkan terima kasih kepada Puan Speaker yang beri laluan.

Bajet 2015 merupakan bajet kedua Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa selepas ditabahkan sebagai Menteri Besar Negeri Selangor. Saya melihat Yang Amat Berhormat mempunyai selera yang sangat tinggi dan besar, seboleh-bolehnya nak memenuhi segala kehendak dan keperluan masyarakat di dalam Negeri Selangor. Tetapi malangnya ia disediakan semasa Kerajaan yang berada dalam keadaan ketidaktentuan. Maksud saya isi rumah dulu yang sepatutnya sudah mula bercerah dan tidak berstabil. PKR hendakkan PAS tapi DAP tak mahu PAS, memutuskan hubungan. Keadaan ini bagi saya satu nana yang memekat dan menunggu pecah dan yang membingungkan dan memburuk bukan lagi keadaan pentadbiran dan pengurusan negeri apabila tiba-tiba turun di depan halimon dari langit berupa jentayu ditanggung oleh DAP. Puan Speaker, konflik dalaman ini membimbangkan kami. Kami tidak mahu melihat

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali saya ingatkan balik ke Perbahasan Belanjawan kerana kalau nak bahas tentang konflik semua Parti ada konflik, kita takkan habis. Kalau ADUN dari sana bangun membahaskan masalah UMNO macam mana? Saya cakap terus kepada Perbahasan Belanjawan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Minta maaf Puan Speaker, Puan Speaker ini mempunyai kepentingan kerana

**TUAN SPEAKER :** Kepentingan siapa? Batang Kali perbahasan Belanjawan

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Balik kepada dasar

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali Perbahasan Belanjawan, Batang Kali Perbahasan Belanjawan

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Ia, ia betul, betul

**TUAN SPEAKER :** Terus kepada isi.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Saya bersetuju tetapi saya mengikut apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa. Ekoran daripada situ saya mempunyai kebimbangan mengenai pentadbiran yang nanti akan menyebabkan Belanjawan kita ini terganggu dan memudaratkan orang lain. Ini yang saya nak bentang, saya bagi tahu perkara ini harus diambil perhatian.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah saya bagi lima belas minit kerana Batang Kali bukan Ketua Pembangkang jadi tak ada masa panjang untuk berbahas, teruskan Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Ya, terima kasih justeru itu Tuan Speaker untuk memulihkan kena rakyat lebih-lebih lagi pelabur dan

mengembalikan kemampunan ekonomi seperti di negeri-negeri yang ditadbir urus oleh Barisan Nasional contoh macam Johor, macam Sarawak, macam Sabah jadi kita memerlukan macam yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa, satu reformasi institusi yang menyeluruh dan meyakinkan. Kita tak mahu mendengar kalau bolehlah kita tak mahu mendengar lagi desakan berlarutan di dalam Dewan Yang Mulia ini. Cukup-cukuplah itu kita tak mahu dengar desakan di masing-masing yang akan datang.

Puan Speaker saya perhatikan bajet defisit merupakan pilihan *favourite* Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa, saya lihat beliau begitu obsess dengan model ini dan kita dapati pada 2015 defisit lebih kurang 23% dan tahun ini atau pun untuk tahun depan meningkat kepada 28%. Kononnya belanjawan defisit tahun 2015 telah memberi atau pun menjadi surplus seperti yang tertera di dalam muka surat 3 tek Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa. Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa saya sarankan jangan keliruan rakyat cukup, cukuplah itu kerana cuba kita perhatikan, baik-baik lebihan fiskal ...

**TUAN SPEAKER :** Ya, Sri Muda minta mencelah, Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tidak, saya nak baca habis lima belas minit cukup, karang masing-masing bahas. Baik-baik lebihan fiskal 552.58 juta yang dimaksudkan. Ia merujuk kepada prestasi sebenar selama sembilan bulan pertama pada tahun 2015, akibat kekurangan 38.3% bagi perbelanjaan keseluruhan berbanding unjuran awal. Ini bermakna kalau kita tengok *open* dia, dia *minus* lebih kurang lebih kurang 33.6% dan *development expenditure* lebih kurang minus 43.5%. Sedangkan hasil keseluruhan pula berbanding unjuran awal hanya meningkat 4%. Ini jauh berbeza berbandingkan dengan *variants* yang berlaku pada tahun-tahun sebelumnya yang menunjukkan *double digit variants*. Jadi oleh itu saya merasa bimbang dan saya memohon Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa menerangkan apakah punca sebenar perbelanjaan terlalu jauh lebih rendah dari unjuran awal, apakah jaminan bahawa kita akan sentiasa bernasib baik dengan perbelanjaan akhir, lebih rendah daripada unjuran awal. Ini juga kita berasa bimbang kerana bergantung hasil Kerajaan Negeri juga kita lihat lebih kurang kalau saya kira-kira lebih kurang 78% berkaitan dengan hartanah. Jadi apakah strategi untuk kita mempelbagaikan hasil seandai kata bergantung kita ini terjejas. Dan yang kedua Yang Berhormat Speaker, bagi saya tiada siapa boleh menjamin bahawa perbelanjaan luar kawal, luar kawal dalam tiga bulan terakhir iaitu daripada Oktober ke Disember 2015 ini tidak akan berlaku sekali gus menyiapkan lebihan fiskal tersebut. Oleh itu apakah rasionalnya belanjawan defisit 630 juta pada tahun ini. Ini ditambah dengan keadaan pertumbuhan Negeri Selangor yang diunjurkan sekitar 5% hingga 5.5%. Ini lebih tinggi lebih daripada unjukan yang dibuat oleh Perdana Menteri yang kita sayangi Dato' Seri Najib Mohd Tun Abdul Razak, ya itu Perdana Menteri Malaysia kita kena hormat, Perdana Menteri kita. So bagi saya kalau ini diambil kira ya kalau pertumbuhan KDNK yang begitu besar kalau ini

diambil kira apakah bagi saya, bagi saya, bagi saya ini bagi saya mungkin pakai lain dia lain, dia punya tafsiran, bagi saya tiada keperluan dasar fiskal menjadi *expressionary* atau kaunter sekiranya tiada unjuran KDNK negatif. Sebab *you are very positive* 5 hingga 5.5%. Satu lagi saya nak terangkan kenyataan Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa mengenai satu kenyataan penyusutan nilai ringgit ketara berbanding USD menyesakkan ekonomi Malaysia. Bagi saya ini tidak tepat dan bercanggah dengan realiti. Hakikatnya ekonomi Malaysia tidak terjejak teruk akibat kejatuhan nilai ringgit kerana ini Sekinchan kena dengar betul-betul ini, kerana KDNK dianggarkan tumbuh antara 4.5% hingga ke 5.5% bagi tahun 2015 dan 4 hingga 5% bagi tahun 2016. Ini bermakna kita punya KDNK masih lagi dalam keadaan yang boleh kita.....

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Mencilah.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya dah kata tadi kita ada 10 minit sahaja. Jadi kita tak boleh celah-celah, nak celah bahas sendiri, dengar saya cakap bahas. Yang Berhormat Speaker, saya melihat salah satu *beneficiary* terbesar ini mengenai bajet keseluruhan yang dibentangkan pula. Saya melihat salah satu *beneficiary* terbesar dalam bajet kali ini sama ada untuk unjuran perbelanjaan mengurus 2016 dan perbelanjaan pembangunan 2016 ialah bajet untuk pejabat Menteri Besar. Jadi di sini saya memohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberikan kami butiran terperinci berkenaan dengan kedua-dua jenis perbelanjaan ini.

Puan Speaker, saya nak berpesan sedikit lah kepada Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa, cukup-cukuplah memomokkan kami dengan inisiatif *arrow* angkasa dan *Rolls Royce* UMW di Serendah ini. Bagi saya ini cerita lama, ini muzik lama sejak daripada 2004 dulu kita bercerita fasal ini apabila kita membawa masuk atau membeli kapal terbang, kita pun buatlah kerjasama dengan *Rolls Royce*. Jadi jangan-janganlah momok kami dengan lagu-lagu lama ini tambahan pula benda ini nak dikatakan beroperasi 3 tahun lagi daripada sekarang. Jadi kami entahkan ya, entahkan tidak terlaksananya kami tak tahulah tapi dimaklumkan dalam bajet ini begitu. Jadi Yang Amat Berhormat kerana itu tak ada bincang masing-masing.

**Y.B. TUAN LAU WEN SANG:** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali benarkan atau tidak?

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tak ada, tak ada, bincang masing-masing

**Y.B. TUAN LAU WEN SANG :** Bagi atau tak bagi?

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tak bagi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

**Y.B. TUAN LAU WEN SANG :** Bagi atau tak bagi?

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tak bagi duduk, Yang Amat Berhormat Menteri Besar perincikanlah, perincikan status inisiatif projek ini boleh percaya ke atau pun tidak? Jadi perincikan kepada kami dan satu lagi Yang Berhormat Speaker ialah mengenai dengan bas Selangor, kami tak yakin dengan orang bandar, itu rezeki orang bandarlah, dia dapat percuma, bas *free*, ada 5 bandar besar kononnya di Selangor ini mempunyai keistimewaan ini. Tetapi kami kecewa kenapa hanya golongan *urban* sahaja yang mendapat manfaat ini? Apa cerita kami di luar bandar, di tempat saya Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Bandar Baru Batang Kali mana sistem pengangkutan awam yang efisien? Mana dia yang bersepadu dan berkapasiti tinggi itu?

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali, saya bagi masa tambahan. Batang Kali dengar dulu saya bagi masa tambahan sehingga pukul 12.00, benarkan atau tidak?

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tak ada saya ingat sedikit lagi, dah nak habis, nak habislah. Karang berbahas, dah nak habislah, tak apa cakap masukan dalam saya punya hal.

**TUAN SPEAKER :** Bukti Gasing ia tak benarkan. Tolong duduk. Silakan teruskan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Jadi untuk perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar masalah pengangkutan di tempat kami terutamanya di luar bandar ini ketika sebab saya bukan bawa cerita kosong atau pun cerita yang bukan-bukan tetapi hakikatnya turunlah tengkoklah kawasan kami di Bukit Senota itu, di Bukit Beruntung itu, di Batang Kali itu, dah lama kita bangkitkan perkara ini kalau tunggu bas 1, 2, 3 jam tak sampai, ada basnya *limited*. Ya ini perkara ini betul ini.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali, perempuan boleh Batu Tiga minta mencelah. Benarkan ke tidak Batang Kali. Batu Tiga,

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Perempuan boleh ke perempuan, bukan Batang Kali tak tahu.

**TUAN SPEAKER :** Batu Tiga, Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tidak, tidak dah nak habis.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali, saya bagi masa tambahan.



**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tak nak, tak nak tambahan, bagi peluang kawan-kawan saya. Kawan saya nak cakap

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Bagi ruang

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** *Please sit down.* Banyak lagi berita nak bagi ini, *no points afterwards. So please sit down.*

**TUAN SPEAKER :** Baiklah beliau tidak membenarkan, jadi semua duduk. Biar beliau habiskan teks. Silakan Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Saya bercakap kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengenai perkara sebenar yang berlaku di luar bandar ini mengenai dengan sistem pengangkutan jadi tolong duduk.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Batang Kali, kita nak berkongsi masalah yang sama apa salah?

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Kalau *you* bahas, dalam *point you* bahas. Apa yang *you* nak cakapkan. Ini masa saya untuk berbahas, bagi saya peluang mengatakan kepada Kerajaan Negeri bahawa saya ada keperluan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Yang itu bukan perbahasan, itu ucapan ini bagi kita minta celah.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Ini perbahasan, kalau perbahasan lain kita nak bercakap, tolong

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Perbahasan Belanjawan Negeri.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Perhatian Kerajaan Negeri sistem pengangkutan di luar bandar teruk. Kami tunggu bas 2, 3 jam baru datang, bas pula dia sedikit.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Tuan Speaker, minta mencelah, mencelah.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Kalau adanya pun gegaah, tau ke apa itu gegaah?

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Persekutuan, itu bukan Kerajaan Selangor semata-mata,

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tak ikut undang-undang. Mintalah peraturan ikut sebagai Kerajaan yang memerintah ada disiplin sedikit. Jangan tak ada disiplin.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah semua tolong duduk.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Minta perhatian apa ini dalam Peraturan Dewan, mintalah kebenaran saya, minta kebenaran untuk bercakap.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Batang Kali dah tak benarkan sesiapa untuk mencelah, biar beliau habiskan. Silakan Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tadi saya nak beritahu bas saya pun gegaah-gegaah, kalau saya naik bas gegaah-gegaah ini panas sampai petang di tengah jalan dia rosak. Ini dah teruk keadaan dia, itu kita minta sangat-sangat Yang Amat Berhormat Menteri Besar marilah turun ke tempat saya perhatikan bas-bas ini. Ya tengok macam mana kita boleh bantuan *urban* penduduk-penduduk luar bandar untuk memastikan mereka juga mendapat sistem pengangkutan yang terbaik. Tidak sahaja di dalam bandar dibahagikan apa bagai keistimewaan tak ertilah nak bagi-bagilah tetapi berpandangan lah kali yang lebih teruk tanggung lama ini menderita lama ini, pun perlukan pembelaan di dalam sistem pengangkutan ini. Dan yang akhirnya Tuan Speaker dalam menangani memilik Rumah Selangor Ku ini. Kita faham Kerajaan Negeri Selangor berusaha keras untuk memastikan rakyat ada tempat tinggal. Tetapi saya sedikit kecewa pada bajet kali ini, saya tak tahu kenapa adakah, apakah justifikasi cap pendapatan isi rumah layak memohon ini dinaikkan kepada RM10,000 kerana saya bimbang Yang Berhormat Speaker, saya bimbang bagi mereka yang cap pendapatan individu mereka RM3,000 ke bawah ini terpaksa bersaing dengan orang yang berpendapatan lebih tinggi. Jadi saya khawati mereka ini mempunyai peluang yang bertambah nipis kerana ia jangan kita anggap RM3,000 ini orang muda yang pergilah ke rumah *type C*, ke *type B* yang kecil-kecil itu yang murah-murah itu. Tetapi kita juga mesti ingat bahawasanya yang bergaji RM3,000 ini juga merupakan famili besar ya yang orang baru naik jadi *officer*, pegawai-pegawai, jadi mereka ini mempunyai anak yang besar-besar tidak mungkin mereka suka atau pun nak kita lihat duduk di rumah sempit, kecil tetapi mampu untuk dimiliki kononnya. Jadi oleh itu saya mintalah Kerajaan Negeri supaya melihat kembali *justification* kenapa perkara ini perlu kita lakukan. Apakah tidak mungkin atau tidak boleh kita mengsektorkan semula kelayakan-kelayakan untuk memiliki rumah Selangor Ku ini mengikut kadar gaji yang terbaik di samping melihat isi keluarga mereka berapa ramai sebenarnya. Jadi kalau boleh saya nakkan *justification* kenapa cap ini dinaikkan ke RM10,000 bagi mereka bersaing dengan yang cap RM8,000 ke bawah. Terima kasih Speaker, terima kasih Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, selalunya Ketua Pembangkang dan Ketua Penyokong Kerajaan kita bagi lebih masa untuk membahas, silakan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan kakitangan Kerajaan serta separa pemerhati yang saya muliakan, salah sejahtera dan salam bersih serta salam reformasi untuk semua. Dalam Dewan yang mulia ini Sekinchan ingin turut serta dalam perbahasan belanjawan 2016 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada Persidangan Ketiga Penggal Ketiga Selangor ini.

Pergi kerja setiap hari,  
tol naik jadi-jadi  
Najib dan Rosmah senang hati  
2.6 bilion ada dalam peti.

Tuan Timbalan Speaker, saya nak tekankan di sini saya nampak Batang Kali, mengatakan bahawa pengangkutan di negeri Selangor ketinggalan dan sebagainya perkara ini. Soal pengangkutan awam ini di bawah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ini kita bantu, kita bantu ini kena nyata kena jelas jangan cuba mainkan Dewan, jangan cuba dan Kerajaan Negeri kita ambil inisiatif dan kita peduli kepada rakyat dan jadi kita buat sesuatu termasuk menambah baik dengan sistem pengangkutan yang kita buat termasuk *Smart Selangor*, bas percuma ah ini satu contoh asal jadi Batang Kali tak perlulah nak cuba memutar belitkan keadaan di dalam Dewan Yang Mulia ini. Pada masa yang sama saya juga ingin nyatakan di sini bahawa Kerajaan Negeri sentiasa prihatin. Bajet yang dinyatakan tadi mengatakan defisit saya akan contohkan satu per satu, sabar-sabar Batang Kali dalam konteks ini.

Tuan Speaker, terlebih dahulu saya mewakili PAC dan seluruh teman-teman serta rakyat negeri Selangor dan merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa kerana telah berjaya mengharungi cabaran mengelas tanggungjawab sebagai Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor sudah satu tahun satu bulan 11 hari saya tidak salah kira Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar diundi berbagai-bagai cabaran dan asaskan khususnya daripada pihak Pembangkang yang begitu ghairah dan cemburu dengan segala kejayaan yang dilakukan oleh Kerajaan Azmin Ali. Kemelut isu penstrukturan semula industri air negeri Selangor sering dijadikan model serangan oleh Pembangkang dan kawan sebelum ini. Kononnya Kerajaan Negeri tak ada niat dan kesungguhan untuk menyelesaikan isu air merupakan keperluan harian rakyat negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Walaupun media Perdana, TV3, Utusan media dan sewaktu dengan saban hari membuat serangan dan kadangkala serangan itu berunsur fitnah namun Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pantang ditekan tetap dengan kesabaran yang mengharungi satu persatu akhirnya terbukti selama ini untuk mempertahankan hak industri air Selangor telah berjaya dan sekali gus menyebabkan Kerajaan Persekutuan terpaksa akur dengan Kerajaan

Negeri untuk membuat penstrukturan semula air dan hak tersebut dikembalikan. Yang penting ini hak air dapat dikembalikan kepada rakyat melalui Kerajaan Negeri Selangor. Jangan kita lupa sebelum ini Kerajaan Persekutuan memang tidak menganjak dan terus mendesak menuntut termasuk hak tanah dan sebagainya diserahkan kepada mereka mamun ketegasan dan kekuatan sokongan rakyat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tetap tidak berganjak akhirnya kita dapat mempertahankan hak rakyat negeri Selangor jangan lupa Kerajaan Pusat memang terkenal dan komited dan bertahankan hak syarikat kroni mereka, dulu kini dan selamanya. Bukan demi kepentingan rakyat tapi demi sebaliknya kepentingan politik dan kroni. Bermula 15 Oktober 2015 yang lepas Syarikat Pengurusan Air Selangor Berhad telah mengambil alih pengurusan operasi SYABAS dan Puncak Niaga Sdn Bhd., Harap dengan kejayaan ini Syarikat Pengurusan Air Selangor akan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap masalah pertamanya menurunkan peratus kadar NRW *Non Revenue Water* selama ini terlalu tinggi dan memperbaiki perkhidmatan air dengan lebih efektif dan mesra pengguna air cukup penting hak itu kita orang mahu Syarikat ini betul mengusahakan bagaimana untuk memperkasakan sedang sistem perkhidmatan air kepada rakyat. Sesungguhnya Selangor akan merasa lega dengan berita dan jaminan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa tidak akan berlaku lagi catuan bekalan air di Negeri Selangor manakala program pemberian air percuma 20 meter padu yang menelan belanja RM1.7 bilion sejak dilaksanakan pada Jun 2008 akan terus dinikmati oleh seluruh rakyat negeri Selangor yang mempunyai meter individu. Ah... ini membuktikan bagaimana Kerajaan Negeri mengurus stabil jaga rakyat air percuma kita bagi sampai sekarang RM1.7 bilion sah dan saya baru dapat berita daripada Parlimen diberitahu bahawa Belanjawan bajet di peringkat Parlimen di bawah Najib ini tahun depan berita buruk untuk rakyat. Berita satu contoh berita buruk untuk rakyat di mana TNB yang selama ini Tenaga Nasional Berhad selama ini dia membantu Kerajaan bantu penduduk miskin di luar bandar di mana apabila elektrik *charge* elektrik mereka di bawah RM20 Kerajaan akan bayar RM10 itu tak perlu bayar. Bawah RM20 Kerajaan Persekutuan akan bayar tapi mulai hadapan RM20 rakyat di seluruh Malaysia bayar sendiri. Bayar sendiri Batang Kali, bayar sendiri ah ini dia bezanya Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan. Kita peduli rakyat air percuma terus bagi rakyat, Kerajaan Persekutuan dah tak boleh bagi lah tidak mampu dong, Tuan Timbalan Speaker, tak mampu. Jadi senyap-senyap tarik balik subsidi, kedua subsidi tepung, subsidi gula, subsidi beras hancur 15 SST, semua *elek*, dengan izin habis tak ada, akan ditarik habis ah ini di katakan Kerajaan yang hebat lebih 50 tahun memerintah dah sampai masa dah rakyat dah faham. Bezakan bagaimana Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Timbalan Speaker, boleh mencelah?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Sekinchan, benarkan saya untuk bertanya persoalan mengenai air ini. Saya ingat lagi janji-janji daripada Kerajaan Negeri ini kira bukan mantan Menteri Besar, Menteri Besar baru tetapi ada janji di dalam Manifesto pun ada janji sendiri untuk menunjukkan berikan saham air untuk rakyat. Yang ini saya nak tanya Sekinchan adakah Sekinchan akan mendesak Kerajaan Negeri khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya melaksanakan janji ini sesaham untuk rakyat supaya rakyat negeri Selangor dapat menikmati hasil daripada penstrukturan semula air di negeri Selangor ini. Saya nak tanya Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Dengkil, perkara ini kita akan tunggulah kalau Pelabuhan datang Pelabuhan Klang datang kita akan tanya Pelabuhan Klang kerana dia tak datang hari ini. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Bukit Antarabangsa, ah Bukit Antarabangsa, Pelabuhan Klang lain tunggu dia datang kita sama-sama tanya ok? Sekian

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Kerajaan Negeri sama

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Oh... tak sama dia lain.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Pakatan Rakyat, Pakatan Harapan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sekarang lain, Pakatan Rakyat sekarang dah beza dan Pelabuhan Klang yang janji. Jawapan kita akan berikan sebab dia pakar air. Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker, sementara itu dalam konteks hubungan antara agama dan kaum di negeri Selangor semenjak kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar lebih setahun atas ketegasan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tidak akan kompromi dengan sebarang usaha dan tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan kaum dan agama seperti yang berlaku sebelum ini termasuk insiden Pegawai Penguatkuasa JAIS yang menyerbu ke dalam gereja dan sebagainya. Saya berharap keadaan aman dan harmoni, damai di kalangan masyarakat berbagai-bagai kaum di negeri Selangor seperti sekarang ini akan terus dipelihara. Kita juga sedia maklum terdapat usaha-usaha. Haah ini penting. Usaha-usaha daripada pihak pembangkang yang cukup cemburu dengan pencapaian kita dan seterusnya membakar api sentimen perkauman yang sempit dengan tujuan melaga-lagakan, melaga-lagakan hubungan antara kaum di negeri Selangor. Buktinya adalah untuk mencetuskan ketegangan kaum dan kecurigaan. Sebagai contoh, sebagai contoh, saya bagi contoh. Himpunan baju merah, himpunan baju merah (baju abang) dengan izinnya. Yang ditaja oleh UMNO dengan mempergunakan berbagai-bagai nama NGO terutama himpunan baju merah yang diketuai oleh....

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tuan Speaker..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Encik Batang kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tuan speaker, tadi saya ditegur kerana...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang kali nak tanya ke nak apa ni??

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Ni saya nak tanya dia, ini cerita politik ke...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan nak bagi laluan ke untuk mencelah?

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Ini cerita politik ke ataupun cerita apa nak berbahas apa ni?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali belum lagi duduk dulu. Belum lagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya akan bagi, sabar dulu ini baru gear pertama. Mukadimah pun belum habis.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Sekinchan sambung.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Timbalan Speaker, himpunan baju merah yang ditaja oleh UMNO dan diketuai, ya diketuai oleh seorang yang sepatutnya hidup di zaman batu iaitu ketua UMNO bahagian Sungai Besar Datuk Jamal Yunus. Ha orang inilah pembakar sentimen supaya menimbulkan kebencian.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan Kota Damansara minta. Bagi tak bagi?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Eh, dia kuning lah. Ha kuning saya bagi. Bersih untuk semua. Saya bagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Ooh, bersih sokong eh?? Tak saya nak minta penjelasanlah daripada Sekinchan ya. Apa kena mengenanya perbahasan bajet ini tadi dengan sebut UMNO-UMNO, Merah-merah, Kuning-kuning ini? Hah. Apa perbezaannya dan apa yang *you* nak sampaikan sebenarnya. Ini *you* nak bahaskan? So, apa kena mengena yang *you* nak bincang fasal baju merah-baju merah, baju kuning ini? Apa benda? Boleh jawab tak?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ha, terima kasih Tuan Timbalan Speaker yang pentingnya saya timbulkan baju merah ini saya bicara soal hubungan kaum. Soal sentimen perkauman, soal *racist*. Ini kita kena sentuh, kestabilan negeri Selangor dan keharmonian kaum di negeri Selangor ini jangan diganggu gugat oleh baju merah. Baju merah ini dia ada motif tersendiri. Yang ketuanya Datuk Jamal ini dia duduk di Sekinchan. Orang Sekinchan hutang tak *bayor*, ini kaki hutang tak *bayor*, saya kenal sangat. Dan kaki langgar syarat. Kaki langgar syarat!! cuba nak jadi hero! nak bodek Perdana Menteri untuk dapatkan jawatan, saya tahu siapa dia.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Tuan Speaker, mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya nak bagi tahu di sini. Eh? Ini baju merah? Oh, penyokong baju merah, saya bagi sekejap lagi. Saya nak tengok bagaimana cara penyokong baju merah nak cakap.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Ceh ceh ceh!!

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Sebenarnya Tuan Speaker, saya nak bertanya kepada Sekinchan. Sebenarnya walaupun atas baju merah tu sebut ketua UMNO bahagian Zon Besar ke, apa ke, ini atas NGO kapasiti NGO dia. Jadi kita tidak boleh menghalang mana-mana NGO nak pergi. Jangan buat tuduhan terhadap UMNO. Saya nak beri amaran.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ha walaupun Yang Berhormat Hulu Bernam dengan gaya merah sikit itu dia boleh nafikan itu bukan UMNO tapi rakyat yang budiman di bawah seluruhnya tahu itu kerja UMNO! Ha ini dia kerja UMNO, jadi tak payah nafikan sudah terang lagi bersuluh.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Ok. Kalau itu, jadi kuning tu DAP ke??

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ha?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Hulu Bernam kena minta dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Kena minta, kena beradab, ha kena beradab.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok. Sekinchan teruskan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ha. Ok saya teruskan ya. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker yang budiman. Ya, jadi saya nak terangkan soal perkauman hubungan kaum di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semakin kita kukuh. Kita tak ada masalah ini. Yang ada persepsi negatif yang dulu-dulu itu kita berjaya

jernihkan yang keruh. Ha jernihkan yang keruh, sekarang kita tenang. Keterangan itu ada. Yang penting itu. Saya harap Batang Kali pun tenang duduk macam tu tenang ya. Sampai habis Dewan dia tenang rasanya. Ok. Saya harap begitulah. Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker, ternyata terdisiplin fizikal dan pengurusan kewangan negeri Selangor yang telus serta berhemah amat berbeda dengan cara pengurusan kewangan Kerajaan Pusat ingin saya huraikan bagaimana ya? Saya terangkan sedikit Belanjawan 2015 dulu sebelum masuk 2016. Pembangunan berkualiti rakyat di peduli. Itu yang pertama. Ya. Yang dibentang pun yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang mengambil pendekatan berani pada tahun lalu dengan menambah peruntukan belanjawan yang lebih besar iaitu 2.4 bilion. Sehingga menyebabkan belanjawan defisit 452.5 juta. Pada ketika itu ramai yang tidak setuju dan membuat kritikan serta sindiran yang pedas dengan berbagai-bagai cara kononnya ia tidak idealistik, tidak realistik la.. tak boleh terima la Macam-macam! Ada sindiran daripada pembangkang. Namun pendekatan berani dan ikhlas Yang Berhormat Dato' Menteri Besar secara tidak langsung telah menyuntik semangat barisan EXCO dan kakitangan kerajaan agar bekerja keras mengurus kewangan dan berusaha dengan gigih mengutip hasil premium tanah terutamanya Pejabat Tanah Dan Galian (PTG), Pejabat Daerah Dan Tanah di sembilan daerah dan akhirnya usaha tersebut berjaya. Tahniah!! Berjaya menambah hasil kutipan anggaran belanjawan 1.97 bilion, hasil sebelum ini telah bertambah kepada 2.05 bilion. Ini maknya kita telah bertambah atas suntikan semangat ini. Yang lebih pentingnya ialah anggaran belanjawan defisit pada awal tahun 2015 sebanyak RM452.5 bilion ermm juta telah menukar menjadi lebih *surplus* ha berapa?? 552.58 juta. Ini merupakan satu pencapaian yang cukup membanggakan. Pujian harus diberikan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang berpandangan jauh dan berani membuat anjakan paradigma tersebut demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat yang memacu pembangunan ekonomi negeri Selangor. Tuan Timbalan Speaker setelah meneliti dan memperhalusi akan kandungan belanjawan reformasi dan revolusi drastik Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang bertemakan Membangun *Smart* Selangor yang Peduli Negeri Selangor 2016 yang merangkumi semua aspek. Ekonominya, pendidikannya, kebudayaan, pembangunan wanita, modal insan, pembangunan belia, kebajikan rakyat dan sebagainya yang diperlukan untuk meneruskan kesinambungan pembangunan negeri Selangor. Kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Tuan Azmin Ali telah bekerja keras nak mengorak langkah dengan pelbagai tindakan yang berani dan berwawasan serta dengan sentuhannya yang berjiwa rakyat, mesra rakyat dan berteraskan kepedulian yang tinggi. Ya. Terhadap permintaan dan harapan rakyat yang dahagakan perubahan. Sebagai seorang pemimpin yang mempunyai wawasan dan berpandangan jauh sesungguhnya perancangan awal menuju *Smart State* dengan izin yang dicanangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memang tepat pada waktunya. Dan amat bersesuaian dengan status pencapaian negeri Selangor sebagai negeri maju. Maka langkah seterusnya adalah untuk memperkasakan pentadbiran dan pembangunan Negeri Selangor dengan perancangan yang lebih



sistematik dan holistik. Di samping kekal sebagai peneraju ekonomi negara yang dinamik dan inovatif bagi merealisasikan matlamat *Smart State* yang pertama, Yang pertama, ya di Malaysia. Tuan Timbalan Speaker, belanjawan 2016, yang memperuntukkan sejumlah RM 2.88 bilion iaitu yang tertinggi dalam sejarah negeri Selangor setakat ini. Anggaran kutipan hasil untuk tahun 2016 meningkat 14.2% kepada 2.250 bilion berbanding RM1.97 bilion pada tahun 2015. Belanjawan 2016 telah mencipta sejarah baru negeri Selangor dengan menggunakan kaedah yang drastik dan berani di mana buat pertama kali dalam sejarah peruntukan mengurus dan pembangunan. Ini tidak pernah berlaku adalah seimbang. Ya dengan izin. Ia serupa 50, 50. Lima kosong lima kosong. Bukan nombor ekor ya. Lima kosong lima kosong. Ya *fifty fifty*. Sejumlah besar RM1.44 bilion ataupun 50% diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus manakala RM1.44 untuk pembangunan. Ini membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersungguh-sungguh menekan aspek penjanaan pembangunan ekonomi Selangor demi kepentingan dan harapan rakyat yang dahagakan pembangunan. Saya cukup yakin pada tahun hadapan kegiatan ekonomi akan bertambah rancak dengan suntikan dana yang lebih besar. Keadaan ekonomi negara yang dilanda jerebu yang kritikal sukar untuk nampak sinar harapan. Angka pengurusan Putrajaya yang semakin *goblok* dan pincang ia ditambah pula dengan skandal kewangan 1MDB 1Malaysia dalam bahaya serta isu derma RM2.6 bilion yang...

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Tuan speaker, saya ingin mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER**: Sekinchan bagi tak Hulu Bernam?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ya. Dia tak boleh sentuh. Saya nak tengok gaya.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Mengenai isu 1MDB. Gaya? Gaya semua orang ada gaya jangan bimbang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Saya nak maklum kepada Tuan Sekinchan bahawa 1MDB isu 1MDB Arul Kanda bersedia untuk berdebat dengan Tony Phua. Jangan Tony Phua lari cukuplah. Jadi biar kita berperang tanpa syarat. Itu persetujuan yang kita telah buat.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Bernam. Ya. Pagi ini dia cukup aktif. Biasa Hulu Bernam tak datang ataupun datang petang. Ha ini, ini saya betul kali dia....

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Saya bila tak ada soalan tu saya ada kerja yang lain.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya jawab juga, sabar je la. Sabar itu separuh daripada iman. Ha. Kena faham ya. Jadi soal 1MDB satu Malaysia dalam bahaya. Memang bahaya sekarang ini. Ya. Porak peranda sekarang dan derma RM2.6 bilion soal debat itu, Pengerusi DAP negeri Selangor, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tony Pua, dia baru menang semalam. Dan dia akan menyahut cabaran tapi tanpa syarat. Jangan nak suruh lepaskan apa jawatankuasa PAC la.. ini la.. tak payah! Kalau nak debat-debat betul-betul di TV tanpa ada suntingan atau jangan ada dicantas jangan!

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Kita dah setuju tanpa syarat. Saya rasa ketinggalan maklumat ini Sekinchan ini. Hmm kena *uptodate* la.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Oh tanpa syarat. Ok, ok. Saya cuba, saya cuba tambah baik syarat dia. Takut nanti bukan boleh percaya sangat sebab yang kontrol TV pun bukan kita. Ha, ini bahaya. Sejarah zaman silam telah mendewasakan kita. Jadi kita tahu apa perangai sebenar Hulu Bernam dan UMNO konco-konco yang sewaktu dengannya.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Saya rasa Tuan Speaker, saya mencelah kalau Tony Pua lari saya minta Sekinchan ganti.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ha ha ha ha. Itu kita tengok kemudian. *Insyallah* ya, jangan takut. Sebagai pendekar pantang dicabar. Hulu Bernam jangan takut. Kalau saya tak ada Sabak pun berani datang jangan takut.. Orang kiri kanan saya ni orang sebelah jiran saya Sabak pun berani datang jangan saja Sekinchan betul. Setuju Sabak? Sabak setuju! Kalau Sabak pun setuju apa lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Kampung Tunku minta mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Kampung Tunku.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Kampung Tunku.

**Y.B. LAU WENG SAN :** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sekinchan bukankah pernah sekiranya ahli-ahli politik ini bersetuju untuk berbahas, berdebat di hadapan televisyen. Sepatutnya Arul Kanda ini harus digantikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Menteri Kewangan bukan Arul Kanda kan?? Ini soalan saya. Ke mana pergi Perdana Menteri kita ni?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ya, terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku kalau nak bicara soal apa nama Perdana Menteri ini saya bagi pantun inilah untuk jawab soalan Yang Berhormat Kampung Tunku boleh?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Boleh, boleh.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ha, ya tahniah jugalah semalam menang ya tahniah jugak.

Pahlawan Bugis hebat katanya,  
Diundang debat tak kunjung tiba,  
1MDB dikatakan boleh memaju negara,  
Ringgit Malaysia jatuh jadi jenaka dunia.

Dia selalu suruh datang, selalu suruh datang, dia tak datang, Menteri Kewangan Malaysia dah terkenal dah. Suruh debat Anwar Ibrahim penasihat ekonomi negeri Selangor, Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah cabar debat Perdana Menteri, Menteri Kewangan. Orang tegur!! Dengan izin ya. Meru. Tahu *Orang tegur* ye, tak datang sudah lah ya..

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Ha lagi sekali. Sebab hari ini saya nak tengok yang berdebat pastilah CEO 1MDB barulah tepat dan betul. Jawapan tu kena tepat. Jangan soal benda-benda yang tidak berkaitan. Ini saya nak cakap kepada Sekinchan. Dan saya ingatkan pantun tu kena betul. Janganlah kita punya istilah pantun, seni kata Melayu, apa semua ni silap, misal katakan pembayangnya lain, maksudnya lain. Rosak bahasa kita.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih. Itu lah mencerikan suasana. Tak apa pembayang kena ada.. tak ada tak rosak. Kita cintakan bahasa kita. Kepelbagaian harus dirai.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sabak minta mencelah.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Saya nak mencadang daripada kita bercakap fasal Tony Pua ke apa ke, macam mana kalau sekiranya Sekinchan memulakan debat dulu dengan Hulu Bernam.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Oooh boleh. Terima kasih, terima kasih atas cerahan dan cadangan yang cukup baik daripada Sabak. Saya cukup hargai dan saya menantilah kalau dengan Hulu Bernam, menanti bila-bila, kapan-kapan. Boleh. Enggak ada masalah. Tak apa, tak apa, boleh kita boleh. Dan kalau Sabak nak membantu pun boleh. Janji ada TV la, TV3, Astro Awani, risau ke tidak, Hulu Bernam. TV3, Astro Awani.

**Y.B. DATUK ROSNI BT SOHAR** : Boleh bila-bila. Tapi saya cadangkan, Sekinchan boleh masuk program Raja Lawak lagi bagus lah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tak ada. Itu jangan ada syarat. Sama ada, Sekinchan nak lawak dalam TV, itu terpulang. Rakyat akan menilaikan. Tapi yang penting, berani tak, Hulu Bernam. Macam mana. Ok tak, Sabak.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ** : Sekarang ni kan dah debat ni..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ha...

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ** : Sekarang ni kan dah debat tu..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Kita debat ini secara, perbincangan belanjawan. Tapi kalau nak debat soal isu politik, macam-macam, ayuh, kapan, *entene wae la, entene wae endi-endi*, menunggu di mana-mana. Ok lah.

**TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan, gunakan bahasa kebangsaan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ya, kebangsaan...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tuan Speaker, saya mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya kata, saya tunggu di mana-mana.

**TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan, Dengkil minta mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ok.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Sebut fasal bahasa kebangsaan, saya nak tanya Sekinchan, tajuk, tajuk belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, *Membangun Smart Selangor Yang Peduli*. *Smart* tu bahasa Malaysia ke, bahasa Inggeris ke bahasa Jawa. *Membangun Smart Selangor*, cuba terangkan, *Membangun Smart Selangor*, kalau kita tukar, membangun..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tak boleh, tak boleh..

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : bijak, Bijak Selangor Yang Peduli, apa salahnya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih, terima kasih, Tuan Timbalan Speaker, terima kasih, rakan saya yang bijaksana daripada Dengkil, yang begitu prihatin tentang soal bahasa. Dia bukan dewan bahasa tapi dia begitu prihatin. Saya nak jawab, saya nak jawab, sabar, saya akan jawab. Selangor ini, kita dah sampai tahap negeri maju. Negeri maju, pencapaian akademik. Pemikiran pun lain. Pemikiran dia luar biasa. Lebih keluar daripada kerangka yang lama. Jadi kita menggunakan ayat-ayat yang faham rakyat Selangor. Rakyat Selangor faham *Smart Selangor*. Faham.

Wong kampung Sekinchan, faham. Wong Sabak, faham. Takut Hulu Bernam tak faham. Ha.. Dengkil, dia samar-samar. Dan Sungai Burong, pagi ni tak datang, *confius* langsung, *confius* langsung. Jadi persoalan itu tak timbul lah ya. Tak timbul. Tak apa. Kita biarkan, saya yakin anak muda daripada Sungai Panjang, anak muda Sungai Panjang ni, dia boleh faham.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BN ZOHDI** : Celahan, Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Dia terus faham, jadi dia terus bangun.

**TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang, silakan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BN ZOHDI** : Sekinchan, boleh soal.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Boleh, boleh.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BN ZOHDI** : *Smart* tu perkataan bahasa Melayu atau perkataan bahasa Inggeris. Itu yang kita nak.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya jawab perkara ini, di Selangor kita raikan kepelbagaian. Antarabangsa, kita dah sampai ke peringkat antarabangsa, Selangor ni. Saya pergi ke Taiwan baru-baru ni, semua orang kenal Selangor. Jadi dah sampai peringkat antarabangsa. Tapi kena guna bahasa

**Y.B. TUAN BUDIMAN BN ZOHDI** : Sekinchan, jangan pusing-pusing. Saya nak minta jawapan bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris, *Smart* tu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya cakap bahasa Inggeris la ni.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BN ZOHDI** : Jadi maknanya,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : bahasa Inggeris.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BN ZOHDI** : Bersetujulah Sekinchan, maknanya dia gabungan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tak apa, kita meraikan kepelbagaian, apa salahnya. Tak ada masalah.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BN ZOHDI** : Kenapa tak guna Pintar Selangor.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Minta celah. Minta celah.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BN ZOHDI** : Sabar, sabar. Dia tak jawab lagi soalan saya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang, terpulang pada Sekinchan nak jawab atau tidak. Sekarang ni adalah *floor* Sekinchan. Silakan Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Sekinchan, setuju atau tidak kalau saya katakan bahawa sebahagian daripada bahasa Melayu pun ada mengambil daripada asalnya daripada bahasa yang lain. Umpamanya jenazah, umpamanya mayat. Itu daripada bahasa Arab yang telah terguna pakai dalam bahasa Melayu kita sampai hari ini. Maka apa salah nya tentang *smart* ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Jadi tak ada masalah. Sabak telah bagi tau, langsung tak ada masalah. Jadi, terang lagi bersuluh, jadi dia buang masa saya untuk terangkan, untuk bagi *lecture*, bagi sikit taklimat.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BN ZOHDI** : Sungai Panjang, cerahan, Tuan Speaker, cerahan sedikit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tak pe la, kita panggil Awang Sariyan. Yang profesor dia hebat. Besok kita adakan taklimat.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Minta penjelasan.

**TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan, Sekinchan, ada dua orang, Damansara Utama dengan Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ok, Damansara Utama.

**TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Saya nak tanya YB Sekinchan, apakah penterjemahan, apakah *long term* untuk UMNO. UMNO itu dari apa. Dari bahasa apa.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama. Ini cerdik pandai.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BN ZOHDI** : ini dalam Dewan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : UMNO ini bahasa apa.

**( GADUH TENTANG ISU BAHASA MELAYU, BAHASA KEBANGSAAN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Semua Yang Berhormat,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Dia suruh saya duduk, mana boleh saya akur, kalau Timbalan Speaker, saya baru akur....

**Y.B. DATUK ROSNI BT SOHAR :** Nanti darah tinggi, fasal saya tengok mukanya dah merah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan, ada berapa orang minta mencelah. Nak bagi siapa.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya tak bagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ha, tak bagi, Hulu Bernam, Sungai Panjang, Sekinchan dah tak bagi.

**Y.B. DATUK ROSNI BT SOHAR :** Saya ingat Sekinchan boleh *join* kita lah. merah juga dah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta semua Yang Berhormat duduk, biar Sekinchan habiskan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** UMNO.. UMNO, itu bahasa apa... Saya sekalilah terima kasih kepada Yang Berhormat Damansara Utama. Dia bagi satu cerahan yang cukup bermakna. Sampai UMNO, empat bangun dah. Silap-silap lima, enam, termasuk ketua *confuse*. Eh, bukan ketua *confuse*. Silap ya.. Jadi cukup, cukup ya. Maknanya soal memperkasakan bahasa, UMNO pun cakap tak serupa bikin, ya tak serupa bikin. Saya cadangkan dalam Dewan yang mulia ini, *hansad* kena catat. Kalau UMNO betul-betul perjuangkan bahasa Malaysia, ubahlah hari ini nama UMNO kepada nama bahasa Malaysia. Ha... itu baru cakap serupa bikin. Cakap bikin, bikin cakap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Hulu Bernam minta, Hulu Bernam, Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan. Kena beri pengiktirafan. Gunalah bahasa ini di dalam Dewan dengan sebaik-baik mungkin. Orang Jepun guna bahasa dia sendiri pun boleh berjaya. Kenapa kita tak boleh. Kita kena iktiraf, kita kena jangan rosakkan bahasa kebangsaan. Ini yang saya cadangkan. Sila Sekinchan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih, Hulu Bernam. Yang merosakkan bahasa kebangsaan ini, UMNO. Sudah terang lagi bersuluh. UMNO perjuangkan bahasa, keluar surat khabar, UMNO pejuang bahasa.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Sekinchan, saya mohon mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : UMNO.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Batang Kali minta.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Kalau dia mengatakan semua, UMNO, perkataan UMNO,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Nanti Batang Kali, Sekinchan bagi laluan ke tidak.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Nanti saya tengok dia jawatan sekarang.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Ahli Dewan Undangan Batang Kali.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Itu Ok, kalau Penyelaras saya tak layan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ok, silakan Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Apa bezanya DAP dengan UMNO. Apa maksud DAP. Terangkan kepada saya. Cakap Melayu ke atau bukan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : saya nak bagi tau.

**YB. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Terangkan DAP itu apa.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Dia DAP kita tak kata,

**YB. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Terangkan DAP bahasa Melayu ke atau bahasa Inggeris.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Dia bahasa Inggeris.

**YB. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Terangkan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Bahasa Inggeris. Tadi saya dah bagi tau.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Terangkan. Saya nak kamu terangka. Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sila Sekinchan.



**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya terangkan, itu bahasa Inggeris, tapi saya nak bagi tau, kita tak pernah cerita sampai, oh, kita pertahankan bahasa Malaysia matimatian, hidup Melayu. Tak ada. Kita mempertahankan lembaga. Jadi UMNO sendiri, UMNO cuba tipu orang di kampung, tipu orang kampung, anak kampung kononnya...

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Minta mencelah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Peraturan mesyuarat, 30

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Kg Tunku minta, Batang Kali minta, bagi siapa.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** 36 (1) iaitu seorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja. Dalam isu ini kita membincangkan isu tentang perbekalan tahun 2016. Isu bahasa ini sebenarnya disengajakan ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dengkil untuk mengalihkan pandangan kita kepada perbahasan pokok, jadi saya pun menyarankan Sekinchan, kita jangan endah mereka la.. Ini isu kecil sahaja.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tapi seluruh perbahasan Sekinchan melencong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, semua duduk. Semua yang terhormat duduk, semua duduk, ini peraturan tetap. Ok, terima kasih Kg Tunku. Persoalan tentang *Smart* ini akan dijawab sepenuhnya oleh Menteri Besar, Dato' Menteri Besar nanti, kita bagi peluang kepada Menteri Besar, kita minta Sekinchan sambung perbahasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Jadi sebagai pembahas yang beradab, saya menghormati keputusan Timbalan Speaker, saya teruskan perbahasan. Tak boleh jawablah. Kena teruskan. Tuan Speaker, soal Satu Malaysia dalam

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Sungai Burong minta mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sungai Burong, ya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS :** Bagi tak.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Jangan masuk soal bahasa, boleh.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS :** Saya nak tanya fasal adap ni. Tentang adab..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tak payah lah, saya teruskan dululah. Sebab baru...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dia tak benarkan.

**Y.B. NG SUEE LIM :** Nanti dulu. Bagi panas badan dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Mungkin dia bagi lepas ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sungai Burong, Sungai Burong,

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS :** Tadi dia kata saya tak ada kat Dewan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Tak apa. Dah ada sekarang.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS :** Ni orangnya dah ada kat sini dah, jangan suka membohong.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sungai Burong, dia baru masuk. Jadi bagi dia panas badan. Dia belum panas lagi. Supaya dia tenang. Dia belum tenang lagi..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Bagi dia panas supaya dia tenang. Dia belum tenang lagi. GELAK. Tak apa,tak apa, sabar, sabar, sabar. *Alon alon disek*. Dengan izin. Pelan pelan dulu, tak apa. Saya tadi membicarakan soal 1MDB dan 2.6 bilion, bagaimana pencabulan terhadap sistem pentadbiran dan institusi kerajaan yang dahsyat, dahsyat, cukup dahsyat. Justeru itu langkah Kerajaan Negeri Selangor, menyalurkan peruntukan begitu besar, akan merangsangkan kegiatan ekonomi dan seterusnya melaksanakan semua perancangan dan agenda. Dan agenda Kerajaan Negeri walaupun belanjawan 2016, mengalami defisit RM630 juta. Ha.. kita jujur, defisit, kita cakap defisit. Tak ada masalah. Tuan Timbalan Speaker, pihak pembangkang, dia akan kritiklah, pembangkang dia akan kritik. Kalau baik pun dia tak akan puji, dia akan kritik, dengan berbagai-bagai acara, kononnya belanjawan kita defisit. Belanjawan, ada hari itu saya dengar dalam belanjawan gula-gula *lollypop*, gula-gula *lollypop* pun ada, yang hanya bersifat sementara dan akan memudaratkan pada masa depan. Ini komen Batang Kali. Ingin saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa apa yang dikatakan oleh Batang Kali, *lollypop* ataupun gula-gula, itu lebih baik jika dibandingkan

**Y.B. DATUK ROSNI BT SOHAR :** Speaker, seorang ahli tidak boleh membaca teks dalam Peraturan 35 (6).

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Mana teks saya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Teruskan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Soal gula-gula ini yang ditimbulkan oleh Batang Kali, itu yang lebih baik, saya nak bagi tau. Bajet yang dibentangkan oleh Najib dengan pemberian BR1M ini, itu bukan lagi lolipop, itu candu, candu yang diberikan kepada rakyat tanpa perancangan. Rakyat akan ketagih dengan candu dan tak boleh buat apa-apa. Ha.. ini dia. Ini dia, ini rasuah, sebagai satu rasuah, inilah BR1M, pemberian rasuah satu Malaysia. Saya nak bagi tau, perbezaan di negeri Selangor, kita bantu rakyat dengan peruntukan yang besar tapi kita tak bagi seperti apa nama BR1M dan sebagainya. Dan seterusnya, saya akan teruskan dengan apa yang saya nyatakan 50%. Ingin saya tekankan 50/50. Mengurus 50, pembangunan 50. Ha, carilah, saya nak tanya negeri yang ditadbir oleh UMNO, Barisan Nasional. Mana satu negeri yang ada 50/50. Kerajaan pusat berapa sekarang. 18 pun tak cukup. 18 untuk pembangunan. Yang lain, 82 untuk mengurus. Sapa, Barisan Nasional. Hebat. Kononnya hebat. Gempak.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Mencilah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Batang Kali minta mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Batang Kali, ok lah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** *Simple* saja soalan saya. Soalan saya mudah saja sebab isu 50/50. Bagi saya apabila saya tengok bajet 50/50 ini, setengah-setengah ini. Untuk 9 bulan pertama, kita tau apa benda dia. Tapi untuk 3 bulan akan datang kita tak tahu. Kalau you boleh bagi purata berapa setiap bulan itu dan kita boleh akui 50/50 ini, boleh dipakai.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Batang Kali. Dia *confius* dengan *figure*. Tak apa. Sebab 50/50 secara *detail*, kita serahkan kepada kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Dia akan bagi pencerahan yang menyeluruh seluruhnya satu persatu. Saya tak sampai tahap Menteri Besar lagi. Saya setakat *PVC*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan, Sungai Burong minta.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS :** Boleh tak. Dah panas sekarang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Boleh la, dia sudah panas sekarang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ok. Tadi Sekinchan ada sebut tentang bajet federal. Saya hendak tanya apa ini, Sekinchan telah buat kajian tentang bajet federal tentang berapakah sebahagian besar perbelanjaan mengurus ini. Tahukah Sekinchan di Selangor ini tiada perbelanjaan untuk penjawat awam seperti guru-guru yang dibayar. Yang bayar oleh kerajaan federal yang begitu besar. Anggota Polis dan anggota tentera. Penjawat-penjawat awam ini yang berjumlah hampir dekat satu juta ini merupakan sebahagian daripada perbelanjaan mengurus yang bertanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Ini membuat bajet mengurus menjadi besar berbanding dengan negeri Selangor ia tidak ada perbelanjaan yang besar ini. Sebenarnya perbelanjaan mengurus di negeri Selangor ini sepatutnya di bahagi nisbahnya dengan federal dengan tanggungan amat kecil. Sila jawab.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong yang cuba mengatakan, cuba pertahankan bajet yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Tak apa. Saya hendak beritahu, dia kata di persekutuan banyak membayar gaji, banyak tanggungan. Tapi harus kita ingat di peringkat Kerajaan Pusat banyak pendapatan, hasil *income tax* seluruh rakyat negeri Selangor semua dibayar kepada Kerajaan Pusat. Selangor pendapatannya kurang, tengok berbeza. Ini soal GST lagi. Itu saya tidak hendak sentuh.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Minta mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** GST lagi. Jadi banyak hasil. Jadi

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Jadi persoalan sekarang

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan, Batang Kali minta

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Belum. Saya jawab

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Belum. Belum.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sedikit sahaja.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sebab itu kenapa Batang Kali masih belum boleh diangkat sebagai Ketua Pembangkang sebab dia tidak tahu. Saya kena jawab dulu Sungai Burong baru kemudian Batang Kali. Sabar dahulu Batang Kali.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Duduk dulu Batang Kali.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya hendak beritahu soal pengurusan mengurus yang besar. Ini soal pengurusan kewangan yang berhemah. Di Pusat boros. Ini pentingnya

ketirisan, bocor kiri, bocor kanan, ini rakyat semua hendak tahu. Dalam Laporan Audit.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Nak tanya? Nak tanya?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Setiap tahun Laporan Audit Negara, hampir berapa

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Boleh.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Hampir RM 2 Bilion hilang tiap-tiap tahun.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Sekinchan ini suka membuat *conjunction*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, silakan. Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Boleh.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan duduk, dia bagi laluan tu. Sila. Dah *confius* dah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya tanya tadi tapi Sekinchan tidak jawab sebab dia tidak buat kajian tentang Belanjawan Persekutuan ini. Dia sebenarnya soal belanja besar ini bergantung pada hasil. Kalau hasil negara besar, maka ia boleh kita belanja besar tapi di Selangor ini apabila hasilnya besar tapi kena belanja lebih lah. Itu sebab dia deposit. Sepatutnya di Selangor pada saya belanja deposit dia boleh belanja *balance* sahaja. Untuk pastikan bahawa kerana tidak ada tanggungan perbelanjaan besar daripada pengurusan jadi 50/50 juga lah. Itu dalam keadaan itu. Dan boleh digunakan dalam negara Selangor negeri maju. Jadi soal yang dikatakan tadi soal ketirisan, jadi saya hendak tanya ini buktikanlah ya jangan tuduh sahaja. Ini jangan ianya kondusif Pembangkang tentang ketirisan tapi dia tidak di *detail* kan tentang di mana ketirisan itu. Cuma sebut sahaja. Itu yang saya minta penjelasan daripada Sekinchan kalau tidak jangan tuduh-tuduh. Ini tidak, Sekinchan suka tuduh-tuduh. Orang hadir pun dia kata tidak hadir. Ini janganlah orang kata ya

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Cukup-cukup. Dah faham soalan itu. Silakan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Pendekkan pertanyaan itu, soalan tidak perlu panjang sangat. Sikit, saya faham cepat jadi tidak perlulah pusing sangat . Saya hendak bagi tahu. Saya hendak tunjukkan mana ketirisan yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Salah satu projek tentang kalau ada lembu boleh kita duduk dalam pondok. Ha, Itu satu. Itu satu lah. Yang keduanya, Laporan Audit dari Ketua Audit

Negara kita dalam PAC. Saya dalam PAC negeri Selangor kita tahu bagaimana Laporan Audit Negara setiap tahun saban tahun jabatan itu jabatan ini ketirisannya apa bekalannya dan apa sebagainya 20 Bilion paling kurang. Ini yang saya katakan kalau hasil kita ada tapi kita tidak pandai mengurus, tak *smart* ini dia. Yang melakukan yang menyebabkan bajet mengurus itu terlalu besar semakin mengembang, semakin mengembang hampir hendak meletup, akhirnya hutang sekeliling pinggang. Inilah penyakit yang ada di peringkat Persekutuan sampai ke hari ini masih menafikan cuba serah diri jangan menafikan. Sedar.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Boleh hendak tanya sedikit fasal hutang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bagi tak Sungai Burong? Silakan Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Kerajaan Negeri ini dia tidak boleh samakan dengan Kerajaan Federal. Beritahu contoh negara mana di dunia ini yang tidak apa ini, tidak mengalami masalah hutang? Kebanyakannya, saya tidak kata tidak ada. Kebanyakannya di dunia ini hutangnya jauh lebih besar. Hutang negara ini mengikut kadar

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalannya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Soalannya, itulah. Adakah Sekinchan tahu bahawa hutang negara ini adalah hutang yang terkawal tidak sampai 55% yang ini satu yang dibenarkan. Kalau dibandingkan dengan negara lain hutang sampai lebih dari 100% dan tidak. Yang pentingnya, ia tidak menjejaskan dengan teruk keadaan kesejahteraan rakyat walaupun banyak tuduhan-tuduhan Pembangkang Kerajaan Persekutuan katakan rakyat terjejas tapi apakah hari ini keadaan rakyat jauh lebih baik dengan masa-masa dahulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila. Sungai Burong. Maaf. Sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sekinchan, minta laluan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila jawab dulu Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Jadi soal hutang ini, dia kata negara mana yang tidak ada hutang. Saya bagi satu contohlah. Singapura duitnya lebih banyak di dunia. Singapura itu sajalah satu contoh mana soal hutang ini hutang negara dah sampai kritikal satu dunia sudah tahu kita tidak payah buka cerita dah. Kalau dulu boleh. 30 tahun lalu kita tengok Utusan Malaysia dan TV3 boleh dulu. Tup, tutup boleh cover. Macam IMDB boleh.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Yang dikatakan kritikal ini keadaan hutang di negara ini di bawah sebagaimana penarafan antarabangsa ada yang bukan yang kritikal. Dia kalau kritikal Sekinchan kalau keadaan lebih daripada 55% ke atas itu baru dikatakan kritikal. Tapi negara hutangnya 50% yang pertama. 52% lebih baik daripada 55% pertama. Yang kedua, tahu walaupun kita berhutang asal kita mampu bayar hutang keadaan negara saya hendak minta Sekinchan buktikan apakah yang Kerajaan Persekutuan yang tidak mampu bayar hutang. Buktikan. Kalau betul maknanya keadaan hutang di negara ini, katanya hutangnya sudah kritikal. Kalau tidak ini hanya omong-omong kosong Sekinchan sahaja lah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya tidak hendak bergelut sangatlah dengan

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Minta laluan, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya bagilah pada Kota Anggerik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Anggerik. Sila.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Sekinchan, adakah Sekinchan sedar bahawa selama 18 tahun Kerajaan Persekutuan dengan bajet deposit yang mengakibatkan sekarang ini hutang negara sudah mencapai 800 Bilion. Akibatnya kerajaan terpaksa mengenakan GST untuk mengambil wang rakyat untuk meningkatkan pendapatan. Keduanya, ini diakui dengan menteri sendiri jika berterusan begini negara akan bankrap. Oleh itu Kerajaan Pusat telah menghapuskan subsidi. Akibatnya tiada subsidi minyak, subsidi gula, subsidi tol dan semua barang akan naik. Jadi kesan daripada hutang ini rakyat menjadi susah. Jadi apakah pandangan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Kota Anggerik kerana apa yang Kota Anggerik jelaskan sudah terang lagi bersuluh. Jadi saya tidak perlu tambah satu ayat pun tidak perlu. Sudah cukup. Jadi saya teruskan dengan perbahasan saya. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Walaupun belanjawan yang bertemakan membangun *Smart* Selangor mengalami deposit RM630 juta namun ia tidak menjejaskan kedudukan kewangan, ini penting. Kewangan kerana Kerajaan Negeri mempunyai rizab yang kukuh melalui Wang Simpanan Yang Disatukan yang berjumlah RM3.6 bilion berbanding 3.2 bilion pada tahun 2014. Oleh yang demikian, berdasarkan apa yang kritikan yang Pembangkang dan sebagainya Selangor yang cemburu dengan kejayaan Kerajaan Negeri Selangor saya yakinlah bahawa dalam hati sanubari pihak Pembangkang dia tahu cara pengurusan Kerajaan Negeri Selangor memang mantap, tersusun tetapi mereka apa laling sekalipun mereka hendak menafikan. Tapi biarlah. inilah contoh teladan

kepada seluruh negeri dan Selangor ini bakal menjadi teladan dan mengetuai misi menawan Putrajaya pada PRU akan datang dengan penuh harapan. Perkara yang penting yang saya tegaskan dalam dewan yang mulia ini Belanjawan 2016 Kerajaan Negeri Selangor yang berjumlah RM2.88 Bilion adalah untuk rakyat bagi tempoh setahun. RM2.88 Bilion untuk rakyat di seluruh negeri Selangor. Tidak kira Melayunya, Cinanya, India tidak kira lain-lain semuanya untuk tempoh masa satu tahun. Manakala derma RM2.6 Bilion masuk ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Najib. Walaupun penyiasatan dilakukan tetapi betul dipersalahkan dan yang salah diperbetulkan dan yang pelik lagi ada pegawai kerajaan yang tidak sakit disakitkan, ada pula yang dihantar simpan dalam Jabatan Perdana Menteri. Beliau berlaku pula insiden di SPRM dengan reman pegawai SPRM walaupun kedua-dua duduk sama dalam satu pasukan penyiasatan khas, memang cukup luar biasalah sehinggakan mantan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyidin Yasin pun tidak boleh tahan, persoalkan mana perginya RM2.6 Bilion akhirnya nasib malang pula menimpa Tan Sri Muhyidin Yasin dan akhirnya disingkir daripada jawatan TPM/Timbalan Perdana Menteri. Sebagai kesimpulan sesiapa yang mempersoalkan, pertikaikan dan tanya mana RM2.6 Bilion

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Boleh tanya ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Burong minta Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya habiskan dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Habiskan dulu. Belum habis Sungai Burong. Sila duduk.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya habiskan dulu ya. Sesiapa. Barang siapa yang persoalkan, yang tanya, mempertikaikan RM2.6 Bilion mungkin boleh masuk akaun peribadi Najib nescaya akan ditimpa malapetaka dan kecelakaan, ini dia. Jadi *waspodo, waspodo* Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker kena waspada jangan hendak tanya. Inilah tanah air ku bawah UMNO Barisan Nasional.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Boleh mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Burong minta mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta mencelah lagi.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Nak tanya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sungai Burong.



**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Tadi tuduh di bawah kerajaan federal ya. Apa berlaku kepimpinan yang tidak baik mengata orang tidak baik, saya hendak tanya Kerajaan Negeri Selangor pun dulu ada pemimpin yang baik yang dapat menguruskan Kerajaan Negeri Selangor ini dengan baik Menteri Besarnya kenapa diturunkan pula. Kalau dah baik sepatutnya diteruskan. Adakah ini juga Pakatan Rakyat ini *double standard*?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih sebab ini tidak berkaitan sebab saya tadi membicarakan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Seri Andalas. Minta mencelah. Silakan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Seri Andalas, ya.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Saya hendak tanya, tadi ada dari sebelah sana kita tidak ada jatuhkan mana-mana Dato' Menteri Besar. Adakah mana-mana Dato' Menteri Besar yang masuk penjara. Sebelah sana ada tak yang masuk penjara Dato' Menteri Besarnya?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat Seri Andalas. Jadi soal itu saya tidak perlu jawablah sebab sudah terang lagi bersuluh sebab saya hendak bagi tahu sebab RM2.6 Bilion ini isu sensitif jangan tanya, jangan persoalkan, *ojo takun* (dengan izin) jangan tanya, jangan tanya ya. Jangan pertikai, kalau tanya nescaya akan ditimpa bala malapetaka dan kecelakaan. Ini saya hendak bagi tahu semua Ahli Dewan ini bahaya ya, waspada.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan, Dengkil minta mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Nak tanya RM2.6 bilion jangan tanya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** RM2.6 bilion.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Nak tanya RM2.6 bilion jangan tanya, bahaya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ingin kepastian.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kalau tanya RM2.6 bilion saya kuaratir nanti Dengkil bahaya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tiada masalah. Tiada masalah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Sekinchan, saya hendak tanya dengan Sekinchan, pada sidang yang lepas Sekinchan begitu berkobar-kobar, bersemangat mempertahankan institusi SPRM/Suruhanjaya Pilihan Raya eh! Suruhanjaya Pilihan Raya pula. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang ini Sekinchan dia kata masa itu spesifik SPRM perlu teruskan usaha-usaha Sekinchan akan menyokong SPRM. Sekarang ini SPRM dah menyatakan bahawasanya wang RM 2.6 bilion itu adalah sumbangan derma jadi kenapa Sekinchan masih mempertikaikannya. Kalau SPRM kata lain barulah kita boleh mempertikaikannya, SPRM yang mengatakan ia nya adalah wang derma. Saya hendak minta penjelasan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, bukan sahaja Sekinchan mempertikaikan. Sekinchan pun takut ada malapetaka. Bukan sahaja Sekinchan sahaja mempertikaikan yang paling penting orang nombor dua dalam UMNO mempertikaikan, itu yang paling penting. Jawapan itu. Kenapa orang nombor dua mempertikaikan, itu sahaja, ya.

Belanjawan Selangor RM2.88 bilion sudah di bentang. Seluruh rakyat Selangor mendapat habuan. RM 2.6 bilion menjadi habuan tapi yang dapat Pak Najib seorang. Tuan Timbalan Speaker, saya ingin teruskan sebagai sebuah negeri yang peduli rakyat dan sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat maka dalam Belanjawan 2016 ini dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk memperkasa dan menambah baik sistem pengangkutan awam khususnya mengenai pengangkutan bas percuma, Bas Selangorku yang dilancarkan pada 1 Julai 2015 yang lalu.

Kita sedia maklum rakyat berpendapatan rendah dewasa ini cukup tertekan dengan tempias pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional yang tidak mesra rakyat setelah pelaksanaan cukai GST 6% rakyat dan peniaga yang berskala kecil semakin hari semakin terasa dengan bahang dan implikasi kutipan cukai GST 6%. Setiap hari anda tidak kira di mana sudut sekali pun jika kita berbelanja sudah tentu dikenakan kutipan cukai GST 6%. Siang GST, malam GST, mana-mana pun GST, asalkan berbelanja mimpi ngeri ini sentiasa mengikuti rakyat kita sekarang ini. Ini satu berita yang cukup tidak baik, sehubungan dengan itu sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan peduli rakyat dengan penambahan peruntukan tambahan 10 juta sesungguhnya amat tepat pada masanya. Dalam keadaan ekonomi negara yang gawat, kos saraan hidup yang tinggi, perkhidmatan bas percuma *Smart* Selangor sedikit sebanyak dapat mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh rakyat mahir. Pada masa yang sama perkhidmatan bas percuma *Smart* Selangor juga dapat menambah baik perkhidmatan bas di sesetengah kawasan yang dahulunya mempunyai perkhidmatan bas awam tetapi oleh sebab-sebab tertentu termasuk masalah kewangan telah menyebabkan mereka menghadapi kerugian yang berterusan dan menyebabkan perkhidmatan tersebut ditamatkan. Berdasarkan maklum balas yang diterima perkhidmatan bas percuma SMART Selangor semakin

hari semakin mendapat sambutan. Golongan berpendapatan rendah seperti warga emas, ibu tunggal, pelajar sekolah, penuntut kolej dan universiti, kakitangan kerajaan dan sebagainya. Saya yakin dan percaya bagi memperkasakan sistem pengangkutan awam bukan semata-mata bergantung kepada pembinaan lebuh raya yang baru. Ia tidak akan menyelesaikan masalah kesesakan dan apa yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa nisbah pengangkutan 60/40 iaitu 60% menggunakan kenderaan persendirian manakala 40% menggunakan pengangkutan awam yang ditetapkan oleh SPAD, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat juga agak tidak praktikal. Sebaliknya perancangan jangka panjang yang lebih holistik mesti dilakukan oleh itu kaedah nisbah 60/40 harus dirombak dan diubah dengan nisbah 40/60 iaitu 40 untuk pengangkutan kenderaan persendirian dan 40% menggunakan kenderaan awam seperti apa yang ditegaskan pagi tadi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Tumpuan juga harus diberikan kepada tentang bagaimana hendak menambah baik, memperkasakan sistem transit aliran ringan LRT secara meluas di seluruh Negeri Selangor khususnya di bandar-bandar.

Tuan Timbalan Speaker dalam kesempatan ini saya ingin meminta agar pihak Kerajaan Negeri dapat memanjangkan perkhidmatan bas percuma SMART Selangor ke kawasan luar bandar khususnya Sungai Besar dan Sekinchan. Memandangkan perkhidmatan bas awam yang beroperasi sebelum ini di Sungai Besar, dari Sungai Besar ke Sekinchan kemudian ke Kuala Selangor telah menamatkan perkhidmatannya lebih tiga tahun yang lalu kerana mengalami kerugian. Maka keadaan ini telah menyebabkan rakyat di kawasan Sekinchan terputus hubungan dan menghadapi kesulitan dalam rutin harian mereka. Tambahan pula para pelancong luar yang suka menggunakan pengangkutan awam dari Kuala Lumpur hendak ke Sekinchan akan tersangkut di Kuala Selangor. Justeru itu saya amat berharap permintaan ini dapat dipertimbangkan dengan teliti dan sekali gus diluluskan pada tahun hadapan bagi menyelesaikan masalah pengangkutan awam di Daerah Sabak Bernam. Tuan Timbalan Speaker saya juga ingin menyentuh dalam bajet tahun 2016 ini terdapat banyak program yang berpaksikan kepentingan rakyat. Oleh sebab Selangor merupakan negeri maju yang sedang menuju ke *Smart State* maka perancangan yang teliti dan holistik sangat penting dalam konteks untuk melahirkan seramai mungkin golongan profesional dan modal insan yang berkualiti serta berakhlak tinggi. Justeru itu inisiatif yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk memperuntukkan biasiswa Selangorku RM10 juta melalui tabung amanah kepada pelajar-pelajar UNISEL dan KUIS memang sangat tepat pada masanya. Selain itu dana bantuan sara hidup iaitu sebanyak RM 2 juta untuk meringankan bebanan ibu bapa yang kian tersepit dengan kos saraan hidup yang tinggi khususnya selepas pelaksanaan cukai GST syarat kelayakan pendapatan isi rumah yang sebelum ini ditetapkan RM3,000.00 juga dinaikkan RM5,000.00. Ini juga satu berita yang baik juga cukup kepada ibu bapa supaya lebih ramai pelajar yang akan menerima manfaat tersebut. Tiada maknanya kalau kita hanya bangga dengan kejayaan kerajaan mengumpul rizab yang besar iaitu 3.6 bilion. Tetapi anak muda

kita tidak kira Melayu, Cina dan India ramai yang tercicir angkara tidak dapat menyambung pendidikan mereka kerana masalah kewangan. Inilah kerajaan yang peduli rakyat dan teruskan sehubungan dengan itu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga tidak lupa peranan EXCO Pendidikan kita Yang Berhormat Seri Setia kerana melangkah ke hadapan dan mengamalkan dasar terbuka dalam konteks mengiktirafkan sijil UEC yang diperkenalkan oleh gabungan persatuan ahli-ahli lembaga sekolah Cina Dong Zon.

Tuan Timbalan Speaker keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk mengiktiraf sijil UEC ini amat penting dan bersejarah, ia sekali gus memberi tamparan hebat kepada Kerajaan Pusat yang sehingga hari ini masih tidak berganjak kepada permintaan Dong Zon. dan mengenakan pelbagai syarat yang tidak munasabah terhadap perkembangan dan keperluan semasa. Antara syarat yang dikenakan untuk mengiktiraf Sijil UEC ialah mesti menduduki peperiksaan SPM dan memperoleh kredit dalam subjek Bahasa Malaysia. Ingin saya nyatakan dalam dewan yang mulia ini bahawa syarat wajib memperoleh kredit dalam subjek Bahasa Malaysia mesti dihormati namun ia tidak perlu untuk menduduki SPM secara keseluruhan. Dunia sudah berubah dan pendekatan juga harus mengikut kesesuaian masa dan jangan kita hanya berhenti di dalam rangka, takut pemikiran yang lama. Lihatlah bagaimana Kerajaan Negeri Selangor mengurus dan meraikan kepelbagaian pendidikan dengan cara yang cukup matang dan bertanggungjawab serta profesional. Keikhlasan dan komitmen Kerajaan Negeri Selangor dizahirkan melalui peruntukan dalam belanjawan 2016 sejumlah RM16 juta dengan pecahan seperti berikut. Sekolah Agama Rakyat RM6 juta, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina RM4 juta, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil RM4 juta, Sekolah Menengah Persendirian Cina RM2 juta, RM16 juta kita agihkan tahun hadapan. Ini konsisten, harus kita ingat peruntukan tahunan ini bukan sahaja disalurkan ketika menjelang pilihan raya seperti apa yang dipraktikkan oleh Kerajaan BN yang dahulu. Tetapi telah disalurkan setiap tahun 2009. Ingin saya sentuh sedikit tentang laporan awal beberapa hari yang lalu di mana timbul satu isu pengagihan peruntukan bantuan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina oleh Kerajaan Pusat pada tahun 2015 ini yang diluluskan dalam belanjawan sebelum ini BN sebanyak RM50 juta akan tetapi malangnya wujud aduan bantuan tidak diterima sehingga saat-saat ini, satu tahun sudah habis. Bantuan hanya diterima RM20 juta sahaja, kisah sebenar ini bukan Sekinchan cakap, kisah benar ini didedahkan sendiri oleh Menteri, Jabatan Perdana Menteri, MCA iaitu Dato' Lee Kiang Song. Dato' Lee Kiang Song yang dedahkan 50 diperuntukkan bajet, turun ke bawah 20 ini yang berlaku.

Tuan Timbalan Speaker sehubungan dengan itu saya meminta agar pihak Kerajaan Negeri melalui Yang Berhormat EXCO Pendidikan dapat meneliti langkah seterusnya dengan menyerap pelajar yang mempunyai sijil UEC ke sektor perkhidmatan awam supaya pelajar-pelajar tersebut juga berpeluang diterima berkhidmat sebagai

kakitangan sektor awam di pelbagai jabatan. Memandangkan ia sebagai salah satu langkah yang amat bermakna susulan daripada pengiktirafan UEC begitu juga dengan pemberian tawaran biasiswa dan pinjaman Kerajaan Negeri perlu diperluaskan kepada pelajar sijil UEC. Walau pun tidak dinafikan bahawa Kerajaan Sarawak juga memberi pengiktirafan terhadap sijil UEC dan dipanjangkan kepada sektor awam namun maklumat yang saya terima terkini bahawa sehingga hari ini belum ada lagi di peringkat dasar sahaja di Sarawak belum ada apa-apa pekeliling rasmi yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Saya berharap Negeri Selangor kita demi ke hadapan berani memastikan permintaan kualiti modal insan yang cukup maya ini bisa diimplikasikan. Jika ada masih ada pihak yang meragui kemampuan pelajar lulusan sijil UEC saya ingin berikan beberapa contoh. Seperti di dalam dewan yang mulia ini seperti pelajar-pelajar UEC ini, Yang Berhormat EXCO PBT dan Kampung Baru, Yang Berhormat Seri Kembangan, beliau adalah pelajar Sekolah Menengah Persendirian Suin Jin Kuala Lumpur kemudian melanjutkan pengajian hingga ke UK kalau tidak silap sekarang EXCO PBT. Ini pelajar mana, pelajar Sekolah Menengah Persendirian yang mempunyai sijil UEC dan seterusnya satu lagi contoh yang saya ingin tegaskan, ingin berikan ialah Pengerusi DAP Negeri Johor, Yang Berhormat Ahli Parlimen Kuang, Lee Ching Tong beliau adalah pelajar Sekolah Menengah Persendirian Guan Hua bukan Pian Hua di Klang. Ahli Parlimen dah tidak ada masalah tentang itu kualiti dan seterusnya ingin saya nyatakan tidak boleh tercicir satu lagi contoh yang paling nyata ialah seorang anak muda yang menakar nama di persada antarabangsa dengan mencipta "*pen drive*." "*Pen drive*" iaitu Dato' Phua Kien Seng dengan syarikatnya *Phison Electrical Cooperation* yang disenaraikan di Bursa Saham Taiwan dengan berbilion-bilion ringgit "*pen drive*." Anak muda ini seorang pelajar sijil UEC daripada Sekolah Menengah Persendirian Pian Hua Klang dan yang paling pentingnya Tuan Timbalan Speaker, anak muda ini Dato Phua King Sing anak jati Kampung Baru Tie Chie Sekinchan. Ini paling penting, ha ini paling penting saya nak nyatakan jadi persoalan tentang UEC ini kita tiada masalah tentang kualiti. Tuan Timbalan Speaker Selangor telah berada di landasan yang betul dalam konteks melahirkan modal insan yang berkualiti dan berakhlak. Kita kehilangan ramai yang cerdik pandai khususnya pelajar yang mempunyai sijil UEC atas faktor politik dan pemikiran yang tidak mengikut perkembangan semasa. Ramai daripada mereka terpaksa melanjutkan pelajaran ke Singapura memandangkan negara jiran kita mengamalkan dasar yang terbuka melalui universiti-universiti yang terkemuka seperti di Nasional Universiti Singapura dan juga Nang Niang of Universiti di Singapura. Pada masa yang sama universiti-universiti terkemuka di seluruh dunia, seantero dunia juga mengiktiraf sijil UEC. Justeru itu usahlah kita kluatir dengan kualiti sijil UEC dan jangan kita terus berpolitikkan soal pendidikan. Jadi kita meraikan semua. Tuan Timbalan Speaker pada masa yang sama Kerajaan Negeri juga sangat menghargai peranan guru-guru KAFA, tadi Sungai Burung menyatakan Selangor tidak ada tanggungan soal guru-guru. Ini guru-guru KAFA 6,900 guru-guru KAFA yang dulunya 2008 elaanunya dalam RM750 atau RM800 .

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Saya ingin tanya sedikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Burung mohon mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Oklah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Burung.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Sekali lagi saya ingin bertanya Sekinchan tahu walaupun guru KAFA, Kerajaan Negeri Selangor menanggung dan sebagainya tetapi Kerajaan Persekutuan juga menanggung sebahagian besarnya. Dan saya nak bertanya kalau guru KAFA ini kalau daripada konsep DAP ini keadilan, DAP yang sama rata ini sepatutnya sumbangan guru KAFA ini dibayar sama rata. Kalau JAKIM dibayar RM800 untuk guru KAFA sepatutnya Kerajaan Negeri pun membayar RM800 bukan RM1,500 bukan jumlah RM1,500 barulah sama rata, barulah adil. Selepas berapa lama tidak.....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Sungai Burung. Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Baru lama, sampai seorang kena pecat pun

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Burung, dah faham pun. Dah faham soalan itu.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Barulah dinaikkan elaun guru KAFA itu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih, Sungai Burung tidak layak bicara soal guru KAFA sebab apa dalam pemerintahan Barisan Nasional elaun hanya dalam RM800 sekarang kita naik sampai RM1,300 dan sekarang naik lagi dalam RM1,500. Ini Kerajaan Negeri di Selangor ini Yang Berhormat Bukit Antarabangsa tengok bagaimana jaga guru-guru KAFA. Sungai Burung bagaimana hidup sahaja begitu sahajalah. Saya tidak nak tuduh apa tetapi bagaimana.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Sejak tahun 2008, kita dulu-dulu tiada.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ok duduk Sungai Burung. Duduk dulu Sekinchan duduk dulu. Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan jam 1.00 petang saya tangguhkan jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** *Assalamualaikum* dan selamat petang. Sidang disambung semula. Saya persilakan Sekinchan menyambung perbahasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin meneruskan perbahasan saya mengenai belanjawan 2016 ini sebentar tadi saya berhenti dengan menyentuh tentang pendidikan di mana berkaitan dengan sijil UEC di mana Kerajaan Negeri sudah berada di landasan yang betul sudah memulakan langkah ke hadapan menerima sijil berkenaan sebagai untuk di sub ke universiti seperti di UNISEL, di KUIS dan langkah susulan yang saya nyatakan tadi adalah berkaitan dengan struktur perkhidmatan awam di mana pelajar-pelajar universiti ini boleh diserap ke dalam sektor perkhidmatan awam untuk bekerja di semua jabatan bagi membantu negeri Selangor memajukan pembangunan. Ini yang saya hendak...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan, Kinrara minta mencelah. Sila Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Saya ingin nak tanya pandangan Sekinchan apakah pandangan Sekinchan sekiranya Kerajaan Negeri Selangor juga memberi sedikit elaun kepada guru-guru yang mengajar di *Malaysia Independent Chinese School* seperti beri elaun kepada guru KAFA. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat Kinrara. Saya akan panjangkan perkara ini dan juga saya yakin Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengar apa yang kita bangkitkan. Dia dengar, dia catat soal tadi kita tekankan soalkan sijilnya mesti diserap dalam sektor perkhidmatan awam dan biasiswa serta pinjaman harus kita turut di susuli yang pentingnya soal tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinrara soal sedikit elaun atau insentif untuk guru-guru sekolah menengah persendirian saya minta Kerajaan Negeri boleh pertimbangan kerana di Selangor tak banyak di Selangor kita ada empat buah sahaja. Empat buah sekolah menengah persendirian. Iaitu semua di Klang. Dan Kerajaan Negeri memberi bantuan dua juta untuk empat ini sejak 2008 hingga hari ini. Ini terbukti keikhlasan Kerajaan Negeri sehingga hari ini. Macam-macamlah pihak pembangkang Barisan Nasional dalam soal pendidikan mereka banyak alasan dan sebagainya. Kerajaan Negeri Selangor tidak. Ini beza rakyat di bawah saya yakin mereka nampak perbezaan itu terlalu ketara jadi kenapa sekarang sokongan pihak pembangkang semakin hari semakin menguncup. Jadi saya harap dari soal elaun sedikit dan sagu hati kepada guru-guru sekolah menengah persendirian harap Kerajaan Negeri dengar suara hati dan seterusnya tadi saya menyentuh tentang peranan besar guru-guru KAFA kelas Al-Quran dan fardu ain ini Kerajaan Negeri Selangor saya kata tak pernahlah berlaku dalam sejarah sejak 7 tahun yang lalu daripada RM800.00 dinaikkan kepada RM1300.00 kemudian dinaikkan lagi sekarang



RM1500.00 atas paras garis kemiskinan. Inilah kita sanjung kita meraikan kepelbagaian yang mana perlu. Walaupun kita tahu Kerajaan Negeri pendapatannya tak banyak agak terbatas tapi keinginan untuk peduli rakyat itu ini Kerajaan Negeri sudah buktikan. Ini satu keikhlasan dan kejujuran yang saya nampak. Saya harap langkah kerajaan meraikan kepelbagaian aliran pendidikan ini mesti konsisten dan terus jangan digugat oleh mana-mana cabaran pihak pembangkang. Mereka cuba menunjukkan apa kita biarkan mereka tidak akan mendapat sokongan pada masa akan datang. Saya yakin. Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang baru-baru ini berita yang terbaik dalam pembentangan Bajet 2016 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar antaranya rakyat-rakyat khususnya penjaja-penjaja dan juga penjaja pasar, penjaja gerai *fee* lesen mereka dikecualikan. Ini satu berita yang sangat besar dan mendapat sambutan yang hangat di bawah kerana mereka tahu kerajaan menghargai peranan mereka khususnya dalam ekonomi yang gawat. Tekanan sara hidup, GST dan sebagainya. Inilah masanya kerajaan berani memperuntukkan sebanyak RM7.2 juta kalau kita mengecualikan cukai kita akan kerugian RM7.2 juta untuk 67,804 pemegang lesen penjaja gerai dan sebagainya. Maknanya kita kena belanjakan RM7.2 juta.

Yang kedua belum cukup dengan itu, Kerajaan Negeri bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga mengumumkan pengecualian cukai taksiran. Sepatutnya berita ini jadi berita muka pertama. Cukai taksiran untuk rumah-rumah kos rendah di negeri Selangor. Ada 220,000 pemegang rumah yang ada di negeri Selangor. Berapa belanja dia? RM34.5 juta kita kehilangan hasil. Maknanya campur sekali RM41.7 juta termasuk rumah kampung. Ini satu berita yang cukup baik pada masa yang sama saya nak tanya mana pembangkang, Kota Damansara mana ada pihak pembangkang, ada ke bagi keistimewaan di negeri-negeri yang lain. Tak ada. Negeri Selangorlah contoh jadi kenalah tengok negeri Selangor lain dari yang lain. Dan seterusnya saya ingin meminta pertimbangan pihak Kerajaan Negeri khususnya Dato' Menteri Besar kita soal rumah murah, rumah kampung saya nak tanya pulak bagaimana dengan rumah bagan, bagaimana pula dengan rumah kampung baru. Sekinchan ada kampung baru. Kampung *Side A*, *Side B* dan *Side C* dan ada juga ada bagan di Sabak Bernam ada bagan. Kawasan nelayan bagan-bagan ini, bagaimana ini juga ada juga di antara mereka boleh dikategorikan sebagai rumah kampung. Ini juga saya minta Kerajaan Negeri harus dipanjangkan sekali gus jadi ini berita yang sangat besar dan sensasi hanya Selangor yang mampu buat. Saya yakin perkara ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya sebab hari itu dalam pembentangan bajet saya tak dengar perkataan kampung baru dan bagan. Saya harap kalau tercicir nanti kena diperbetulkan. Saya harap ini berita baik menunggu. Dan seterusnya Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh soal kebajikan OKU di mana saya nampak saya terpanggil untuk berbicara tentang keperluan dan suara hati Orang Kurang Upaya bukan Orang Kuat UMNOLah. Di mana kebajikan OKU mesti dipertahankan kerana mereka ini merupakan sebahagian dari masyarakat kita oleh yang demikian menerusi belanjawan 2016 Kerajaan Negeri Selangor telah

menyalurkan dalam buku itu yang saya nampak 270,000 untuk program pembangunan OKU. Ini satu langkah yang baik kita prihatin kita bantu semua lelakinya, perempuannya, Melayunya, Cinanya, India, Jawa, Banjar, anak kecil semua kita bantu dalam skim berbagai-bagai skim merakyatkan ekonomi. Semua kita bantu. Kalau nak cerita memang panjang. Seluruhnya SMUE sampailah hadiah masuk universiti, sampailah tuisyen rakyat sampailah tunas baru-baru ini saya sampaikan cek 10 ribu kepada tadika di Sekinchan kita bantu ibu bapa ringankan bebanan tadika bayaran yuran tadika setiap bulan satu kepala RM50 kalau anak dia sepuluh macam mana. Di Sekinchan ada ramai yang anak 10. Saya tak ada anak sampai 10. Mungkin Meru adalah. 10 anak kalau seorang RM50.00 sebulan RM500.00. Ini satu angka yang sangat besar tapi Kerajaan Negeri boleh buat tengok. Dulu ada? Zaman dulu ada?. Damansara, tak ada. Tak ada. Duit itu pergi mana. Tak tau ke mana. Mana dia derma RM2.6. Inilah saya kata semua kita jaga jadi dalam konteks OKU ini pun kita jaga. Tapi cuma saya nampak peruntukan RM270,000 ini permulaan yang baik tetapi nampaknya agak kecil kalau boleh diperbesarkan jumlah itu memandangkan kos sara hidup yang tinggi dan golongan OKU juga tidak diberi pengecualian cukai GST. Ini zalim. Kenapa saya kata GST ini zalim. Orang kurang upaya yang duduk kerusi roda tak boleh apa tapi mereka beli barang kena GST. Ini kerajaan apa ini. Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan zalim. Sepatutnya orang yang OKU ini tidak sepatutnya dikenakan GST tapi dikenakan juga. Tak tau la sampai mana ni. Sungai Burung tadi mana.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Mencilah sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Sekinchan tahu tak mereka-mereka yang kurang upaya ini kita juga memberi bantuan bulanan kepada mereka. Peka tak peka?. Asyik-asyik GST. Kita bagi juga bantuan bulanan kepada mereka daripada kerajaan persekutuan. Tau tak?.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih. Kalaulah bagi bantuan tak perlulah kutip GST pada mereka. Bagi mereka lepas tu kutip balik habislah duit tu. Aduhai tak fahamlah Damansara ini.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Dalam kehidupan ini kita ada yang kita beri dan ada juga kita ambil. Tak semua yang kita beri dan tak semua kita ambil. Sama juga macam Sekinchan kata apa istilah yang selalu *you all* cakap ini barang naik, barang naik. Saya nak tanya dengan Sekinchan ni dari mula lahir sampai dah dewasa sampai dah tua bangka ini apa dia yang tak naik. Semua turun je. Cuba bagi tahu saya. Cuba maklum kat saya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Nampaknya suhu agak panas.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Saya tak panas sebagaimana panasnya Sekinchan ni. Kalau Sekinchan panas telinga pun jadi merah tapi saya tak panas Cuma saya nak perelaskan kepada Sekinchan. Itu sahaja.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat. Kakak sayalah daripada Damansara.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Minta mencelah sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan, Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Saya nak perbetulkan sedikit. Kota Damansara. Bukan Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Kadang-kadang bila kita terlalu emosi dalam perbahasan kita pandang dekat saya tapi sebut Damansara. So, *which is which?* Sekarang ini. Dengan izin.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Manusia ini tak ada maksum. Mana tau Kota Damansara maksum. Kita ada kekhilafan. Saya mengaku kita memang ada kekhilafan tapi yang penting saya nak katakan

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Nak jelaskan tak menjelaskan lagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya belum jelaskan lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Damansara .

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Sikit lagi. Sikit lagi. Sekinchan sikit lagi boleh?. Sekarang Sekinchan sudah mengaku kadang-kadang kita juga melakukan kesilapan jadi Sekinchan juga mengakui juga bahawa Sekinchan juga membuat kesilapan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih. Kita manusia semua serupa. Saya nak bagi tahu orang rakyatnya kadang-kadang rakyat kita bagi pengecualian dan sebagainya kita kutip cukai itu rakyat yang biasa tapi kalau orang yang kurang upaya orang yang ada masalah itu tak sepatutnya. Kalau nak bantu, bantulah. Jangan kutip balik. Ini tak ikhlas. Bantu, kutip balik. Bagi BRIM RM50 kutip GST beratus ringgit. Ini tak ikhlas. Jadi kalau takut nak dengar GST senang sahaja. Umumkan esok GST dimansuhkan tak dengar GST lagi. Berani?. Boleh?. Beritahu Najib mansuhkan GST esok.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Saya nak tahu jumlah yang RM50 itu daripada apa tu GST tu yang jumlah RM50 yang orang kurang upaya itu berbelanja. Cuba jelaskan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Damansara, macam tak nampak speaker kat sini dah. Sekinchan sambung.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Cukuplah kalau takut dengar perkataan GST, yang rakyat marah sampai hari ini membebankan bebanan rakyat bagi tahu Najib Perdana Menteri yang Batang Kali cukup sayang tadi besok mansuhkan GST rakyat semua gembira tak ada masalah GST lagi. Itu sahaja *solutionnya*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar minta mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sungai Air Tawar pun nak juga.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK :** Apa yang saya baca setiap lalu ke SUK bukan sahaja Kerajaan Persekutuan Kerajaan Negeri juga dikenakan GST. Apa bezanya. Apa salahnya kalau Kerajaan Persekutuan tu Kerajaan Negeri Selangor juga mansuhkan GST supaya rakyat negeri Selangor tak kena GST. Setuju. Mengapa tak boleh. Sebab dia kutuk-kutuk tapi kerajaan Selangor kutip juga GST.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker saya tak nak layan *level* Sungai Air Tawar. Yang dia dikenakan kat kita, kita terpaksa tolong kutip bayar kat dia dia marah kat kita. Apa punya logik ini apalah. Sungai Air Tawar, tawar rasanya. Tuan Timbalan Speaker, saya teruskan dalam bidang pekerjaan OKU mesti diberikan kuota untuk bekerja sekurang-kurangnya 10% sama ada dalam sektor swasta dan sektor kerajaan berdasarkan kemahiran mereka. Dengan langkah sedemikian masyarakat secara tidak langsung akan mengubah persepsi bahawa golongan OKU hanya diberi bantuan dan tidak bekerja sedangkan mereka juga mempunyai kemahiran dalam bidangnya tersendiri. Cuma tidak diberi peranan, tidak diberi peluang untuk mereka membuktikan kemahiran. Dan lantaran itu saya ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk diberi perhatian serius demi kepentingan golongan OKU. Antara cadangan ingin saya lontarkan adalah seperti berikut satu peratus OKU fizikal sebagai pembuat keputusan di setiap daerah peringkat negeri. Kalau kita boleh serap satu peratus OKU yang fizikal sebagai pembuat keputusan.

Yang kedua lantik, kitalah buat tapi kita boleh pelebarkan. Lantik mereka jadi Ahli Majlis, Ketua Kampung dan PeBT dan sekarang Selangor sudah buat. Tapi tak menyeluruhlah, sekurang-kurang satu di setiap daerah. Mereka dilantik Ketua Kampung ke, Ahli Majlis ke dan sebagainya. Bagi mereka yang boleh peranan supaya kita boleh nampak kerajaan sanjung hargai mereka tidak pinggirkan golongan OKU ini. Yang ketiga Ketua Komuniti, kalau adapun perlu diberi peluang

kepada mereka jadi Ketua Komuniti. Empat, pada graduan OKU diberi bekerja tetap di semua jabatan dan GLC kerajaan secara berperingkat. Di GLC dan juga jabatan-jabatan kalau ada mana-mana jawatan yang sesuai untuk mereka juga harus diberi keutamaan. Lima, *parking* OKU di setiap PBT diberikan secara percuma dengan *sticker* khas, inilah antara yang kita masih boleh buat lagi untuk kepentingan OKU. Saya mintalah kerajaan kaji betul sebab ini perkara banyak sangat tapi kerajaan tak boleh buat, cuma mungkin kadang-kadang kita terlepas pandang. Saya menaruh harapanlah dengan cadangan itu seterusnya dapat dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, ini baru peduli rakyat.

Seterusnya saya juga ingin membangkitkan satu isu berkenaan dengan MARRIS. Kerajaan Negeri sejak beberapa tahun ini banyak menggunakan wang MARRIS seterusnya untuk menurap jalan-jalan di kampung, di luar bandar, di bandar, jalan-jalan negeri dan sebagainya. MARRIS ini setiap tahun Kerajaan Negeri menerima hampir 500 juta daripada kerajaan Pusat untuk kerja-kerja MARRIS dan sebelum ini kita disalurkan RM1 juta untuk setiap DUN. Kemudian kita minta tambah lagi sampai RM2 juta sekarang RM3 juta hah ini cukup besar di setiap DUN. Sekarang kita nampak jalan-jalan di kawasan di Sekinchan, di Sungai Besar dan sebagainya tempat-tempat mana yang ada semua di turap. Satu persatu diturap, ini bukan musim pilihan raya tapi jalan diturap. Ramai rakyat yang datang jumpa saya dia kata Yang Berhormat sudah mahu pilihan raya ke? Saya kata kenapa cakap begitu, oh dia kata saya tengok jalan sudah bikin baru. Saya kata kenapa U cakap macam ini, ye lah dulu itu macam maa... Dulu itu macam bila? Barisan Nasional, waktu Barisan Nasional kalau buat jalan, sudah mahu pilihan raya. Tapi bagi Kerajaan Negeri Selangor kita buat jalan tiap-tiap tahun. Tapi pilihan raya sekali saja setiap 5 tahun. Ini keikhlasan Kerajaan Negeri Selangor, ini dia kita salurkan, kita salurkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dengkil minta penjelasan, Sekinchan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** MARRIS, MARRIS.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** MARRIS, MARRIS ya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Patutnya saya hendak mencadangkan kepada Sekinchan sepatutnya bila orang tanya Sekinchan begitu, Sekinchan sepatutnya bagilah kredit kepada Kerajaan Persekutuan. Duit MARRIS ini disalurkan kepada Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan. Barulah adil, barulah saksama, hah itu pandangan saya, minta Sekinchan kalau ada orang tanya begitu, kalau boleh ...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tak apalah kalau macam itu dia baru boleh sejuk badan, tak apalah saya tengok macam mana sebab .....

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Minta laluan sikit Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** ... kalau tidak dia panas badan....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Anggerik minta penjelasan. Kota Anggerik dulu.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Sekinchan, Negeri Selangor adalah pembayar *road tax* terbesar di Malaysia dan tiap-tiap tahun rakyat Selangor bayar *road tax*, jumlah *road tax* dibayar di Selangor lebih RM2 bilion. Yang dipulang balik cuma RM600 juta. Itu bukan duit Kerajaan Persekutuan, itu duit rakyat pembayar *road tax*, dipulang balik untuk betulkan jalan. *Road tax* apa ini, *road tax* apa ini itu cukai jalan, kerajaan mengutip cukai jalan RM2 bilion, cukai jalan oleh JPJ kepada mereka yang menggunakan kenderaan bermotor.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Tapi Yang Berhormat, kerajaan bina hospital, kerajaan bina balai polis, kerajaan bina sekolah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan, minta penjelasan. Saya minta penjelasan daripada Sekinchan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Ye ke? Ok saya faham Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Sekinchan, Sekinchan tadi ini bagi saya. Tadi kenapa MARRIS di pulang balik sebab Kerajaan Pusat kutip cukai jalan. Soal, saya sudah sebut banyak kali Dengkil kena ada kuliah yang mana *Federal List* yang mana *State List*.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Bagilah kredit sikit pada Kerajaan Persekutuan kalau tak bantu langsung habis Negeri Selangor ini. Itu saya minta bagi kredit *mileage* kepada Kerajaan ...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Kota Anggerik, Tuan Timbalan Speaker, Kota Anggerik dah beri pencerahan, saya boleh terima dengan baik cukup bernas, saya beri kepada Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sekinchan, sebenarnya apa yang diperkatakan oleh Dengkil itu silap. MARRIS ini adalah peruntukan wajib di bawah Perlembagaan Persekutuan, jadi suka atau tidak Kerajaan Persekutuan atas semangat Persekutuan kerajaan Persekutuan Putrajaya dia kena bagi kepada setiap PBT dan setiap Kerajaan Negeri di Malaysia ini. Bukan ini fakta yang Yang Berhormat Dengkil sengaja dia tidak sebut.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat Kg. Tunku kerana memberi pencerahan yang baik untuk Dengkil dan sekarang memandangkan Kota Damansara ada lagi pertanyaan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Sikit lagi, sedikit lagi Sekinchan. Memanglah tadi Sekinchan kata pada zaman pemerintahan Dato Menteri Besar Azmin Ali ini membelanjakan semua peruntukan MARRIS untuk membina jalan walaupun katanya jawapan diberi kepada yang masyarakat yang menyoal katanya apa, bukan semasa pilihan raya tetapi adakah Sekinchan sepatutnya memaklumkan juga kepada mereka bahawa terdapat juga ketirisan berlaku apabila menjalankan penurapan jalan kepada jalan-jalan yang tak patut diturap, diturap. Hah, ini tolong jawab macam mana pula jawapannya terutamanya di Kota Damansara.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ok Kota Damansara, hah tak apa, sabar. Saya akan sentuh ada benda yang tak betul, saya akan sentuh. Tak perlu Kota Damansara ingatkan saya, saya akan sentuh. Tak apa terima kasih atas cerahan tersebut. Tadi soal peruntukan MARRIS ini, saya nampak jalan dibuat di mana taman-taman semua dibuat. Cuma yang saya nampak satu perkara yang kita perlu diberi perhatian Kerajaan Negeri, di mana cara kontraktor-kontraktor melakukan kerja. Baru-baru ini saya pantau dua tiga tempat daripada sepuluh tempat, ada masalah. Satu dua tempat ada masalah di mana premis yang di turap tidak berkualiti. Tidak mengikut spesifikasi, syarat-syarat yang ditetapkan mungkin panasnya tidak cukup, mungkin suhu dan sebagainya. Esok hari kita pergi *check* jalannya gunakan sebiji batu ditekan pun masuk juga. Maknanya kualiti kerja ada masalah. Jadi saya tak ada masalah, kalau ada saya akan suarakan. Kota Damansara jangan khuatir ya, kita akan suarakan supaya perkara yang ada kelemahan ini dapat diperbetulkan. Saya nampak kenapa saya tanya kepada pihak Majlis dan sebagainya kenapa kontraktor ini dapat kerja, bekerja sampai macam itu. Sedangkan saya bukan Ahli Majlis, saya tidak duduk di dalam tapi saya kena marah oleh penduduk, saya jadi kambing hitam. Kenapa kita lantik kontraktor sedemikian, jawapan daripada pihak Majlis mereka gunakan tender, gunakan tender lantik *cut off*, sistem *cut off* bagus, tapi dah pilih oleh sebab ada orang-orang yang tertentu, dia monopoli beberapa kumpulan-kumpulan. Lesen-lesen ada 40, ada 50 lesen, jadi mereka masuk *cut off*, bermacam-macam peratus. Akhirnya mereka yang dapat golongan yang lebih kurang sama dapat. Hah, ya lebih kurang sama dapat dan mereka lawan peratus apabila *cut off* itu diturunkan ada yang turunkan sampai *cut off* 25% hingga 30% *cut off*. Maknanya harga yang mereka dapat ini terlalu murah, kerana mereka bersaing sampai tidak sihat. Akhirnya mereka membuat kerja sambil lewa dan tidak mendatangkan keuntungan gunakan kualiti yang *low class*, *second class*. Ini yang berlaku di pihak pentadbiran PBT. Dan saya minta kerajaan pantau fikirkan, fikirkan bagaimana untuk menambahbaikkan. Duit dah ada, peruntukan dah ada, kita hendak bangunan untuk rakyat. Rakyat suka tapi jangan jalan dibuat kita kena marah, tak buat marah sedikit, tak buat lagi marah, marah lebih. Jadi kita jadi mangsa, ini saya minta kerajaan tengok sistem *cut off* itu. Mesti tetapkan sama ada 10% ke 12%

cukup atau 15% cukup kalau tidak mereka akan lawan sampai 30, 25. Akhirnya kualiti jadi masalah, ini saya nampak jadi pihak PBT pun mereka tak boleh buat apa. Ini dasar kerajaan, *cut off* ini bagus tapi kerajaan kena fikirkan *mekanisme* yang terbaik untuk ubah suai benda ini. Saya yakin selepas kita ubah suai dan kontraktor-kontraktor yang sambil lewa dan tidak mengikut garis panduan dan sebagainya, kualiti yang tidak menepati saya minta pihak Majlis adakan pemantauan yang sewajarnya dan senarai hitam semua kontraktor sedemikian. Jangan bagi peluang yang kedua, kalau tidak kita akan berulang dengan perkara yang sama.

Mereka akan menjelma dengan wajah yang berlainan dengan syarikat yang berlainan. Kalau boleh kita senarai hitamkan orang-orang seperti ini. Ini saya minta pihak Kerajaan Negeri buat satu perbincangan bagaimana untuk menambah baik perkara-perkara sedemikian. Dan seterusnya saya juga ingin membangkitkan satu perkara yang cukup penting ya, saya kira iaitu di PBT, soal PBT ini. Selangor ini negeri pembangunan, negeri yang banyak membangun, pesat membangun. Tahun depan lagi kuat membangun sebab peruntukan pembangunan begitu besar 50%. 1.4 bilion jadi Selangor ini pesat membangun, peneraju ekonomi semua rakyat tengok, fokus Negeri Selangor. Pembangunan demi pembangunan ada, jadi di pihak PBT ini sebagai kerajaan tempatan mereka menerima banyak permohonan kelulusan merancang (KM). Banyak masuk, KM untuk pembangunan-pembangunan tetapi saya nampak kebelakangan ini ada syarikat-syarikat tertentu mereka masuk KM dapat kelulusan tetapi ada syarat-syarat mereka tidak ikut. Tidak mengikut syarat-syarat yang mereka lakukan dalam mana, dalam garis panduan Piawai Perancangan Negeri Selangor. Garis panduan JPBD mereka tidak ikut. Contohnya apa yang mereka tidak ikut saya ingin tonjolkan dalam pada Dewan yang mulia ini ialah Syarikat Tropicana di Kuala Langat. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kelulusan merancang pembangunan 117000 ekar, 1,172 ekar yang pentingnya Rizab Perkuburan Bukan Islam. Rizab perkuburan bukan Islam tiada ditetapkan tetapi dalam Garis Panduan ini mesti ditetapkan tapi apabila kita tengok KM yang diluluskan samar-samar tak ada. Maknanya ini hak bagi orang penganut perkuburan orang-orang bukan Islam terhakis kerana tidak dipertahankan.

Jadi ini perkara cukup penting pihak PBT kena dengar dan ambil tindakan Tropicana ini. Yang kedua rizab Rumah Ibadat bukan Islam tidak mengikut garis panduan JPBD Selangor sebab dia letak di tepi mana, tepi pencawang TNB. Letak tepi TNB sedangkan dalam Garis Panduan tertera Rumah Ibadat Islam hendaklah perancangan untuk pembinaan tempat Ibadat Bukan Islam, hendaklah mengikut piawai yang ditetapkan. Tidak boleh di kawasan sekeliling loji kumbahan atau pun pencawang TNB. Ada syarikat cuba tak tahu dia guna apa cara, saya pun tidak tahu dan sebagainya akhirnya KM yang diluluskan RIBI (Rumah Ibadat Bukan Islam) di kawasan kumbahan dan pencawang. Ini tidak patut berlaku, jadi soal kita dalam konteks Rumah Ibadat ini kita tidak tolak ansur mesti mengikut syarat. Ini penting Kerajaan Negeri kena ambil perhatian yang serius dalam konteks ini.



Dan seterusnya saya juga minta ada satu kes berlaku baru-baru ini. Satu kes berlaku di mana aduan tentang sebuah syarikat iaitu Farry Park Shah Alam di Seksyen U14, Shah Alam di mana dia telah disyaki mencuri tanah rizab, tanah rizab Islam perkuburan Islam dia curi. Gambar pun saya ada, kalau ada, dia curi macam-macam dengan mesinnya, dengan berapa 45 ekar dan dia telah mencuri di anggarkan 170 ribu meter padu tanah sudah dicuri di Seksyen U14 di Shah Alam. Tanah itu adalah rizab untuk perkuburan Islam. Hah, dan syarikat ini juga mengeluarkan hampir dianggarkan lebih 20 ribu lori anggaran harga pasaran RM6.7 juta dekat dengan Kampung Budiman kawasan ketua 52 Yang Berhormat Meru. Ini juga berlaku dan saya yang pelik ialah syarikat ini kita telah buat laporan polis sudah dibuat laporan telah dibuat oleh MBSA laporan MBSA telah buat tindakan kepada Pejabat Tanah Daerah Petaling dan kompaun dikenakan dan dalam rekod saya kompaun yang dikenakan maksimum 250,000 tapi boleh dapat diskaun hanya bayar 65,000 lebih sahaja. Sedangkan ini kes kecurian unsur jenayah dan dicuri siapa curi kubur rizab tanah perkuburan Islam saya bukan Islam saya pun tak izinkan perkara ini berlaku, yang curi Cina tak boleh kita kena hormati tak boleh jadi saya minta Kerajaan Negeri tanya kenapa kompaun dia boleh dikurangkan sedangkan ini ada unsur jenayah ini satu yang kedua tanah-tanah yang sudah dicuri saya minta pulihkan seperti biasa atau pun dakwa mereka di mahkamah jangan biarkan curi kubur rizab tanah Islam pun tak boleh curi rizab tanah perkuburan Cina, India semua tak boleh kita tidak akan biarkan perkara seperti ini berlaku. Jadi saya minta pihak kerajaan ambil tindakan yang pentingnya lawatan dan pemantauannya tentang pencerobohan tanah di Lot 3873 dan Lot 2720 oleh Tetuan Seri Bestari Estate Berhad telah dilakukan MBSA sudah lakukan Petaling dan satu mesyuarat pada 1 hari bulan Sepuluh 2015 mesyuarat khas tentang isu kecurian tanah rizab kubur Islam ini telah diadakan dan kalau tak silap saya Yang Berhormat yang dihadiri oleh YB Penasihat Undang-Undang Negeri Dato' Nik Shuhaimi telah turut hadir dan memberi sedikit pandangan tentang undang-undang berlaku bagi diskaun kompaun dan sebagainya.

Kita minta perkara ini mengikut syarat JPBD dan sebagainya mesti dipulihkan keadaan, syarikat ini mesti dikenakan denda supaya perkara sedemikian tidak berulang pada masa akan datang kalau tidak mereka akan sewenang-wenangnya dan kecurian ini berlaku pada bila 19hb 7 2015 cuti Raya Puasa, dia pun pandai cuti Raya Puasa dia cuti ini semua ada rekod jadi saya harap perkara ini dapat disiasat supaya Kerajaan Negeri dapat mengambil tindakan yang serius terhadap permasalahan yang berlaku pada masa yang sama saya juga ingin menyentuh sedikit tentang PWB, PWB merupakan sebuah medan untuk memperdaya dan menggalakkan wanita di sesebuah komuniti untuk bergiat aktif selain melaksanakan aktiviti yang boleh menjana pendapatan kepada komuniti kepada tersebut melalui keusahawanan sosial saya nampak kerajaan wujudkan PWB ini di semua 56 kawasan yang ini satu langkah yang baik dan saya juga nampak setiap DUN diberi peruntukan 30 ribu untuk penyelia PWB untuk buat program dan sebagainya jadi ada mekanisme- mekanisme yang dilakukan saya harap kalau ada kelemahan perlu

ditambah baik tapi pentingnya kita nak latih PWB ini mereka menjadi wanita-wanita di DUN kita menjadi pemimpin wanita yang membawa hasrat dan agenda Kerajaan Negeri di peringkat akar umbi merancang merangka dan menyelaraskan aktiviti dan program pembangunan dan memperdayakan wanita setempat jadi kita boleh kumpul wanita, ibu tunggal dan sebagainya mereka boleh buat kraf tangan hasil-hasil kampung kraf tangan untuk dijual terutamanya di Sekinchan dan sekarang kawasan tarikan pelancong masuk kalau kita boleh didik boleh beri khusus kepada wanita-wanita, ibu-ibu dan sebagainya mereka dapat menjual hasil kraf tangan kepada pelancong-pelancong untuk menambah pendapatan mereka supaya dapat membantu keluarga mereka inilah antara agenda kerajaan bagi membantu wanita-wanita di DUN ini satu tindakan yang cukup baik saya harap langkah kerajaan ini dapat diteruskan dan diperluaskan supaya wanita-wanita di kawasan DUN mereka semakin hari memahami apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan PWN ini juga boleh dijadikan sebagai penghantar atau jambatan untuk kita salurkan maklumat melalui kerajaan dasar daripada kerajaan supaya wanita-wanita di kampung melalui JKKK dan sebagainya mereka tahu apa program yang dilakukan oleh kerajaan apa bantuan yang dilakukan oleh kerajaan dan mereka dan sebarkan heboh di kampung. Ini akan menambah sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri Selangor ini yang kita harap saya harap saya beri menyanjung hasrat kerajaan terhadap pembangunan wanita

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan, Meru minta mencelah

**Y.B. TUAN NG SUE LIM** : Lima dua pun nak, terima kasih

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OTHMAN** : Saya ingin bertanya kepada YB Sekinchan adakah YB Sekinchan tahu bahawa tadi sebut tentang PWB penyelia PWB mereka cuma bekerja 4 jam sehari dan 5 hari seminggu tetapi mereka dibayar RM1500.00 sebulan itu tadi gred guru-guru KAFA, alhamdulillah mereka juga bekerja 4 jam sehari dan 5 hari seminggu pun alhamdulillah daripada Menteri Besar insya-Allah naikkan RM 1500.00 sebulan tetapi sedarkah kita saya nak tanya YB Sekinchan bahawa Ketua Kampung yang bekerja 24 jam sehari dan 7 hari seminggu mereka semua dibayar RM 900.00 sebulan jadi adakah YB bersetuju supaya elaun untuk Ketua-ketua Kampung ini juga dinaikkan juga.

**Y.B. TUAN NG SUE LIM** : Terima kasih, YB Meru kerana membangkitkan membandingkan antara PWB dengan Ketua Kampung. Saya rasa perkara ini pihak kerajaan sudah dengar rintihan dan sebagainya saya yakin ada perancangan tertentu tetapi kita serahkan kepada pihak EXCO dan pihak kerajaan untuk Ketua Kampung di kampung ini kerja dia berat, sampai malam-malam pukul 12, pukul 1 ada orang kampung datang ke rumah ketuk pintu ada yang kacau ada yang bini bergaduh jadi orang tengah pun ada, ini mengganggu dia nak tidur, Ketua Kampung nak tidur pun payah sebab pukul 1 pagi pun ada macam-macam ada ular sawa besar muncul di mana Ketua Kampung pun dipanggil, bomba semuanya Ketua

Kampung seolah-olah kadang-kadang sebagai saya pun tak tahu sebagai bomba yang lebih efektif lebih daripada bomba, semua dia kena pergi jadi kita tahu Ketua Kampung ini kerja dia tanggungjawab dia besar tapi saya yakin lah Kerajaan Negeri sesungguhnya mesti membiayai perancangan yang baik untuk melalukannya dan seterusnya saya ingin menyentuh lagi satu perkara

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan, panjang lagi ke?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** sikit lagi la, sikit lagi perkara yang penting saya nampak Kerajaan Negeri mengurus kewangan dengan baik kita berjimat cermat berhemat tidak boros dan kita berbelanja pada tempat yang perlu berbelanja ini konsep dia fizikal, disiplin kita ada kita nampak tapi kebelakangan saya menerima beberapa aduan dan juga kes-kes yang berkaitan khususnya dalam belanjawan kali ini kita nampak ada dua kes yang Kerajaan Negeri kalah kes mahkamah. Perkara ini saya nampak serius kerana angka yang kita kalah dan kita terpaksa selesai di luar mahkamah dan bincang adalah RM56 juta, RM56 juta kes kita kalah saman 56 juta kalau setiap DUN dibahagikan peruntukan 100,000 tambahan RM56 juta, maknanya kalau tahun depan tak ada tambahan peruntukan ini lah kes yang kita kalah tapi saya nak bandingkan ialah duit ini RM1 juta, RM56 juta di mana kita nampak bahawa kes mahkamah kenapa kita boleh kalah kenapa kita tak selesai awal-awal dan bincang betul-betul tak sampai mahkamah tinggi, mahkamah rayuan dan mahkamah persekutuan akhirnya kita dah kalah 3-0, baru lah kita nak bincang ini masalah yang kita ada jadi kita harap pengajaran nin dapat kita ambil di mana kes OBNET, OBNET ini saya nampak OBNET siapa yang *sign* kontrak OBNET jalur lebar, WIFI jalur lebar 2003 *sign* kontrak, Barisan Nasional *sign* kontrak dia tidak munasabah melangkaui polis pun macam-macam sampai akhirnya tidak dapat dipenuhi dan akhirnya kerajaan terpaksa tamatkan dan sampai ke kes mahkamah akhirnya kena bayar kes mahkamah saman dia, dan ini siapa yang *sign* Barisan Nasional, yang kedua Delpuri kes Bukit Botak kita juga kalah dan sekarang juga saya tahu lagi ada lagi kes baru-baru ini PNSB kalah dua kes mahkamah RM34 juta, 2 kes RM68 juta, baru-baru ini kita kalah lagi satu kes tanah kita dilelong Shah Alam Property, KDEB RM170 juta dilelong ada lagi banyak kes kenapa boleh jadi begini. Saya nak tanya khidmat nasihat Penasihat Undang-undang perlu penting kita kena dengar mana Penasihat Undang-undang, kenapa Penasihat Undang-undang dia betul kita tak betul, ini ada satu yang tak kena jadi saya Cuma saya harapkan ini oleh sebab ini melibatkan wang rakyat kalau terpaksa boleh kita bincang awal bayar sikit boleh jimat daripada sampai pergi ke mahkamah sampai 3-0 baru kita bincang itu belum lagi kita nak bayar peguam dan sebagainya. Banyak duit kita kena habis dan banyak kes yang berlaku sewaktu Pelabuhan Kelang dia batalkan kontrak-kontrak akhirnya rakyat menerima kerugian jadi saya harap kes sedemikian lain kali kalau betul kita dengar tiga *opinion*, *advise* dulu kalau betul kita tak boleh menang bincang lah jangan berkeras pandai tak per kalau keras tak pandai ini yang saya nak kita timbulkan dalam dewan yang mulia ini. Satu lagi saya yang terakhir untuk perbahasan kali ini bajet yang membangun *Smart* Selangor yang peduli oleh kerana membangun *Smart*

Selangor yang peduli saya nak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri YAB Dato' Menteri Besar kerana kerajaan negeri telah membantu rakyat di DUN Sekinchan dalam konteks masalah tanah, masalah hartanah khususnya Lorong 1 hingga Lorong 5 di Bagan Sekinchan semenjak 2008 dulu Lorong 1 hingga Lorong 5, 170 keluarga tak ada geran puluh tahun duduk di situ di bawah EXCO atas bantuan EXCO Kampung Baru tak adapun geran tanah hak milik tak ada bawah Barisan Nasional mereka dijanjikan gula-gula dijanjikan akan bagi selepas menang pilihan raya, selepas pilihan raya datang janji sebab ramai nelayan mereka ada yang tak begitu berpendidikan tinggi mereka percaya sahaja janji OK. You sokong saya, saya akan bagi geran selepas pilihan raya satu pilihan raya, dua pilihan raya, tiga pilihan raya sampai 50 tahun geran tak keluar tapi selepas 2008 kita telah membantu Lorong 1 hingga Lorong 6, 170 lebih geran hak milik telah diberikan kepada nelayan-nelayan di situ untuk mereka ada satu hak milik supaya duduk di situ tanpa bukan tanpa izin lagi bukan setinggian lagi, itu satu kredit kepada Kerajaan Negeri, keduanya Lorong 6 hingga Lorong 12 di Sekinchan yang rata-rata pegawai-pegawai DO yang pernah berkhidmat di situ di Sungai Besar mesti tahu Lorong 6, Lorong 12 adalah rizab Melayu, 77 ekar tapi yang duduk di atas itu komuniti masyarakat Cina di situ majoriti nya semua 100 peratus nelayan di situ, bagaimana mereka nak dapatkan geran tak boleh dapat tapi inisiatif Kerajaan Negeri kita minta tolong dan sebagainya pantau dan siasat dan sebagainya EXCO pun tolong dan sebagainya dan akhirnya pada 2011 Kertas EXCO untuk menukar tanah di Lorong 6 hingga Lorong 12 berjaya diselesaikan kita tukar tanah 77 ekar di Sungai Panjang, Kampung Tengah untuk tanah kerajaan biasa kita wartakan untuk tanah rizab Melayu dan ini dikeluarkan Rizab Melayu dan sekarang 2013 ini baru-baru saya diberitahu oleh Pejabat Tanah bahawa pembatalan warta rizab Melayu ini telah selesai dan sebagainya langkah seterusnya bulan-bulan akan datang kita boleh buat permohonan secara pemberimilikan tiada pelupusan untuk 180 keluarga di situ ini satu kejayaan Kerajaan Negeri satu kredit tidak pernah berlaku 77 ekar tanah rizab Melayu kita tak ambil pun kita tukar sahaja tempat tidak ada hilang tanah rizab ini lah komitmen Kerajaan Negeri di mana selesai masalah dan tanah Rizab Melayu tak hilang inilah saya nak beri kredit kepada Kerajaan Negeri dan seterusnya di Sekinchan cuma ada satu masalah iaitu apa nama jeti-jeti ikan di bawah Kanun Tanah Negara 62 kita nak wartakan tapi sampai sekarang pihak LUAS telah buat saya dengar ada masalah, masalah daripada siapa? JPIN sangkut di situ sampai hari ini, nelayan nak bina struktur jeti yang lama nak ditukar baru tergendala tak boleh buat kerana di Sekinchan kita bergantung pada aktiviti perikanan nelayan jeti ini digunakan untuk mendarat ikan-ikan dan sebagainya. Kalau jeti dah usang, kayu dah reput, dan sebagainya. cukup membahayakan. Kebakaran dan sebagainya. Jadi rakyat di situ, nelayan di situ sentiasa mengharapkan cepat, pewartaan ini dibuat dan mereka dapat membina struktur yang lebih kekal seperti konkrit dan sebagainya supaya lebih *hygienic*, lebih bersih. Memenuhi cita rasa semasa. Jadi kita harap, bantuan Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam konteks ini khususnya dalam Jeti ikan ini dapat dipercepatkan. Pihak JUPEM juga harus memainkan peranan. Saya harap dengan perkara inilah, saya yakin, belanjawan 2016 sebanyak RM2.88

billion ini pasti akan merancakkan ekonomi negeri Selangor membangun *Smart Selangor*, yang peduli yang dibawa oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Dan saya yakin pada tahun hadapan kita akan , ya merancakkan ekonomi tidak seperti Barisan Nasional, bajetnya semakin tenat, duit tak ada, sini tak ada, potong bajet, semua Kementerian kena potong. Kita tambah, bas Selangorku tambah, semua tambah dan saya ucapkan terima kasih bagi pihak kakitangan kerajaan juga kerana diberi bonus 1 bulan setengah. Pusat Persekutuan yang hebat 50 lebih tahun mentadbir hanya 500 token. 500... kita 1 bulan setengah. Selepas, bagi sebulan sekarang ada lagi setengah bulan. Dia bagi 500. Kita Setengah bulan. Beza cukup jauh, cukup jauh. Ini Kerajaan Negeri Selangor. Yang keduanya, yang terakhir, yang terakhir iaitu kita juga, saya bagi pihak BBC, bagi pihak BBC mewakili seluruhnya, termasuk pembangkang, terima kasih kepada kerajaan, kerana memberi *Medical Card*, 40 ribu syiling, untuk semua ya. *Medical Card* kepada kebajikan ADUN. Kesihatan ADUN kena jaga. Kalau ADUN bercakap, berbahas, lakukan kerja 24 jam di kawasan dan sebagainya , kesihatan tidak terurus akhirnya macam-macam masalah berlaku, ini juga mendatangkan pelbagai masalah keluarga juga. Saya ucapkan terima kasih ya bagi pihak BBC kepada kerajaan. Saya harap banyak permintaan lagi , dalam BBC ada yang saya panjangkan. YAB Dato Menteri Besar kena teliti satu persatu. Inilah saya menyokong penuh bajet belanjawan 2016 ini membangun Selangor yang peduli. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Terima kasih YB Tuan Speaker. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk sama mengambil bahagian dalam perbincangan belanjawan 2016 negeri Selangor yang dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Dato Menteri Besar pada hari Jumaat yang lalu. Saya lupa nak bagi *Assalamualaikum WBT* dan salam sejahtera. Pada pembentangan belanjawan tersebut Kerajaan Negeri memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM2.880 ribu. Dengan pecahan sebanyak 50% untuk perbelanjaan mengurus dan manakala 50% adalah untuk perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan juga 2016 ini menyaksikan, satu pencapaian besar apabila peratusan perbelanjaan mengurus dan pembangunan adalah 50-50. Ini juga jauh berbeza dengan belanjawan Kerajaan Persekutuan 2016 dengan nisbah 80:20 . Dengan perbelanjaan mengurus hampir 80% berbanding perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan hampir 19% berapa peratus, dekat-dekat 20%. Manakala kumpulan wang disatukan pada tahun 2014 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 10.1% berbanding tahun 2013 dari jumlah 3.2billion berbanding daripada 2.9billion pada 31 Disember 2013. Mengikut Dato Menteri Besar sehingga September 2015 jumlah telah meningkat kepada 3.6billion. Pada pendapat saya ini adalah kelebihan bertepatan untuk Kerajaan Negeri untuk mengusulkan belanjawan defisit, sebab kita ada banyak duit insya-Allah. Sebanyak 630 juta. Tuan Speaker, saya menyambut baik strategi belanjawan 2016 yang diasaskan dengan hasrat untuk membangunkan *Smart Selangor* yang peduli

sebagaimana yang disarankan oleh Dato Menteri Besar Selangor. Itu berasaskan kepada 5 tunjang untuk membentuk sebuah kerajaan yang baik, dinamik dan organik. Jadi asas kerajaan yang baik adalah untuk kita membentuk sebuah kerajaan yang baik ini..adalah marilah kita bersama-sama.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Tuan Speaker, peraturan tetap.

**TUAN SPEAKER** : Ya, peraturan Tetap.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Tuan Speaker, peraturan tetap. 35(6) kita tak boleh membaca. Membaca teks.

**TUAN SPEAKER** : Kajang sambung.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Bodoh ke Peraturan Tetap ini. Sapa cakap bodoh. Tuan Speaker sila jawab.

**TUAN SPEAKER** : Tu tanya Speaker ke apa.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Tak. Tuan Speaker, yang bercakap yang bodoh tadi. Dalam kurungan tak boleh baca teks.

**TUAN SPEAKER** : Saya tak dengar sapa cakap bodoh pun.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Tarik balik. Dia lah yang bodoh.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Terima kasih kerana memberi saya teguran.

**TUAN SPEAKER** : Kajang berikan perhatian. Terus.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Minta maaf Dato Speaker sebab saya kena baca sebab ini adalah ayat Quran. Saya minta maaf , saya takut tersilap ya. Ayat Quran, bahawa dalam firman Allah dalam surah Al-Qasas ayat 77: mafhumnya : *Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepada mu kebahagiaan negeri akhirat. Dan janganlah kamu melupakan bahagian mu.*

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Tuan Speaker, jadi semua orang, minta maaf saya mencelah. Semua orang boleh bacalah lepas ni. Kalau dibenarkan. Baca saja teks.

**TUAN SPEAKER** : Ikut arahan. Saya benarkan untuk baca ayat Al-Quran. Silakan.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL :** Dan buat baiklah pada orang, bagaimana Allah telah membuat baik kepada kamu. Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang membuat kerosakan. Jadi maffhum, kepada ayat ini, bentuk panduan pada sebuah kerajaan . Allah SWT telah menekankan soal tata kelola pemerintahan yang baik atau *good governance* yang ditunjangi dengan pengertian pemerintahan yang bersih, *clean government*, berwibawa dan kuat, *strong government* dan pemerintahan yang efektif, *effective government*. Maka prinsip-prinsip yang membentuk sebuah pemerintahan yang sifatnya *good governant* , adalah dengan izin, berasaskan Kedaulatan undang-undang, *Role of Law, Profesional, Effective, Berkesan, Effecient, telus, transparent* dan bertanggungjawab, *Accountable*. Jadi kalaulah kita tengok asas, kerajaan mana-mana, adalah berasaskan supaya, meningkatkan kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat, bukan untuk melakukan GST. Untuk dan juga mengurangkan keperitan, (tepukan meja) keperitan dan kesengsaraan rakyat. Itu asasnya, kita memegang amanah.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Tuan Speaker, saya minta maaf, saya tidak berpuas hati, dengan perkataan bodoh yang dikeluarkan tadi. Jadi Ahli dewan ini tidak menghormati Peraturan Tetap, tidak menghormati Dewan ini . Saya minta tolong tarik balik perkataan bodoh, sebelum diteruskan.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Bernam, merujuk kepada YB yang mana yang bercakap bodoh.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Di sebelah sana.

**TUAN SPEAKER :** lalah siapa.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Seri Andalas.

**TUAN SPEAKER :** Dia merujuk kepada Seri Andalas untuk bercakap bodoh. Sila beri penjelasan sikit Seri Andalas. Sama ada Seri Andalas ada menyatakan bodoh ataupun tidak. Ada mengatakan bodoh kepada Peraturan Tetap ataupun tidak. Tidak. Ok, bertenang, bertenang. Silakan Kajang untuk menyambung.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL :** Terima kasih Tuan Speaker. Jadi apa yang kita perlukan adalah perkongsian kekayaan negara. Perkongsian supaya kekayaan negara boleh diagih-agihkan kepada rakyat. Inilah apa yang kita kata, asas untuk kita mendapatkan, mengatasi masalah daripada pelbagai sudut. Ya antara etnik, ada kelas, antara kelas, antara bandar dan luar bandar dan antara Semenanjung, Sabah Sarawak dan antara gender. Dari segi pengurusan wang rakyat.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Minta penjelasan sikit Kajang.

**TUAN SPEAKER :** Kajang , permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Tadi Kajang ada beberapa kali menyebut tentang GST, saya pun nak tanya juga pada Kajang , 163 negara dalam dunia yang buat GST ni apakah mereka juga ada kesilapan dan berlaku zalim kepada rakyat mereka. Termasuk juga beberapa negara di Asia Tenggara dan saya nak minta kalau saya boleh ke muka 162 negara, berapa negara lagi yang tidak menjalankan GST dan GST kita yang terendah 6% berbanding negara lain ada yang sampai 13,15 dan 20%. Jadi Kajang kena, kena lihat fakta nya dulu. Saya nak minta kalau ada penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Permatang tadi.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL :** Permatang. Ya, kalau kita fikirkan GST tu, kutipannya, ya mana duit tu pergi. Dan kenapa dikenakan GST itu kalau 6%, kalau dimulakan. Kalau Singapura dimulakan 3%. Kita nak katakan, memang, saya tak katakan...(tepuak meja)..kita tak nak. sebab kita kata *zero rated*. Apa salahnya, kalau kita nak bandingkan negara yang maju, buat apa. Kita nak bandingkan kerana negara kita ini, bagaimana duit kita kutipkan daripada GST itu dibelanjakan. Kalau nak katakan oo. . mereka buat ini kita kena ikut, tidak. Sekarang ni harga komoditi turun, minyak turun, harga apa ni, jadi kita punya pulangan negara dah kurang jadi rakyat kena bayar tetapi mana 2.6billion yang datang. (tepuak meja)..

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** RM2.6 bilion duit siapa sebenarnya, YB sebut ini. Duit rakyat Malaysia, duit membayar cukai. Saya nak tanya, duit membayar cukai ataupun duit daripada....sumbangan.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL :** Itu yang, itu yang kami soalan tu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Saya nak tanya, duit membayar cukai ataupun duit daripada....sumbangan.

**YB DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL :** Rakyat nak tahu. Sebab itu bukan saya nak jawab. Bukan masuk akaun saya, masuk akaun Perdana Menteri.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** lalah. Tapi YB buat tuduhan. YB tanya daripada mana. Duit rakyat Malaysia bukan. Itu soalan dia.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL :** Saudara Permatang, YB Permatang nak tanya saya, bukan duit saya.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Perdana Menteri dah umum, yang itu bukan duit daripada rakyat Malaysia dan bukan duit membayar cukai. Kenapa YB nak bangkit, itu bukan..



**TUAN SPEAKER** : Permatang, Kajang dah jawab tadi. Silakan Kajang terus.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Tuan Speaker, saya mencelah SPRM pun dah menyatakan bukan duit derma. Kena bagi tahu..

**TUAN SPEAKER** : Saya berharap YB sekalian menghormati saya di sini. Boleh bercakap, boleh bertanya tapi minta izinlah. Kalau sekiranya yang mempunyai *floor*, tak bagi izin, tak payahlah. Minta maaf. Kajang teruskan.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker. Dan nak jawab RM2.6 bilion pun nak tanya saya, saya ni siapalah. (ketawa) .. Ok saya sambung balik ya. Jadi pengurusan wang rakyat ni kita beriltizam untuk tidak melakukan rasuah dan kita , saya tak pernah dengan Dato Menteri Besar kita, kita kata *cash is king*, tak dengar pun tetapi ada yang, ni Perdana Menteri telah dikatakan berkata begitu. Ini menunjukkan bahawa banyak mana pun duit, duit itu, apakah niatnya bila dia katakan *cash is king* untuk membeli apa-apa. Jadi dalam konteks ini saya nak cakap kepada Dewan Undangan Negeri Selangor, kerajaan perlu antara lain melaksanakan dan menggunakan sistem pengurusan perbelanjaan, *spend management information system*, di mana boleh, antara teknologi yang boleh diguna pakai adalah e-perolehan, e-dokumen dan e-bidaan. *E-biding* yang lebih penting adalah semua dokumen mestilah dapat diakses oleh awam. Ini yang dikatakan ketelusan. Akses tak lah macam RM2.6 bilion tu dan apabila *Wall Street* Jurnal telah mengeluarkan satu artikel tu, jadi kita nak kerajaan Selangor telus. Ada *accountable*, ada yang boleh disemak, dalam apa yang dikatakan *Smart* Selangor itu, mempertegaskan prinsip keterbukaan, dan ketelusan yang tertera dalam Enakmen Kebebasan Maklumat. Ini adalah antara teras belanjawan yang sentiasa ditekankan semasa saudara Anwar Ibrahim dan dalam juga belanjawan alternatif Pakatan harapan yang dibentangkan dalam Parlimen. Dato' Speaker, pendekatan perancangan 3 tahun, satu pendekatan Kerajaan Negeri yang telah diberi perhatian adalah perancangan membangunkan *Smart* Selangor yang peduli ini mencakupi 2 perkara. Pertama adalah perancangan yang holistik, melibatkan segala aspek yang merupakan teras sebuah masyarakat maju iaitu sesuai dengan satu Selangor sebagai sebuah negara maju. Saya sebutkan perkara ini kerana ia mustahak, jika kita mahukan sebuah negeri yang maju, maka perancangan pembangunan mestilah selaras menjadikan juga rakyat maju. Rakyat di Sekinchan, rakyat di Permatang, rakyat di Kajang juga maju. *Insyah-Allah*. Perancangan holistik ini melibatkan penajaan sumber pendapatan yang strategik, pembangunan yang berkualiti dan peduli pendidikan dan latihan yang berkualiti dan membangun kapasiti wanita dan generasi Y. Rakyat mampu menilai perancangan pembangunan Kerajaan Negeri Selangor yang dekat di hati rakyat. Justeru ada baiknya diperjelaskan untuk dewan ini. Agensi manakah Dato Menteri Besar yang bakal menerajui pembentukan Majlis Perundingan *Smart* Selangor ini, ini soalan. Satu pendekatan yang lebih strategik diperlukan untuk meluaskan konsep *Smart State* yang melangkau tumpuan kepada

platform teknologi maklumat sahaja seperti yang digambarkan oleh Dato' Menteri Besar. Oleh itu, adakah Kerajaan Negeri akan memasukkan konsep kemampanan, *sustainability* yang dalam merangkakan *Roadmap Smart Selangor* ini, yang mampu melahirkan kelestarian kehidupan serta Teknologi Hijau sebagai sumber dan penjana pembangunan sosioekonomi negeri, ya, *Liveable City*, dengan izin.

Tuan Speaker, budaya ilmu, hampir semua pemimpin bicara soal ilmu, yang Permatang tanya saya tahu ke tidak kemudian perkara lain tetapi tidak semua serius dalam membangunkan budaya ilmu. Budaya ilmu melibatkan 3 prinsip, meletakkan ilmu dan ilmuan di tempat yang paling tinggi. Semua orang sentiasa menuntut dan berkongsi ilmu dan setiap keputusan dan tindakan adalah berasas ilmu. Dalam konteks ini, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri yang serius membangunkan budaya ilmu dengan cara, contohnya, memperkasakan Unisel, mengiktiraf UEC, menambah bilangan dan meluaskan bidang Maahad Tahfiz, membantu guru-guru KAFA dan memperkukuhkan Institut Darul Ehsan. Unisel mampu menjadi mercu tanda iaitu *showcase*, sebuah universiti milik negeri yang terbaik di Malaysia, *insya-Allah*. Pengiktirafan UEC, penambahan maahad tahfiz Sains dan Teknologi adalah merupakan komitmen Kerajaan Negeri terhadap kepelbagaian aliran pendidikan di Malaysia. Manakala Institut Darul Ehsan menjana pemikiran kontemporari dan futuristik.

Ekonomi berjati diri, pembangunan Sungai Klang. Pada dasarnya, saya menyokong inisiatif untuk memperindah dan membangunkan Sungai Klang. Ini merupakan usaha yang baik dan mengikut kajian awal, pembangunan komprehensif Sungai Klang berjumlah RM15 juta ini akan ditanggung bersama 5 PBT. Mungkin kah ini dapat digantikan dengan satu proses, *smart process* yang tidak terlalu tinggi belanjanya, seperti *request for proposal* untuk satu *master plan* pembangunan Sungai Klang yang dibuka kepada syarikat-syarikat pakar termasuk daripada seluruh dunia? Apakah implikasi dengan perancangan *River of Life* kerajaan Persekutuan yang juga memasukkan sebahagian Sungai Klang? Serta adakah kemungkinan bahawa sebahagian kos pembangunan akan dikongsi bersama? Seperti mana yang telah diperkatakan bahawa kerajaan Persekutuan bagi kat kita MARRIS tu ya, mereka juga nak kata nak buat *River of Life* di Klang, bagaimanakah perkongsian belanjanya? Dalam kesempatan ini juga, bagi pihak rakyat di Kajang dan Hulu Langat, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang sudi memperuntukkan RM50 juta, berdasarkan kenyataan EXCO pada 30 April 2015 untuk projek tebatan banjir di Kajang, tapi Kajang daripada segi sejarahnya, sudah mengalami banjir sejak tahun 70-an, bukan apabila saya menjadi Adun ya, maka kita berharap dengan pemantauan serius Dato' Menteri dan juga EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, usaha tebatan banjir yang merangkumi 9 pakej utama iaitu daripada Sungai Jeluh sampai lah ke Sungai Langat dapat disempurnakan sebaik-baiknya walaupun kita mengakui bahawa ada keterbatasannya kerana projek MRT belum lagi berakhir. Terima kasih juga kepada Dato' Menteri Besar dan seluruh anggota EXCO kerajaan yang turun ke Kajang untuk meninjau permasalahan banjir

di bandar Kajang. Agensi-agensi negeri dan pusat juga terutamanya JPS, MPKj, saya kena puji ni, MPKj, dan semua agensi yang bertungkus-lumus berusaha untuk mengatasi permasalahan banjir ini.

Tuan Speaker, dewan ini dimaklumkan bahawa masalah kutipan sampah disebabkan oleh, satunya, ketiadaan *economy of scale*. Duanya, ketidakupayaan kontraktor kecil membuat pelaburan dalam perbelanjaan modal, *CAPEX*. Ketiga, ketiadaan KPI yang jelas terhadap kontraktor. Keempat, nilai kontrak yang relatifnya rendah dan skop perkhidmatan yang tidak seragam di kalangan PBT. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk merombak pengurusan sisa pepejal kerana mekanismenya yang sedia ada tidak dapat menyelesaikan masalah sisa pepejal dengan cekap dan berkesan. Oleh itu, soalnya, adakah Kerajaan Negeri bersedia mempertimbangkan satu model pengurusan sisa pepejal yang akan menjadi penanda aras seluruh negara yang termasuk penggunaan teknologi moden dan penggunaan lebih ramai lagi tenaga kerja tempatan? Mohon diberikan satu *deadline* bilakah model ini akan diguna pakai secara menyeluruh di Selangor?

Dato' Speaker, izinkan saya memberikan sedikit cadangan..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kajang panggil 5 kali untuk Dato' Speaker tu.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL :** Dato' ni *Insyah-Allah* la ya. Kalau ada rezeki Dato', boleh lah dapat Dato' ya. Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker, izinkan saya memberi cadangan penambahbaikan pengurusan kewangan negeri. Pertama, cadangan penubuhan menubuhkan Jawatankuasa Fiskal Negeri untuk memperkukuh kebertanggungjawaban pengurusan kewangan negeri. Seperti yang telah dijelaskan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar bahawa wajib ada 3 fasa. Kebertanggungjawaban pengurusan kewangan maka wujudnya Jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC) yang maafnya, saya rasa terkilan apabila ketua pembangkang tidak ada untuk mengambil bahagian dan mengambil tugas-tugas bersama dan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan dan kebertanggungjawaban dan ketelusan Selangor (SELCAT) adalah memenuhi keperluan ini. Dengan itu, untuk melengkapkan 3 fasa, sesuai dengan konsep *Smart State* yang memerlukan proses urus tadbir efektif dan pembudayaan *participatory democracy*, dengan izin, adalah dicadangkan penubuhan Jawatankuasa Fiskal Negeri yang bersifat dwi parti, *bipartisan*, dengan izin, agar proses penyediaan belanjawan mendapat input terbaik dari semua yang akan mengimbangi *legislative budget activism stakeholders* yang dikhuatiri oleh Dato' Menteri Besar sendiri. Kedua, cadangan menubuhkan Jawatankuasa Terpilih, penggunaan aset tanah dan aset lain Kerajaan Negeri Selangor sebab dalam Kerajaan Negeri, tanah adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Memandangkan kemungkinan tanah-tanah aset Kerajaan Negeri akan digunakan sebagai gantian modal dalam projek-projek pembangunan, pelaksanaan pelan induk pengangkutan awam termasuk semua bentuk pembangunan, maka adalah dicadangkan ditubuhkan satu Jawatankuasa Terpilih penggunaan aset tanah

dan aset lain Kerajaan Negeri Selangor agar pulangan maksimum dan proses perjanjian yang telus menggunakan aset tanah dan aset lain dalam projek-projek pembangunan dan hartanah terjamin memelihara kepentingan rakyat Selangor. Ketiga, cadangan menambahkan sumber kewangan negeri melalui memperkasakan hak kewangan negeri dengan kerajaan Persekutuan dalam Majlis Kewangan Negara. Mengenai hak kewangan negeri Kerajaan Negeri, dengan kerajaan Persekutuan dalam pemberian sebenar Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri mengikut jenis pemberian dan maksud tanggungjawab bekalan terdiri daripada 13 perkara berjumlah RM808.106 juta setahun. Kerajaan Negeri harus berusaha untuk mencadangkan di mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri menaikkan jumlah pemberian mengikut bilangan orang iaitu *capital grant* yang berjumlah RM64.28 juta atau kalau dikira, dihitung-hitung, RM11.47 sahaja seorang di Selangor. Tak lah banyak ya? Kita nak naikan, supaya naikan kepada RM200 ya, seorang anak Selangor dan ia akan berjumlah kepada RM1.12 bilion setahun untuk Selangor. Sekarang ini, kerana kenapa? Memandangkan ya, Selangor adalah penyumbang terbesar cukai pendapatan dan lain-lain ya, kepada kerajaan Persekutuan. Kita sumbang, dia bagi kita RM11.47. Selangor juga adalah penyumbang terbesar KDNK Malaysia. Ini juga akan memperluaskan sumber hasil pendapatan negeri yang bergantung lebih daripada 78% kepada premium cukai dan urus niaga tanah. Mengenai peruntukan MARRIS yang telah disebutkan tadi, pemberian penyelenggaraan jalan raya negeri pada 3 November yang lalu Dato' Menteri Besar ada mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri akan menyalurkan peruntukan MARRIS yang diperolehi daripada kerajaan Persekutuan sebanyak RM500 juta setahun kepada 12 PBT masing-masing bermula pada tahun 2015 tahun ini. Keseluruhan wang tersebut akan diserahkan kepada setiap PBT untuk menyelesaikan 4 isu utama iaitu jalan berlubang, banjir, sampah dan wabak demam denggi di negeri ini. Walau bagaimanapun, terkini dewan telah diberitahu oleh Dato' Menteri Besar bahawa MARRIS, geran MARRIS sekitar RM500 juta setahun hanya boleh digunakan selaras dengan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri di mana ia hanya boleh digunakan bagi tujuan penyelenggaraan sahaja tanpa melibatkan skop kerja-kerja bina baru mahupun kerja-kerja naik taraf dan dewan ini juga dimaklumkan bahawa dalam mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada bulan Jun 2015 ini yang sudah lepas, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri, Kerajaan Negeri telah mengesyorkan agar Kementerian Kewangan menyemak semula Garis Panduan Tatacara Pengurusan Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri bagi memenuhi peningkatan kapasiti dan keperluan infrastruktur perbendaharaan semasa. Oleh yang demikian, adakah pembangunan wang MARRIS tidak boleh digunakan oleh 12 PBT ini untuk mengatasi masalah banjir, sampah dan wabak demam denggi seperti yang diberitahu oleh Dato' Menteri Besar pada 2014? Berapakah jumlah wang MARRIS yang masih belum digunakan semenjak 2014?

Dato' Speaker, Tuan Timbalan Speaker, cadangan penambahbaikan program untuk mencapai *Innovative State*, sikit lagi ya..Gagasan untuk mencapai *Innovative State*

pertama di Malaysia boleh dicapai dengan menyusun atur aset, agensi dan perancangan sedia ada dalam Belanjawan 2016, dalam satu kerangka, iaitu *framework* yang baru. Gagasan ini dapat bermula dengan tertubuhnya Majlis Inovasi Negeri yang akan merangkumi berbagai-bagai perancangan pelan-pelan induk agensi, majlis-majlis perundingan dan EXCO-EXCO berkaitan dengan satu matlamat untuk menjadikan Selangor negeri penjana inovasi ulung. Satu peruntukan baru mesti dipertimbangkan dan dimulakan dengan 3 program koordinasi seperti berikut, maaf Hulu Bernam saya kena baca sikit ya. Ini adalah fakta-fakta jadi saya tak nak lari daripada belanjawan sebab tu lah kena. Terima kasih.

Program satu, ialah menggalakkan kerjasama pintar antara institusi-institusi pengajian tinggi. Di Selangor dalam industri akademia *Innovation Clusters*, dengan izin. *Cluster* Perubatan dan Sains Hayat menjadikan Unisel sebagai Universiti Penyelidikan Utama, *Lead Research University* dalam bidang Perubatan dan Sains Hayat dengan membangunkan bersama IPT lain dan sektor swasta di Selangor, *Bio Bay* dan program *Healthrism* bersama SELGATE. *Cluster* industri halal menjadikan Unisel sebagai universiti penyelidikan juga ya, dalam Sains Pemakanan dan Pensijilan Halal dengan membangunkan bersama IPT lain dan sektor swasta di hub halal Pulau Indah. *Cluster* Teknologi Tinggi menjadikan Unisel sebagai universiti penyelidikan utama juga dalam bidang kejuruteraan, aero angkasa, automotif dan teknologi hijau dengan membangunkan bersama sektor swasta di Hub industri berteknologi tinggi Serendah. Ini boleh dimasukkan dengan *Rolls Royce* apa semua ni dan kita dapat manfaat daripada kehadiran mereka dengan memberikan kita nilai tambah teknologi.

Program kedua adalah menaiktaraf INPENS menjadi pusat latihan kemahiran bertaraf dunia dengan usahama industri-industri di Selangor. Program ketiga membina *innovation creativities start up* dan *and development part line* dengan izin, yang akan menggalakkan pembangunan perniagaan berpotensi dengan *eco system venture capital* dan *private equity* yang akan menarik pelaburan asing dan tenaga kerja profesional dari dalam dan luar negeri...luar negara.

Tuan Timbalan Speaker, segera memulakan *home maker programme*, saya menyambut baik. *Alhamdulillah*. Cadangan Kerajaan Negeri untuk memulakan program perintis *Selangor Home Maker* yang akan membuka peluang wanita profesional untuk memohon waktu kerja secara anjal atau bekerja dari rumah. Ini adalah bertepatan sekali. Kerana saya berterima kasih dan berhutang budi kepada ibu saya yang tidak bekerja dan memberikan saya pendidikan yang bukan formal. Tetapi mereka-mereka yang telah melalui pendidikan formal dan bila dia kahwin dan membuatkan satu ada anak dan menjadi seorang ibu, tugas-tugasan kita berbelah bagi dan apabila diberikan satu ya, satu peluang untuk memilih bekerja daripada rumah sambil menjaga anak itu adalah satu yang sungguh baik dan saya menyambut baik sebab saya rasa kalau saya muda dulu ini adalah peluang yang terbaik. Sekarang ni, *Alhamdulillah* untuk anak-anak muda, untuk generasi yang

akan datang. Inisiatif ini dapat membantu meningkatkan sumbangan wanita ke dalam ekonomi negeri. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar program ini disegerakan dan seharusnya dimulai dengan agensi-agensi dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri itu sendiri. Cadangan pelaksanaan projek perintis pusat sehati (*one stop center*) bagi rawatan autisme atau Didik *Smart* Selangor adalah cadangan yang amat baik bagi membantu kanak-kanak istimewa ini untuk mendapatkan bukan sahaja rawatan malah dorongan untuk membolehkan mereka berdikari dan menjalani kehidupan yang normal. Sebagai seorang doktor saya melihat bahawa ramai kes-kes, kalau yang ada kenalan-kenalan ada seorang yang ada ataupun dua orang yang kita dapati ada kes autisme. Anak mereka memang normal dalam segi apa pun tetapi ada masalah komunikasi. Budak itu tidak berkomunikasi dengan yang lain. Di dalam alam sendiri. Ini adalah satu kehilangan ya, pada segi anak, pada segi kekeluargaan, talian kekeluargaan itu satu kehilangan walaupun kita dapat anak, cahaya mata yang cantik tetapi dalam erti kata perhubungan itu tidak menyeluruh dan ada yang tidak kena pada anak itu. Jadi, kalau kes-kes autisme ini saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengambil langkah pro aktif untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi mengambil langkah awal untuk mengenal pasti, boleh kenal pasti autisme di Selangor sebab kemungkinan dalam makanan kemungkinan dalam apa-apa, kalau boleh kita buat satu program *research*, penyelidikan kenapa benda ini berlaku. Oleh itu, oleh kerana ini adalah julung kali yang akan diadakan di Negeri Selangor, perlu dipastikan bahawa infrastruktur, peralatan dan tenaga kerja terlatih di pusat ini mempunyai sijil pengesahan menurut piawai antarabangsa untuk menjamin keselamatan kanak-kanak ini. Mungkin Kerajaan Negeri juga boleh melihat untuk mengguna pakai beberapa teknik seperti *equine base therapy* yang terbukti berkesan untuk merawat autisme ini.

Timbalan Speaker...Tuan Timbalan Speaker, ini adalah penutup saya ya. Malaysia sekarang adalah di persimpangan antara dua pilihan. Belanjawan 2016 merupakan medan untuk menterjemahkan prinsip-prinsip agenda ekonomi Malaysia. Seperti yang dilancarkan oleh saudara Anwar pada 2008 yang mendahului model ekonomi baru dan dasar transformasi nasional yang dilancarkan pada 2010 di peringkat negeri. Meneliti perbezaan pendekatan prinsip dan dasar pembangunan sosio ekonomi antara Pakatan Harapan dan Barisan Nasional akan memberikan penilaian pendekatan alternatif yang wujud didalam usaha menyelamatkan negara serta bersedia menghindari krisis ekonomi yang bakal berlaku akibat suasana *glo economic global* yang tidak menentu. Segala pencapaian ekonomi negara apabila diukur daripada kekayaan sumber asli dan sumber manusia berada di bawah paras potensi yang mampu dengan izin, *under performing economic potential*. Analisis pembangunan sosial menyaksikan kesenjangan pendapatan dan kekayaan masih berlebar. Kesenjangan pendapatan dan kekayaan melebar ini di boleh dikira dengan pekali geni,  $\text{geni ukur efisien pada, untuk pendapatan adalah } 0.401$ . Geni kekayaan pada  $0.518$  dan geni aset kewangan pada  $0.901$ . Banyak lagi yang perlu dilakukan untuk menjadikan pembangunan negara lebih *inclusive* dan bukan eksklusif yang menguntungkan segelintir kecil rakyat sahaja. Di peringkat nasional, kita sedang

menghampiri batasan pertumbuhan ekonomi berdasarkan model ekonomi sedia ada (*limits of economic growth*). Oleh itu, satu pendekatan baru untuk mencetuskan satu perubahan besar penstrukturan sosioekonomi mesti dilakukan jika kita mahu membina sebuah negara yang lebih maju dan *inclusive* dalam suasana ekonomi global yang muram. Oleh yang demikian, kita berharap Kerajaan Selangor mampu berhadapan dengan tekanan global dan lebih berhemah untuk memacu pertumbuhan dan pembangunan negeri demi kesejahteraan rakyat.

Akhir kalam, Timbalan Speaker, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar, barisan EXCO dan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri yang berjaya merangka satu Belanjawan Kerajaan Negeri 2016 yang bertemakan 'Membangun *Smart* Selangor Yang Peduli' tetapi telah juga bukan sahaja itu tetapi juga menterjemahkan dan menjadi contoh pendekatan pembangunan sosioekonomi agenda ekonomi Malaysia iaitu daripada yang disarankan pada 2008 yang diasaskan oleh saudara Anwar boleh dibanggakan oleh seluruh rakyat.

Tuan Timbalan Speaker, saya Kajang mohon menyokong. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya bagi Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Speaker, syukur kita rafakkan kepada *Allah subhanahu wataala* yang mengizinkan serta mempermudah bajet 2016 selamat dibenteng dalam Dewan yang mulia ini. 'Membangun *Smart* Selangor Yang Peduli' yang telah dipilih menjadi tema belanjawan pada kali ini bagi memacu pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor bagi tempoh setahun yang akan datang. Melalui modal tunai sebanyak RM2.88 bilion kita mengharapkan sejumlah besar wang yang kita belanjakan ini bukan sekadar akan mendapat pulangan melalui lebihan hasil yang berlipat kali ganda bahkan yang lebih penting akan menurun bersama hasil itu akan mendatangkan keberkatan dan rahmat daripada *Allah subhanahu wataala*. Ia bukan sesuatu yang mustahil untuk kita capai kerana sebelum ini telah wujud kerajaan yang telah dikurniakan kemajuan dan kesenangan dengan hasil yang melimpah ruah dan keredaan serta keampunan daripada *Allah subhanahu wataala*. Membangun satu kerajaan dan negeri yang *smart* bererti kita membangunkan satu urus tadbir dan tata kelola pentadbiran yang bertamadun dan berakhlak. Melalui belanjawan kali ini kita mengharapkan kerajaan akan terus meningkatkan pendapatan, mengurangkan beban kos yang meningkat, mengelakkan pembaziran, melahirkan golongan usahawan yang lebih ramai, menggalakkan persaingan konstruktif dan mewujudkan masyarakat yang berdisiplin dan bermaruah.

Tuan Timbalan Speaker, sebelum Y.A.B. mengemukakan sebuah kerajaan dan negeri yang *smart* dan peduli, Al-Quran terlebih dahulu telah mengungkap

kewujudan sebuah kerajaan dan negara yang *smart*. Memerintah dengan adil dan berintegriti yang bukan sekadar dapat menghimpunkan kekayaan tetapi juga menghimpunkan kemakmuran, keampunan dan keberkatan dari Allah. Kerajaan Sabak sebagai suatu kuasa yang telah melalui zaman pembinaan dan zaman kegemilangan. Ni Sabak di Yaman bukan Sabak, Sabak Bernam. Semoga Sabak, Sabak Bernam akan menjadi Sabak di Yaman. Yang bukan sahaja merupakan sebuah negara yang kaya bahkan ia merupakan sebuah negara yang mendapat pengampunan daripada Allah. Negara Sabak juga adalah sebuah kerajaan yang teragung dan terbesar. Negara Sabak mempunyai pemerintahan yang bertahan selama ratusan tahun bermula pada tahun 950 sebelum Masihi sehinggalah 115 sebelum Masihi. Oleh kerana keagungan yang telah dilalui oleh mereka ini, maka kisah ini dirakamkan oleh *Allah subhanahu wataala* dalam Al-Quran dalam surah Sabak dan surah An-Nam. Melalui surah Sabak ayat yang ke-15..... '*Sesungguhnya adalah bagi penduduk di negeri Sabak telah ada tanda-tanda kekuasaan Allah subhanu wataala melalui kemakmuran dengan kebun-kebun dan ladang-ladang yang memanjang makmur di kiri dan kanan, makanlah dan minumlah rezeki daripada Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya*'. Itulah sebuah negeri yang baik yang mendapat keampunan daripada Allah. Berasaskan kepada kajian para ulama' dan sarjana ilmunan telah meletakkan beberapa asas penting sehingga Sabak diangkat sebagai sebuah kerajaan yang *smart* dan berjaya.

Pertama, kemajuan yang didorong oleh aspek ketakwaan kepada *Allah subhanahu wataala* dan akidah yang tulen maka dengan sebab inilah Sabak disifatkan sebagai negara yang makmur dan negara yang mendapat pengampunan daripada *Allah subhanahu wataala*. Yang kedua, memberi keutamaan kepada aspek pembinaan sosial yang berasaskan ilmu dan keimanan kepada Allah. Dan yang ketiga, kekuatan ekonomi berasaskan tauhid sehinggalah keberkatan dan kemakmuran yang Allah kurniakan kepada mereka menyebabkan mereka tidak pernah kekurangan makanan malah berlebihan dan kekuatan ekonomi ini akhirnya mengajak kepada seluruh sama ada mereka yang berada pada badan eksekutif mahupun legislatif untuk tunduk dan bersyukur kepada *Allah subhanahu wataala*.

Tuan Speaker, membangunkan kerajaan yang *smart* bererti kita membangunkan sebuah kerajaan yang adil dan berkat. Kerajaan yang adil dan berkat adalah kerajaan yang sentiasa memastikan tiada yang lemah ditindas dan tiada yang kuat memeras. Pemerintahan yang adil menjadikan rakyatnya di semua peringkat mendapat manfaat yang selayaknya tanpa wujud unsur pembohongan. Bagaimanapun, pentakrifan keadilan perlu dilihat melalui cerapan yang lebih luas kerana keadilan yang dipertanggungjawabkan Allah kepada pemerintah juga bererti menghalang kerosakan dan mencegah kemudaratan yang boleh mengganggu kestabilan rakyat.

Tuan Speaker, kita memaklumi bahawa Negeri Selangor menjadi tempat pertemuan bukan sekadar berbilang kaum tetapi daripada sejarah yang lalu, di sinilah kita



mendapati banyak di kalangan umat Islam juga terbeban dengan banyak fahaman-fahaman dan sebagainya. Melalui Jabatan Agama Islam melalui MAIS membanteras demi membanteras untuk memastikan rakyat umat Islam di Negeri Selangor sentiasa berada pada akidah yang betul. Berpegang kepada iktikad yang betul, seminar demi seminar disampaikan supaya kita hanya memilih satu ajaran yang betul yang berasaskan kepada akidah *Al-Sunnah Wajama'ah* . Namun realitinya masih lagi di sana bertaburan fahaman-fahaman yang datang dan masuk ke Negeri Selangor semacam sukar untuk kita bendung secara ilmu dan secara undang-undang. Oleh sebab itu di sinilah yang kita perlu melihat kembali untuk menjadikan kedudukan ini sebagai satu peluang bagi kita sentiasa berforum dan melihat bahawa di sana ada satu keadaan yang disebut sebagai perpecahan itu sebenarnya sebagai satu rahmat. Tetapi apabila perpecahan itu disambut dengan emosi dan juga dengan satu fahaman yang luar daripada fahaman iktikad Islam itu sendiri, dia bukanlah merupakan satu rahmat tetapi dia adalah merupakan satu malapetaka. Di sinilah yang seriusnya, kita mengharapkan melalui belanjawan yang kita cadangkan ini supaya satu tindakan yang bersungguh untuk kita lakukan dalam apa bentuk secara ilmiah, secara undang-undang, secara kefahaman melalui seminar supaya rakyat Selangor memahami sekurang-kurangnya hasil rakyat Selangor bahawa pentingnya kita beriktikad dengan akidah *Al-Sunnah Wajama'ah* . Smart Selangor perlu memastikan segala amalan dan tulisan yang mengganggu dan meruntuhkan suasana dan kemakmuran perpaduan yang telah dibina. Saya harap Kerajaan memastikan dengan tegas bahawa elemen negatif ini tidak ada tempatnya di Selangor. Ada beberapa elemen-elemen yang negatif yang dibawa oleh *Prime Media* yang mereka menayangkan bara api perkauman serta sensitiviti agama harus kita hentikan dan tidak ada tempatnya di Negeri Selangor. Secara keadilan sebuah pemerintahan itu bukanlah hanya tertumpu pada aspek penyempurnaan hak rakyat yang bersifat sumbangan material semata-mata sedangkan pada masa yang sama di pihak lain begitu teruja memungut sebesar-besar hasil termasuk kekayaan bumi hanya untuk kroni-kroni mereka. Senario negatif inilah yang pernah diungkapkan oleh Dr. Yusof Al-Qardawi dalam lantunan qasidahnya (Ayat Qasidah) yang bermaksud dengan izin,

*“Penggembala kambing tugasnya menghalau serigala daripada membaham kambingnya. Apa pula seandainya jika penggembala itu adalah serigala”*

Amanah kepimpinan sama ada dari peringkat eksekutif adalah elemen pelaksana yang penting menjadi enjin dan pemandu kerajaan. Mereka inilah yang bertungkus-lumus menjadi khadam rakyat, menggerakkan jentera negeri, sekiranya berlaku pengabaian, kecuaiian, ataupun kerosakan kepada enjin dan pemandu sewaktu menjalankan amanah mereka perlu diperbaiki ataupun ditukar ganti. Sebagai khadam pemimpin negeri haruslah insaf bahawa kuasa mereka tidak bertahan. Rakyat boleh menukarkan mereka dengan kepimpinan yang lebih diyakini. Tuan Speaker, sudah cukuplah pengalaman yang lalu apabila negara diurus oleh pemimpin yang tidak amanah dan bergelumang dengan rasuah, pecah amanah dan

tiada integriti. Tempias keburukan perbuatan mereka akan menimpa seluruh alam. Stadium dan bangunan yang sepatutnya bertahan telah runtuh menyembah bumi setelah status projek kroni diluluskan oleh mereka yang rasuah. Pembekal bahan binaan penipu mengurangkan kualiti dan kuantiti bahan semata-mata keuntungan lumayan. Kesan perbuatan mereka tidak menjatuhkan indeks kepercayaan masyarakat terhadap sebuah kerajaan yang dipilih melalui sistem pilihan raya malah risikonya melibatkan bencana alam, banjir kilat, pemanasan global, pembakaran dan pemusnahan hutan simpanan, kerosakan alam sekitar dan eko sistem. Kerugian berganda melibatkan kehilangan nyawa, kos pembaikan, pembinaan semula bangunan runtuh semuanya adalah akibat penyelewengan dan rasuah yang diamalkan. Tuan Speaker oleh kerana begitu pentingnya soal amanah maka kita hendaklah melakukan satu revolusi kepada satu perubahan sikap kepada rakyat di Negeri Selangor melalui yang pertamanya Badan Eksekutif. Saya secara peribadi kurang gemar apabila Dato' SUK terpaksa turun, terjah ke kafeteria, ke kantin untuk melihat, meninjau pegawai-pegawai yang culas dalam kerja. Saya percaya pada ketika itu pun Dato' SUK pun turun dalam keadaan serba kelaparan tetapi kerana soal tugas dan amanah kelaparan itu dilupakan sehinggalah pada waktu rehat barulah mengambil makanan dan ini sebahagian daripada sedikit gambaran bahawa ada di antara pegawai-pegawai kita tidak mampu mengurus masa mereka. Mereka tidak jujur dalam pengurusan masa dan apabila kita membandingkan melalui pengucapan Yang Amat Berhormat dalam ucapannya telah menyorot beberapa negara sebagai perbandingan yang diungkap dua tiga kali sebagai perbandingan adalah Negara China ataupun negara-negara rakan China dan waktu yang sama kita telah mengemukakan satu belanjawan yang besar maka belanjawan yang besar ini tidak boleh dan tidak berjaya untuk disambut melainkan oleh pegawai-pegawai yang jiwanya juga adalah besar. Oleh sebab itu kejayaan mereka negara-negara yang akan menjadi kuasa ekonomi seperti China dia tidak hanya bermula dengan ekonomi tetapi mereka mengatur soal disiplin di peringkat awal, mereka mengatur soal masa mereka, oleh sebab itu bagi kita biarlah Negeri Selangor memulakan kepada satu revolusi ketaatan terhadap masa, menjaga masa, masa dalam mesyuarat, masa dalam pengurusan dan kita mempunyai satu peraturan yang sangat ketat supaya kita dapat melatih pegawai-pegawai kita untuk sentiasa patuh dan jujur terhadap masa bekerja mereka.

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri yang telah mengumumkan dalam belanjawan pada kali ini dengan pembinaan tiga Maahad Tahfiz Integrasi yang baru di samping untuk membaik pulih sebagaimana yang telah kita nyata bahawasanya baik pulih Maahad Tahfiz Turoth yang ada di Sabak Bernam akan berakhir pada Januari ataupun sebelum pada Januari dengan maksud pada tahun hadapan kita boleh lagi menambah jumlah pendaftaran kepada pelajar-pelajar untuk masuk ke Maahad Tahfiz Turoth di Sabak Bernam. Saya meyakini dan memaklumi setiap tahun kita terpaksa menolak permohonan ribuan permohonan ke Maahad Tahfiz Sains, Maahad Tahfiz Integrasi ataupun Maahad Tahfiz Turoth ini sedangkan kita telah menggalakkan pelajar-

pelajar anak-anak supaya dia belajar dengan rajin dan sebahagiannya yang kita tolak adalah yang layak maka Alhamdulillah melalui pembinaan ini kita akan menempatkan mereka dengan pendidikan yang terjamin. Saya percaya apa yang dinyatakan pendidikan yang dikaitkan dengan soal kebolehan pasaran bagi memastikan jaminan untuk mereka hidup selepas mereka keluar daripada alam persekolahan. Rekod kita di Negeri Selangor saya percaya tidak ada seorang pun keluar dari Maahad Tahfiz ini yang menganggur. Mereka ini banyak ditempatkan di banyak tempat bahkan Allah sendiri menjamin dan mencukupkan rezeki bagi mereka-mereka yang mampu menghafaz Al-Quran itu sendiri. Tuan Speaker, oleh sebab itulah dalam perancangan Kerajaan Negeri bagi membina tiga Maahad Tahfiz ini, kita mengharapkan supaya mereka juga diberikan satu jaminan kepada penempatan universiti-universiti selepas daripada mereka tamat walau apabila mereka keluar daripada sekolah, daripada maahad, mereka telah ada keupayaan. Saya ada pengalaman sedikit untuk meninjau pelajar-pelajar Selangor yang berada di beberapa di sekolah-sekolah di luar daripada Selangor. Di Indonesia di Gontor umpamanya mereka mempunyai walaupun di antara mereka yang tidak ada kelayakan ataupun tidak mampu kerana tiada tempat untuk masuk dalam Maahad Tahfiz tetapi mereka ada keupayaan untuk menguasai Bahasa Arab kerana sekolah itu hanyalah sebuah sekolah yang hanya mewajibkan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Oleh sebab itu melalui tiga Maahad Tahfiz ini kita mengharapkan supaya ada satu ataupun dua sekolah yang kita hanya akan mengenakan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris sebagai kata pengantar rasmi di sekolah-sekolah tersebut supaya bukan hanya kita mengeluarkan seorang yang hafiz Quran tetapi mereka yang dapat menguasai Bahasa Arab di peringkat rendah, di peringkat sekolah menengah dan menguasai Bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah sebab kunjungan saya ke beberapa tempat di Gontor ini saya sempat memuji beberapa pelajar Tingkatan 2 dan mereka telah dapat menguasai Bahasa Arab dengan cukup baik dan kita harap kita dapat menerajui untuk kemajuan dalam Negeri kita.

Tuan Speaker, izinkan saya juga untuk menyebut tentang beberapa kedudukan kedai-kedai PLB yang sampai hari ini dalam keadaan yang serba tidak terurus. *Wiring-wiringnya* lama, bangunan-bangunan lama dan saya sempat mengajak Pegawai Majlis Daerah Sabak Bernam untuk meninjau dan saya dapati dan sekali gus untuk saya mencadangkan melalui belanjawan yang kita cadangkan ini. Selain daripada kita mempunyai model-model yang lain dan *smart-smart* yang lain dalam belanjawan pada kali ini satu yang boleh jadi yang belum disentuh oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ialah cadangan kita untuk mewujudkan Kedai *Smart* Selangor. Yang ini kita harap dapat mengubah landskap kedai-kedai PLB yang dalam keadaan nazak supaya kita beri nafas yang baru dan kita mempunyai satu *trademark* yang baru kepada kedai-kedai Selangor dan saya mencadangkan kepada dewan ini dan kepada Yang Amat Berhormat dan sekiranya cadangan ini diterima maka Bagan Terap di dalam DUN Sabak menjadi *pilot* model yang pertama untuk dilaksanakan model Kedai *Smart* di Selangor ini. Saya kira tidak banyak

perbelanjaan, saya telah berbincang dan kita mempunyai satu lokasi perkataan untuk menggantikannya boleh jadi sebagai permulaan kurang daripada RM70,000 kita boleh kemukakan untuk satu pintu rumah ataupun Kedai *Smart* Selangorku ini. Tuan Speaker, ini penting sebab untuk membangunkan satu bentuk pasaran baru yang kedai-kedai PLB yang kita perhatikan dalam keadaan yang tidak ada persaingan dalam pasaran dan sebagainya untuk meningkatkan suasana yang baru inilah apatah lagi Bagan Terap akan ada wujud satu pusat Maahad Tahfiz Turoth, di sana juga ada dua sekolah menengah, di sana juga ada dua sekolah rendah agama dan sekolah kebangsaan dan di sana menjadi tempat semakin tumpuan di kalangan masyarakat dan pegawai-pegawai kerajaan.

Tuan Speaker, begitu juga saya menyambung ucapan ini untuk meninjau, mengajak kepada EXCO dan juga kepada Yang Amat Berhormat tetapi apabila soal apabila Yang Amat Berhormat menyentuh tentang keselamatan stadium, insiden membakar, mencapak suar dan mercun, letupan dan sebagainya yang sekali gus kita tidak mahu semua ini ada dalam Negeri Selangor. Sekali gus kita hendak membina masyarakat dan penonton- penonton bola sepak yang beradab dan berakhlak tetapi waktu yang sama saya nak mengajak untuk kita meninjau sedikit Stadium Mini di Sabak, Sabak Bernam. Stadium ini tuan puan sekalian, walaupun tidak ada pembakaran, walaupun tidak ada letupan tapi stadium ini hampir pasti boleh untuk menempatkan binatang-binatang buas. Dalam keadaan yang semak samun, dalam keadaan kawasan stadium yang luas tiba-tiba sebahagian separuh daripada kawasan stadium dalam keadaan yang semak samun. Saya mohon supaya Kerajaan Negeri juga buat satu perubahan yang revolusi terhadap stadium ini ataupun kalau kita tak boleh kita cadangkan supaya dibuat mini zoo sahaja dalam stadium itu. Yang Amat Berhormat, ini penting saya percaya dalam stadium dalam semak samun itu ada binatang-binatang yang berbeza. Kita nak turun di stadium seorang diri untuk *jogging* takut. Sebab itu saya biasa turun waktu pagi. Saya mendapati yang *jogging*, yang nak bersenam untuk riadah pagi paling tinggi, lima, enam orang. Soal keselamatan persekitaran yang semak-samun. Berbanding dengan stadium di Sungai Besar, pagi-pagi ramai kerana di sana keselamatan jauh lebih terjamin. Sebab itu saya mengharapkan supaya EXCO yang jaga stadium, tolong turun. Tapi bawa Pengawal sebab keadaan tak berapa selamat.

Kemudian, begitu juga dalam ucapan yang akhir ini. Sabak Bernam masih lagi, *Insyah-Allah* ada kawasan-kawasan yang kita boleh jadikan sebagai kawasan untuk pendidikan dan saya fikir oleh sebab selama ini pun bumi Sabak Bernam sangat subur dengan soal pendidikan. Bukan sekadar masjid yang banyak, sekolah menengah yang banyak. Bahkan separuh, kalau dulu kita tinjau di Jabatan Agama Islam separuh daripada Pegawai JAIS itu sendiri asalnya ramai yang datang daripada Sabak Bernam. Ianya adalah amat signifikan. Ianya amat menarik untuk terus dijadikan sebagai hub ilmu dan ilmuwan di negeri Islam. Sebab itu, saya kalau boleh nak mencadang supaya diwujudkan lagi banyak lagi pusat-pusat pendidikan. Kalau boleh nak mencadang supaya melalui KUIS diwujudkan satu kampus

cawangan yang baru kerana mempermudah soal penempatan dan mempermudah bagi anak-anak Sabak Bernam daripada memilih *course* yang boleh jadi dia tidak berapa minat tapi terpaksa pergi jauh daripada Sabak Bernam sehingga ke hujung negeri Selangor ke kawasan berhampiran dengan Nilai di KUIS di Bangi. Oleh sebab itu, ini saya fikir sangat penting dalam keadaan yang saya percaya bahawa banyak lagi kawasan yang boleh untuk kita letakkan penempatan untuk pusat-pusat pendidikan.

Akhirnya, Tuan Speaker. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat dan juga Kerajaan Negeri yang telah mengeluarkan sejumlah RM2.88 bilion sebagai modal untuk kita belanjakan bagi tempoh 2016. RM2.88 bilion ini boleh jadi meningkat kepada dua, tiga kali ganda jika betul dan amanah kita mengurusnya. Tetapi andai kita silap dalam pengurusan, kita akan undur ke belakang. Boleh jadi kita dapat terimaan hasil yang banyak tetapi kita membimbangi di sana ada elemen-elemen lain yang kita terpaksa bayar kepada mereka. Kerosakan sosial masyarakat, tidak berdisiplinnya rakyat negeri Selangor dengan kerosakan yang pelbagai, tidak kurang lagi dengan soal penyakit-penyakit masyarakat, kecurian yang semua ini hanya akan menggambarkan negeri yang tidak berkat. Oleh sebab itu, keutuhan dan perpaduan dan bersyukur kepada Allah di atas RM2.88 bilion ini untuk kita menggerakkan dengan penuh keikhlasan, dengan penuh kesedaran. Mudah-mudahan kerajaan akan terus diberkati dan dirahmati oleh Allah SWT. Sekian yang dapat saya sampaikan.

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan hari ini masih panjang. Maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut :-

Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 5.00 petang.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. YA. Usul ini dipersetujui.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih, Tuan Speaker. Membangun *Smart Selangor* yang peduli seperti mana Belanjawan 2016 yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar adalah satu perbelanjaan yang bersifat *People Centric*. Ini adalah perbelanjaan dengan bajet RM2.88 bilion dengan kedudukan *surplus* sebanyak RM52.8 juta pada 30 September lalu dan dijangka kekal dengan lebih apabila akan ditutup pada hujung tahun ini. Pada saya, ini adalah satu perbelanjaan yang besar dan bersifat memandag ke hadapan untuk kemajuan Selangor khasnya dan Malaysia amnya. Hasil lebihan ini hanya boleh dicapai dengan disiplin, fizikal yang berhemah dan tadbir urus yang baik oleh para EXCO dan penjawat awam.

Jika dibandingkan dengan bajet Kerajaan Pusat, kita dapat lihat Putrajaya memperuntukkan 81% perbelanjaan untuk perbelanjaan mengurus dan hanya 19% sahaja untuk perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan negeri Selangor pula, bajet RM2.88 bilion dengan keberanian Dato' Menteri Besar adalah 50% untuk pengurusan dan 50% untuk pembangunan. Dengan pengumuman peruntukan pembangunan sebanyak RM1.44 bilion ini, rakyat akan berpeluang menikmati kemajuan yang lebih baik dari segi kemudahan-kemudahan awam seperti jalan raya, lampu-lampu jalan, pembinaan dewan dan bangunan-bangunan serta projek-projek tebatan banjir yang sememangnya diperlukan.

Negeri Selangor seperti yang kita tahu menyumbang hampir 24% kepada Keluaran Kasar Dalam Negara (KDNK). Dalam ucapan Dato' Menteri Besar, beliau berkata "*If China sneezes, the world catches fever*". Saya katakan bahawa di konteks Malaysia, kalau Selangor, Putrajaya akan dapat *fever*. Maka, ini kita kena jagakan. Ada banyak tadi yang soalkan tentang pemberian atau pun dana-dana telah yang diberikan Persekutuan kepada Negeri Selangor seolah-olah percuma atau pun penduduk di dalam Negeri Selangor tidak beri atau pun bayar kepada kemajuan negara kita.

Mengambil kira beberapa pendapat besarnya sumbangan ekonomi Negeri Selangor kepada negara. Saya pasti rakyat Selangor berasa kecewa dengan bajet negara yang dibentangkan oleh Perdana Menteri. Ini boleh dilihat sebagai contoh pengumuman pembinaan lima (5) buah hospital yang mana tidak ada langsung peruntukan untuk dibina di negeri Selangor atau pun apa-apa kemudahan kesihatan sebagai *Dialysis Centre* dan sebagainya yang perlu kita banyakkkan lagi di dalam negeri Selangor tetapi Persekutuan tidak mahu bina di dalam negeri Selangor. Perkara penting seperti ini sepatutnya tidak dilepas pandang. Hakikatnya, hospital-hospital awam di Negeri Selangor ini adalah di antara beroperasi 120% hingga 130% daripada kemampuan perkhidmatannya sekarang. Sebagai contoh Hospital Tengku Ampuan Rahimah di Klang. Adakah Putrajaya menghukum 5.8 juta rakyat negeri

Selangor kerana negeri ini ditadbir oleh Pakatan Rakyat. Saya berharap Putrajaya akan membina lebih banyak hospital awam di negeri Selangor kerana ini sememangnya keperluan dan hak rakyat di negeri Selangor.

Berbalik kepada belanjawan 2016 negeri Selangor, saya ucapkan tahniah kepada Dato' Menteri Besar. Ini adalah perbelanjaan rakyat yang mengambil kira faktor-faktor sosioekonomi rakyat yang menyentuh keperluan golongan wanita, kanak-kanak dan kaum minoriti terutamanya termasuklah kaum India. Dengan peruntukan ini, pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Desa Coalfield. Walaupun sudah lewat, dijanji akan siap pada tahun 2017. Dengan asrama juga yang berdekatan dengan Sekolah Desa Coalfield di mana tanah seluas 7 hingga 8 ekar diberikan oleh KL-Kepong kepada negeri Selangor untuk binakan asrama untuk anak-anak miskin dari golongan ladang dan juga seluruh negeri Selangor. Ini adalah satu-satunya cara untuk meningkatkan taraf hidup orang-orang miskin dari golongan bukan sahaja kaum India tapi seluruhnya untuk maju dalam negeri Selangor. Ini adalah satu-satunya cara terbaik untuk membasmi kemiskinan menerusi pendidikan. Ini bukan perkara baru, tetapi perkara yang telah digunakan oleh Kerajaan Barisan Nasional UMNO selama ini untuk bawa orang-orang dari dalam keluar dari kemiskinan selama-lamanya. Di Selangor, bandar-bandar besar terus membangun dan kadar kemiskinan bandar meningkat.

Tahniah kepada Dato' Menteri Besar atas keprihatinan beliau, skim perumahan untuk rakyat iaitu Skim DanaSel dan Selangor *Smart Home Buyers* diwujudkan. Dengan adanya Skim DanaSel, golongan berpendapatan rendah dapat memiliki rumah dengan kaedah sewa dan milik. Skim Selangor *Smart Home Buyers* pula membantu memberi pendahuluan bayaran deposit 10% bagi pembelian Rumah Selangorku. Saya yakin dengan kewujudan skim-skim ini sedikit sebanyak dapat membantu rakyat memiliki rumah dalam suasana hartanah yang semakin meningkat. Tadi EXCO Perumahan telah beritahu kita beberapa tempat akan dinaikkan Rumah Selangorku di dalam negeri Selangor dan Menteri Besar pun telah jaminakan bahawa dalam tempoh tiga (3) tahun kita akan adakan dekat 12,000 sampai 15,000 rumah yang akan dijual kepada penduduk di dalam negeri Selangor.

Pada masa yang sama, pembinaan-pembinaan ini akan dibuat di atas tanah-tanah swasta dimiliki syarikat-syarikat yang besar. Kebimbangan saya ialah syarikat-syarikat besar ini pun ada kaitan dengan Putrajaya juga. Saya harap negeri akan teliti dengan penuh perjanjian mereka untuk bina habis Rumah-rumah Selangorku ini dalam tempoh tiga (3) tahun. Apa pun boleh jadi. Kalau mereka dapat telefon dari Putrajaya untuk melewatkan pembinaan ini, boleh jadi juga sebab ramai syarikat-syarikat ini adalah syarikat GLC, Barisan Nasional. Sebab itu, saya cadangkan untuk Kerajaan Negeri Selangor untuk gunakan tanah-tanah Kerajaan yang ada sekarang untuk juga mulakan pembinaan Rumah Selangorku dengan gunakan *Smart Partnership* di antara swasta dengan Kerajaan Negeri Selangor. *Private Public Partnership* ini ialah satu *Smart Partnership* yang boleh digunakan oleh Kerajaan

untuk kemajuan negeri kita untuk masa depan yang akan datang. Ini saya minta EXCO Perumahan dan juga EXCO Luar Bandar atau pun Pejabat Menteri Besar untuk teliti isu ini.

Masalah satu lagi yang kita mesti beri tumpuan di dalam negeri Selangor pada masa sekarang ini ialah isu kemudahan-kemudahan di dalam kawasan-kawasan dalam bandar dan luar bandar iaitu dewan-dewan yang telah dibina lama-lama ini fasiliti-fasiliti untuk perniagaan kecil sebagai gerai-gerai dan sebagainya dan balai orang ramai di kampung-kampung dan kawasan-kawasan luar bandar. Keadaan dewan-dewan ini tempatan ini kalau kita pergi tengok memang uzur dan dia tak selamat, tidak boleh digunakan *wiring* sudah pun di keluar, kipas tidak jalan, *there is some need for upgrading* dengan izin dan pada masa yang sama di kawasan bandar keperluan untuk dewan-dewan baru pun ada jugak. Saya minta kerajaan untuk teliti beberapa kawasan contohnya kawasan Seri Andalas. Keperluan dewan itu ialah sangat-sangat dinantikan dengan penduduknya sesak dan banyak sekali kita tidak ada satu dewan pun di dalam kawasan itu yang katakan yang boleh digunakan dengan baik. Sebab itu, kalau katakan Majlis Tempatan tidak ada dana dan sebagainya di sini pun saya minta kerjasama negeri untuk adakan *smart partnership* di antara *private* dan *public* untuk binaan dewan-dewan ini. Mereka setuju dan mereka sedia untuk bina dewan dan gunakan dan atas skim *built operate and transfer* (BOT) boleh digunakan untuk dewan-dewan di dalam kawasan.

Tuan Speaker, masalah besar di hadapan kita sekarang pada musim ini, pada hari ini, kelmarin dan minggu hadapan ialah isu banjir di dalam kawasan-kawasan perumahan dan juga di beberapa tempat di dalam Negeri Selangor. Dalam belanjawan tahun ini peruntukan untuk tebatan banjir telah bertambah kepada 80 juta dan 24 juta daripadanya diperuntukkan untuk perbelanjaan pengurusan penyelenggaraan kolam takungan. *Main issue* di sini ialah kemajuan kawasan-kawasan ini yang semakin cepat tetapi adakah Majlis-majlis Tempatan kita bersama dengan *progress* kemajuan di dalam kawasan pada masa yang sama. Saya ingin menerangkan bahawa adalah penting untuk menumpukan usaha-usaha tebatan banjir di kawasan-kawasan perumahan khususnya yang telah wujud 30 hingga 40 tahun lamanya. Ini adalah kerana kawasan-kawasan seperti ini yang selalunya kerap alami masalah banjir. Sekarang kita nampak pembinaan-pembinaan oleh syarikat-syarikat besar untuk MRT, LRT dengan juga *Highways-highways* berkenaan. Ramai tempat-tempat ini yang kita nampak pembinaan ini sering adakan masalah banjir sekarang. Saya minta satu Jawatankuasa di negeri untuk ditubuhkan untuk teliti masalah-masalah ini di dalam negeri sebab kalau kita minta sekarang, tempat speaker dulu kita tak dengar boleh banjir sekarang Subang Jaya selalu kita dengar banjir. Apa sebabnya? Berlaku demikian? Sebab ini kita kena buat satu kajian adakah ini sebab pembinaan-pembinaan di dalam kawasan masing-masing ataupun sebab-sebab lain yang kita kena *address* dan kena diatasi.



Pembangunan di Negeri Selangor adalah pantas dan Kerajaan Tempatan kini tidak mampu untuk mengikuti perkembangan ini maka saya cadang untuk perlu memberi tumpuan dalam isu ini. Kerajaan Negeri perlu inisiatif menambah peruntukan tebatan banjir yang mencukupi untuk kemudahan rakyat dan memastikan banjir tidak berlaku lagi.

Saya terima kasih juga kepada Dato' Menteri Besar yang menyentuh pembangunan sukan di dalam negeri dengan peruntukan sebanyak 23 juta ringgit untuk persatuan bola sepak Negeri Selangor. Saya yakin boleh katakan juga bahawa dalam masa yang terdekat Dato' Menteri Besar akan pegang Piala Malaysia pada masa yang akan datang. Kalau tak ada kita kena buang *manager* pasukan FAS. Ini adalah satu langkah yang baik dan saya ingin melihat dengan peruntukan ini Dato' Menteri Besar dapat menjulang Piala Malaysia.

Langkah pembangunan akademik merah kuning secara holistik dan profesional juga dilihat penting sebagai usaha mencari dan mengilap bakat-bakat muda dari seawal usia 16 tahun. Ini memberi peluang kepada semua anak muda Negeri Selangor dari semua kaum untuk cemerlang dan membentuk pelapis kepada kemajuan bola sepak di dalam Negeri Selangor. Dengan peruntukan tambahan untuk belia dan sukan saya berharap EXCO yang bertanggungjawab dapat memberikan tumpuan khas bukan sahaja kepada sukan bola sepak ataupun skop belia tertentu tetapi juga tumpuan yang sama pada diberikan kepada semua jenis sukan yang melibatkan anak-anak dan perempuan ini. Adalah untuk menggalakkan dan memberi mereka peluang yang saksama untuk berjaya khususnya saya minta tumpuan di bagi, diberi kepada futsal yang digemari oleh pemuda, kabbadi yang sekarang satu sukan yang diminati dan juga sepak takraw. Kita kena jadi johan di dalam *South East Asia* juga kalau tidak masalah.

Tuan Speaker, saya nampak dalam bajet juga, Menteri Besar sebut bahawa ada pembinaan tiga buah hospital swasta dengan perbelanjaan 300 juta ringgit. Saya tidak ada masalah dengan pembinaan hospital swasta tetapi saya minta kita buat kajian jenis hospital apa yang kita nak bina dan di kawasan mana hospital ini akan dibenakan. Sekarang kalau kita lihat dengan keadaan di luar, 70% penduduk Negeri Selangor menggunakan Hospital Kerajaan, 30% sahaja menggunakan Hospital Swasta. 70% pakar di dalam Negeri Selangor bekerja di Hospital Swasta dan 70% pakar kerja di Hospital Swasta dan 30% di Hospital Kerajaan. Dengan izin, *If you want to built hospital thats made money we have to build sub specialists hospital* dan bukan hospital yang biasa.

Contohnya, you kena adakan *pediatric cardiology* sebagai satu hospital, *oncology* yang berkenaan dengan kanser sahaja ataupun sakit puan yang itu *ginercology* dan sebagainya. *You have to build sub specialists hospital in order to attract patient in order for hospital to make money.* Di dalam keadaan ini hospital swasta ini mesti maju dan dia mesti ada untung untuk jalan diri sendiri punya. Saya minta lah siapa-

siapa yang *incharge* untuk buat kajian dulu sebelum menentukan bahawa di mana dan apa hospital akan dibina di dalam Negeri Selangor.

Lagi satu ialah di mana, EXCO telah bagikan data-data dengan pinjaman Hijrah Negeri Selangor dan saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa dan semua yang terlibat di mana 11 ribu lebih telah pun berjaya mendapatkan hijrah ini tetapi saya nampak kekurangannya ialah segi kaum-kaum yang berkenaan. Kaum Bumiputera ialah dekat 90% yang jaya, kaum Cina *less than* 1% dari apa yang saya nampak dan kaum India ini ialah juga dekat 4% sahaja. Saya minta pegawai-pegawai hijrah ini khususnya bagi tumpuan kepada kemiskinan di dalam bandar khususnya kaum-kaum India dan kalau kita tidak ada pegawai-pegawai India yang akan turun untuk membuat semakan dan juga untuk dapatkan orang-orang di bawah sebab ini penting sebab mereka di bawah ini yang perlu bantuan ini ialah yang tak berapa mahir dan pandai di dalam Bahasa Malaysia, dia kena gunakan bahawa ibundanya untuk kita dapatkan capai sasaran kita yang saya diberitahu tiap-tiap DUN akan diberikan 1,000. Penerimaannya akan diterima oleh Hijrah. So, untuk kita dapatkan sasaran-sasaran yang betul, saya minta Jawatankuasa Hijrah untuk teliti dan bagi peluang untuk kerja-kerja khususnya untuk kaum-kaum India di dalam Hijrah Selangor ini.

Saya akan akhiri dengan ucapan penghargaan kepada Penjawat Awam. Di kesempatan ini saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Hj. Muhammad Khusrin bin Haji Munawi dan kesemua penjawat awam yang telah memberi sokongan dan usaha yang baik. Saya percaya tanpa sokongan dan usaha dari semua adalah sukar untuk Negeri Selangor mencapai lebihan bajet. Teruskan kerja dan usaha yang baik ini untuk kemajuan rakyat Negeri Selangor.

Saya akan mengakhiri dengan cubaan satu serangkap pantun, *bearer, bearer with me*, budi kenangan sepanjang hayat, membawa kemakmuran sepanjang zaman, belanjawan pintar peduli rakyat, demi impian negeri idaman.

Saya sokong belanjawan 2016 Negeri Selangor dengan Tema Pembangun *Smart* Selangor Yang Peduli.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Selamat Petang, Salam Sejahtera, salam ubah saya ucapkan kepada semua dan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bajet tahun 2016. Hari ini saya tidak ada banyak perkara yang saya ingin bawa tetapi saya harap perkara-perkara yang saya membawa ini kita dapat memberi satu perhatian yang khusus demi menjaga kebaikan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada masa, tahun-tahun yang akan datang.

Isu pertama yang saya ingin membawa ialah berkenaan *long term financial planning* dengan izin untuk kita merangka perbelanjaan kita dengan berhemah untuk satu jangka masa puluh-puluh tahun yang akan datang. Ini adalah kerana saya perhatikan bajet Negeri Selangor setakat ini sangat bergantung kepada premium tanah sebagai sumber hasil yang utama. Jika saya diizinkan membacakan sedikit angka pada tahun 2013 kita mengutip sebanyak 1.1 bilion hasil daripada premium tanah yang lebih daripada 50% sebenarnya 52% daripada hasil keseluruhan Kerajaan Negeri Selangor. Pada 2014, RM1.13 bilion menjadi hasil premium tanah sahaja ini tidak termasuk premium-premium lain, cukai-cukai lain kepada Kerajaan Negeri Selangor juga merupakan lebih kurang 50% daripada hasil Kerajaan Negeri Selangor dan setiap tahun kita menghadapi satu *surplus* kerana saya perhatikan premium tanah yang dikutip jauh melebihi anggaran yang disasarkan. Cukai tanah lebih kurangnya apa yang disasarkan juga dikutip. Hasil bukan cukai yang lain juga lebih kurang apa yang disasarkan tetapi premium tanah ini cukup tinggi bilangan yang kita kutip sekarang. Tetapi pada saya cukai premium tanah yang kita kutip patut dikutip tak patut dikecualikan bukan seperti rakan di Barisan Nasional sebab ini pemaju mengaut keuntungan premium tanah sebahagian apa yang diberi balik kepada Kerajaan dan rakyat. Tetapi saya ingin mencadangkan pada hari ini bahawa premium-premium tanah ini haruslah diletakkan di dalam satu akaun khas ataupun akaun amanah ataupun apa-apa lagi bentuk *trust fund* yang khusus untuk tujuan-tujuan tanah. Dan izinkan saya memberi sedikit keterangan. Kita perlu ambil satu pendekatan yang berbeza. Untuk operasi-operasi hari ke harian, *our day to day operations* sebagai satu Kerajaan Negeri Selangor pada saya kita perlu menggunakan hasil yang kita dapat secara tahun ke tahun. Iaitu cukai tanah dan bayaran-bayaran fi sebagainya yang kita dapat secara berkala setiap tahun. Tetapi bagi hasil premium tanah dia adalah terhad. *It is limited, it is not renewable* dengan izin kerana jumlah tanah *agriculture* yang kita ada pada hari ini yang kita boleh tukar menjadi satu perbandaran dan dengan proses tukaran tanah pertanian kepada perbandaran kita mengutip premium tanah ini adalah terhad. Pada satu hari nanti kita akan habis peluang untuk tukar tanah pertanian menjadi perbandaran dan pada masa itu kebolehan kami untuk mengutip premium tanah ini akan jatuh secara mendadak. Dan kita hanya akan bergantung kepada *redevelopment* di dalam *city* untuk menjana premium tanah dan ini pada saya adalah satu perkara yang kita perlu merancang. Saya mengambil satu contoh, Kerajaan Norway yang menjadi satu contoh yang terbaik di dunia ini tetapi untuk mereka ialah petroleum yang menjadi hasil mereka. *The government pension fund of Norway* ataupun dulu sebelum ini dikenali sebagai *The Petroleum Fund of Norway* adalah satu tabung di mana keuntungan daripada petroleum di Norway dilaburkan di dalam tabung itu dan ini adalah untuk menjamin keadaan kewangan yang selesa kepada rakyat-rakyat Norway untuk satu jangka masa panjang dengan izin.

Dan perkara ini adalah sama yang saya ingin cadangkan kepada Negeri Selangor ialah tidak menggunakan satu amaun premium tanah untuk membuat *day to day*

*operation* pada hari ini yang mungkin akan menjejaskan prestasi pada bukan lima tahun yang akan datang tetapi saya memikirkan jangka masa panjang, 20 tahun yang akan datang sebab saya masih muda. Saya akan hidup di Negeri Selangor lagi 40, 50 tahun, *insya-Allah*. Tetapi kita perlu merangka keadaan kewangan yang boleh bertahan untuk 40, 50 tahun yang akan datang.

Jadi, saya ingin mencadangkan mungkin sebagai satu permulaan, 50% daripada hasil premium tanah kita masukkan dalam satu akaun khas. Dan akaun khas ini saya ingin mencadangkan dua tujuan, dua fungsi. Yang pertama untuk menjana pendapatan bagi Kerajaan Negeri Selangor *investment*. Tapi yang keduanya yang saya rasa pun cukup penting ialah kita perlu mengambil hasil daripada premium tanah itu lebih kurang sama seperti penjualan tanah atau naik taraf tanah untuk digunakan untuk membeli balik tanah demi kebaikan penduduk di Negeri Selangor. Cukup maklum di kawasan bandar-bandar di Negeri Selangor, kita terdapat banyak kekurangan dari segi *amenities*, kemudahan awam dan kekurangan kawasan hijau yang mungkin tidak bertumbuh secepat dengan pertumbuhan penduduk di Negeri Selangor. Jadi, saya ingin bercadang pada hari kepada Dewan bahawa kita memikirkan satu pendekatan yang baru supaya kita boleh meningkatkan kualiti kehidupan penduduk di Negeri Selangor sama di bandar dan luar bandar. Meningkatkan kualiti dengan memberi kemudahan awam yang lebih yang mencukupi terutamanya di kawasan-kawasan yang tidak ada kemudahan yang mencukupi. Contohnya di DUN Bukit Gasing, hanya ada satu dewan, dewan orang ramai sahaja di seluruh DUN Bukit Gasing dan hanya satu balai masyarakat kecil di seluruh Bukit Gasing. Kira 1.5 dewan sahaja di seluruh DUN Bukit Gasing berbanding banyak lagi DUN yang mungkin ada berpuluh-puluh dewan. Jadi kemudahan awam, kehendaknya berbeza dari satu tempat ke satu tempat kerana kekurangan tanah dan perancangannya lemah yang lepas oleh Kerajaan Barisan Nasional. Minta maaf tapi kena disebut. Jadi, dengan kita menggunakan hasil daripada premium tanah ini, hasil tanah untuk membeli tanah kita boleh melabur dalam bukan sahaja bentuk kewangan tetapi bentuk kualiti kehidupan yang baik untuk penduduk hari ini dan untuk generasi-generasi yang akan datang. Kalau kita lihat kawasan hutan Bukit Gasing di Seksyen 5, Petaling Jaya. Kalau ditanya kepada pendaki-pendaki Bukit Gasing pada hari Sabtu, hari Ahad, dia akan kata, hari ini cukup ramai orang yang mendaki pada hari Sabtu, hari Ahad. Kalau kita berbanding dengan 10 tahun yang lepas. Pada saya, ini jelas kerana bilangan penduduk di Petaling Jaya telah meningkat dengan mendadak tetapi ada tempat hijau kawasan, kawasan hijau yang tidak meningkat sejajar dengan peningkatan penduduk.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RASAK:** Boleh tanya sikit tak?

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Boleh

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RASAK:** Yang Berhormat, saya tak curiga tapi betulkah hanya ada satu kawasan Bukit Gasing ni? Sebab saya tak

tahu, tak tahu sangat fasal kawasan Bukit Gasing. Boleh namakan ke dewan itu atau betul-betul satu dewan sahaja?

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Dewan itu, dewan orang ramai itu dekat Seksyen 5/46. Kalau nak bawa saya boleh bawakan. Dan balai masyarakat tu dekat jalan 17/1A. Itu sahaja dua dewan yang kami ada di DUN Bukit Gasing. Amat, amat sedih dan tetapi saya tahu dengan kekurangan tanah susah nak di tambah. Ok, so ini adalah cadangan pertama saya. Saya harap kerajaan boleh meneliti untuk kita memberi satu pendekatan yang baru kita bukan sahaja menyediakan kemudahan awam di mana ada tanah lapang yang boleh disediakan kemudahan awam tetapi kita perlu memikirkan beli balik tanah. *Alright*, tidak salah untuk membeli balik tanah supaya dapat menyediakan kemudahan yang secukupnya untuk meningkatkan kualiti kehidupan. Bukan beli secara sewenang-wenangnya. *Don't buy at unstrategic places, buy in strategic places* yang boleh kemudahannya boleh dimanfaatkan oleh penduduk-penduduk kawasan persekitaran. Di mana tak ada taman, di mana tak ada padang, di situlah tempat strategiknya untuk membeli sekeping tanah untuk buat rekreasi. Ok.

Yang kedua, ialah sejajar dengan hasrat ini untuk meningkatkan tanah yang sedia ada untuk kemudahan awam dan kawasan hijau ialah untuk menjual tanah yang tidak boleh dipakai dengan produktif. Saya hendak memberi satu contoh. Di Seksyen 16 Petaling Jaya, ada satu kes di antara dua rumah banglo ada sekeping tanah *left over land* seluas 1,000 kaki persegi. Tanah ini tak boleh buat dewan kerana 1,000 kaki persegi terlalu kecil. Nak buat satu *playground* pun tak cukup, hanya 1,000 kaki persegi. Jadi MBPJ kena jaga tanah ini dan bila MBPJ tak potong rumput, jiran akan bising. Bila orang buang sampah di sana, jiran akan bising. Maklumlah rumah banglo Seksyen 16 ini mereka mempunyai *standard* yang sangat tinggi. Kenapa pula kita tidak menjual tanah-tanah yang tak boleh dipakai untuk kemudahan awam kepada jiran bersebelahan? Biarlah rumah banglo 10,000 persegi tu tambah lagilah 500 kaki persegi. Kerajaan Negeri boleh mendapat hasil daripada penjualan tersebut. MBPJ pun ataupun PBT-PBT boleh mengurangkan bebanan mereka untuk menjaga tanah yang tidak produktif tersebut. Hasil daripada penjualan itu kita masuk dalam tabung pertama tadi dan kita boleh membeli tanah yang lebih produktif untuk dijadikan kemudahan umum untuk Negeri Selangor.

Dan cadangan ketiga saya, juga dalam sekitar topik yang sama ialah untuk mengkaji semula sistem cukai tanah yang kita ada di Negeri Selangor. Saya ingin mulakan dengan contoh sebelum saya memberi huraian. Di sebabkan hanya ada dua jenis cukai untuk kediaman, iaitu untuk kediaman berbilang tingkat dengan *landed property*, dengan izin. Kediaman berbilang tingkat ini mempunyai cukai tanah, satu angka yang sama tak kisah dia 20 tingkat kah, 4 tingkat. Di Goodyear Court, Apartment Goodyear Court di USJ, cukai tanah dia adalah RM88.00 untuk satu apartmen biasa. Tetapi untuk rumah teres yang harganya tiga kali ganda apartmen ini rumah teres yang sama di dalam USJ juga, hanya membayar cukai tanah

RM70.00. Ini menunjukkan bahawa kita boleh menambah baik sistem cukai tanah ini supaya dia lebih adil kepada semua penduduk. Yang pertama ialah di antara pemajuan berdensiti rendah dan tinggi di dalam kategori rumah berbilang tingkat. Rumah *landed property* mungkin tidak ada masalah sebab semuanya 2, 3 tingkat ataupun 1 tingkat tak banyak beza kita bayar mengikut keluasan tanah. Tetapi bila berbilang tingkat, pemajuan yang hanya 4, 5 tingkat bebanan cukai mereka lebih tinggi berbanding projek-projek pembangunan rumah yang 20, 30 ataupun 40 tingkat yang kerana dibahagi dengan rumah yang lebih banyak cukai dia, beban cukai dia lebih rendah.

Perkara yang sama untuk bangunan komersial. Sistem cukai kita tidak membezakan sama ada kamu mendapat plot ratio 2 ataupun 8 cukai tahunan dia adalah sama. Saya juga ingin mencadangkan sangat penting untuk kita mengkaji cukai tanah untuk apartmen servis, apartmen perkhidmatan, servis apartmen. Yang adalah sebahagian daripada pembangunan bercampur. Bila dalam satu pembangunan bercampur di bawah mungkin 3, 4 tingkat bangunan komersial mungkin satu menara komersial dan mungkin 2 menara kediaman. Menara kediaman ini juga terkena dengan bayaran kadar komersial untuk cukai mereka. Jadi, pada hari ini, bukan adanya pilihan yang banyak untuk penduduk terutamanya di Petaling Jaya. Kalau kita tengok semua hartanah yang sedang dijual dalam pasaran baru ataupun diluluskan dalam Mesyuarat OSC, ia adalah bangunan pangsapuri servis dan bukannya sebagai kondominium ataupun apartmen biasa di aras tanah *residential*, dengan izin. Jadi, penduduk tidak ada banyak pilihan. Mungkin 15 tahun yang lepas pilihan dia lebih banyak kalau nak tinggal di dalam satu bangunan apartmen berservis, ada perkhidmatan tambahan, dia boleh bayar premium dalam cukai tanah dia, dia punya bil air pun lebih mahal tetapi pada hari ini kita perlu mengkaji semula cara kita mengenakan cukai tanah supaya dia lebih adil kepada semua. Jadi, saya pada hari ini tidak ada satu jawapan khas untuk macam mana nak selesaikan. Saya rasa tak wajar pun kita bincang dengan pendek sahaja tetapi saya nak mencadangkan hari ini bahawa satu jawatankuasa harus dibentuk supaya tahun 2016 menjadi tahun kita mengkaji dan kita membentuk satu sistem cukai tanah yang baru, yang lebih adil dan saksama untuk semua rakyat di Negeri Selangor.

*Point-point* terakhir, biar saya sentuh dengan cepat ialah pertama, untuk bantuan sekolah. Saya berterima kasih Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dan Sekolah Rendah Agama menerima bantuan. Tetapi saya ingin menyarankan bahawa Sekolah *Mission School* dengan izin juga diberi bantuan dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina juga diberi bantuan daripada Kerajaan Negeri daripada tabung yang sama dan jika perlu kita tingkatkanlah jumlah kewangan yang kita ada di sana. Yang lagi satu ialah RM6 juta diperuntukkan untuk hal ehwal selain Islam. Untuk pembangunan kuil, tokong, gereja dan sebagainya saya ucapkan terima kasih. Peningkatan daripada RM3 juta yang terdahulu tetapi saya ingin mohon kita mempertimbangkan untuk menaikkan dia. Saya perhatikan di dalam bajet pembangunan kita telah memberi sebanyak RM38 juta untuk pembinaan

masjid dan surau. Saya tidak berhasrat untuk mencadangkan untuk mengurangkan amaun tersebut tetapi mungkin berbanding dengan RM 38 juta yang telah diberikan untuk masjid dan surau baru, kita boleh memberi satu angka mungkin RM15 juta, RM20 juta yang lebih *equal* dengan izin supaya membantu untuk pembinaan tokong, kuil dan gereja di Negeri Selangor.

Akhir sekali saya juga ingin mencadangkan selaras dengan *Smart* Selangor bahawa kita memberi semua perkhidmatan di kaunter juga disediakan perkhidmatan *online* supaya tidak ada penduduk Negeri Selangor yang perlu ambil cuti satu hari atau setengah hari ke pejabat kerajaan untuk membuat apa-apa urusan. Jadi apa-apa perkhidmatan, apa-apa borang, apa-apa bayaran yang boleh dibuat di kaunter boleh dibuat secara *online* sejajar dengan misi Kerajaan Negeri untuk satu *Smart* Selangor. Sekian Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah. Ahli-ahli yang berhormat semua. Jam telah menunjukkan jam 5.00 petang, maka saya tangguhkan Sidang Dewan sehingga hari esok jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 5.00 petang )**